

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KE DUABELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam, Khamis, 22 Mei 2008**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ir. Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

Y.B. Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

Y.B. Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

**TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Shukri bin Mohamad Hamin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

**BENTARA**  
Encik Md. Saref bin Salleh

**PELAPOR PERBAHASAN**  
Puan Hajah Noridah binti Abdullah

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER :** Dewan di sambung semula

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Kali Kedua (Pembukaan) bagi Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedua belas dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian. Selamat datang dan selamat sejahtera. Bertemu kita kembali dalam Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan yang mulia ini bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas. Ini merupakan persidangan yang pertama selepas Ahli Yang Berhormat sekalian mengangkat sumpah pada 22 April 2008 yang lalu.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa Y.B. Tuan Mahoharan a/l Malayalam, ADUN Kota Alam Shah telah mengangkat sumpah di hadapan saya dengan kehadiran Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor dan Penolong Setiausaha Dewan pada 8 Mei 2008. Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam telah memohon cuti kerana tidak dapat menghadiri persidangan ini kerana masih berada di dalam tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sehubungan dengan itu, saya telah meluluskan permohonan cuti beliau.

Yang Berhormat, sekalian, Persidangan Dewan ini adalah medan dan ruang buat Ahli Yang Berhormat mengutarakan perkara-perkara untuk diperbincangkan bersama untuk segenap lapisan masyarakat.

Mulai penggal ini, Persidangan Dewan ini akan disiarkan secara langsung secara sepenuhnya melalui *internet webcast*, dengan izin. Oleh yang demikian, saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian mempamerkan kepada seluruh dunia mutu perbahasan yang membanggakan rakyat Selangor. Marilah kita bersama-sama membaharu imej Dewan ini menjadi sebuah badan perundangan yang berdaya cergas, cekap dan berkesan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya memulakan mesyuarat, saya ingin memaklumkan bahawa sesi pertanyaan akan mengambil masa selama 1 jam iaitu jam 10.00 hingga 11.00 pagi. Saya akan meneruskan mesyuarat daripada jam 11.00 pagi hingga 1.00 petang untuk urusan-urusan seterusnya seperti di dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Walaupun saya tidak menangguhkan Dewan untuk rehat seperti yang biasa diamalkan sebelum ini iaitu dari jam 11.00 hingga 11.30 pagi, saya akan membenarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta Ketua-ketua Jabatan sekalian untuk keluar rehat sepanjang mesyuarat berjalan seperti kelaziman di Parlimen. Sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Kedua membentangkan kertas-kertas Mesyuarat.

## **II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2008
  - Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (2007) 2008
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 2 Tahun 2008
  - Arahan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada keistimewaan lain seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 5, Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2008
  - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2006.
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2008
  - Bajet Tambahan Peruntukan Pembangunan 2007

Aturan urusan mesyuarat seterusnya ialah Usul oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

## **III. USUL**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : *Bismillahi Rahmanir Rahim.* Tuan Speaker, “ Bahwasanya mengikut Perenggan (2) dalam Peraturan Tetap 13 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini 22 Mei 2008 dipinda iaitu supaya membolehkan Aturan Urusan Mesyuarat No. 5 dijalankan selepas Aturan Urusan Mesyuarat No. 4 iaitu Pertanyaan-pertanyaan. ”

**Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat Keempat pertanyaan-pertanyaan.

#### **IV. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER :** Batu Caves

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 1 untuk Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

#### **TAJUK : PROJEK USAHA SAMA SYARIKAT KERAJAAN NEGERI DAN SYARIKAT SWASTA**

1. Difahamkan syarikat-syarikat kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) ada membuat projek-projek pembangunan yang dijalankan secara usaha sama (JV) dengan syarikat-syarikat swasta.

Bertanya kepada Y.A.B Dato` Menteri Besar :

- a) Apakah pihak kerajaan negeri berhasrat untuk menilai semula perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai oleh kerajaan penggal lalu ?
- b) Jika telah dikaji sejauh mana kandungan perjanjian-perjanjian atas projek tersebut memberikan kebaikan kepada rakyat dan mengurangkan bebanan kerajaan?
- c) Selama ini adakah perlaksanaan projek usaha sama tersebut memberikan keuntungan yang signifikan kepada syarikat-syarikat kerajaan negeri.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR :** *Assalamualaikum warahmatullahi wata'ala wabarakatuh.* Sebelum saya menjawab soalan oleh Ahli Dewan Undangan dari Batu Caves saya perlu memberi penjelasan tentang beberapa cara dan bentuk penglibatan Kerajaan Negeri Selangor dalam urusan perniagaan keseluruhannya, termasuk dalam projek usaha sama yang dipersoalkan. Pertama, di Negeri Selangor urusan pelaburan boleh dibuat melalui badan berkanun (*statutory bodies*) iaitu satu, PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor), dua PKPS (Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor). Cara yang kedua yang biasa dilakukan ialah melalui Perbadanan Pelaburan Negeri. Dua Perbadanan atau badan yang ditubuhkan di Selangor, iaitu MB *Incorporated* Perbadanan di dalam naungan Menteri Besar. Kedua, *State Secretary Incorporated* minta izin iaitu Perbadanan Setiausaha Kerajaan.

Terdapat juga contoh-contoh Perbadanan yang lain terlibat bukan dalam urusan perniagaan iaitu seperti Muzium Selangor dan Perpustakaan Selangor. Pada 20 Mei, saya diberitahu PNS mempunyai tiga anak syarikat dan dua belas anak syarikat bersekutu. PKNS mempunyai 38 projek penswastaan yang melibatkan 38 syarikat

untuk pembangunan harta tanah yang melibatkan 1473.95 ekar. Manakala Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor pula terlibat dalam sembilan usaha sama dan satu dalam sektor perladangan, sektor pemprosesan makanan halal, akuakultur dan ternakan dan *healthwealth culture* dan *florist culture* yang mengenai bunga-bungaan dan projek perumahan dan satu yang aneh ialah penglibatan dalam sekolah memandu kenderaan berat. Akaun-akaun PKNS dan PKPS sudah diaudit dan hari ini kita juga menerima akaun untuk tahun 2006 untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor bagi penelitian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dan PKNS adalah dalam proses diaudit dan ia bakal dibentangkan dalam Dewan ini.

Melalui Perbadanan Pelaburan Negeri iaitu *MB Incorporated* Perbadanan Menteri Besar, ianya memiliki pelaburan dalam dua kumpulan utama iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad, dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad ini mempunyai dua anak syarikat yang diurus niaga di pasaran saham Urus Tanah Berhad dan Kumpulan Perangsang Berhad. Kita juga terlibat dalam pelaburan negeri iaitu PNSB Pelaburan Negeri Selangor Berhad. Dan sebagaimana yang saya jelaskan tadi, *State Secretary Incorporated* atau Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri, dan ada satu lagi pelaburan yang digunakan oleh Negeri sebagai cawangannya untuk menarik pelaburan yang disebut *Selangor State Investment Centre* (Pusat Pelaburan Negeri Selangor). Kumpulan Darul Ehsan mempunyai harta tanah yang dimiliki melalui anak syarikat Kumpulan Hartanah Berhad yang disenaraikan di pasaran Kuala Lumpur Stock Exchange. Dan maklumat usaha sama dinyatakan dalam laporan-laporan usaha sama syarikat tersebut dan seperti biasa ia diedarkan kepada pemilik-pemilik saham kerana saham-saham ini diurus niaga di pasaran saham.

Hari ini, di Dewan yang mulia ini, saya menumpu untuk menjawab contoh yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Batu Caves, iaitu contoh usaha sama yang persoalkan yang dilakukan Permodalan Negeri Selangor. Syarikat Permodalan Selangor Berhad ini dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor bagi pelaburan melalui *MB Incorporated*. Terdapat pertukaran Pengerusi sekarang. Kedua, Ketua Eksekutif Permodalan Negeri Selangor sekarang sejak tiga tahun ada kalanya sebagai Pemangku dan sekarang menjadi Ketua Eksekutif ialah Datin Hajah Khairiah bt. Abu Hasan. Dan antara tugas yang diberikan kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad ialah menguruskan usaha sama yang dilakukan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dengan pihak swasta dan untuk diberi mandat kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad untuk dipantau dan diurus Perbadanan Negeri Selangor Berhad yang mempunyai juga projek penswastaan mereka sendiri.

Untuk memahami usaha yang dilakukan, konsep yang digunakan oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad sebut sebagai konsep penswastaan tetapi kalau diteliti dengan terperinci juga, ia menggunakan teknik pawah. Cara pawah itu menyerahkan tanah, milik tanah Kerajaan Negeri Selangor untuk diuruskan dan dibangunkan oleh pengusaha. Jadi, hanya pemilik tanah mendapat 30 peratus hasil dari pengurusan pembangunan tersebut, dan 70 peratus diberikan kepada mereka yang membangunkan dan menguruskan. Jadi, ini dianggap penswastaan. Tetapi yang paling penting dalam usaha ini iaitu tanah tersebut diberi kuasa untuk digunakan dan dengan apa-apa cara, iaitu dipanggil iaitu minta izin sebagai *Power of Attorney* untuk digunakan oleh pengusaha tersebut. Jadi sama ada pengusaha itu, pengusaha tersebut kalau mungkin mencagarkan di bank dia boleh menggunakan kuasa tersebut. Dan saya ingin memberikan gambaran, gambaran yang ada sekarang.

Untuk PNSB, Permodalan Negeri Selangor Berhad yang dibuat dengan pihak swasta terdapat 62 projek yang merangkumi atau menggunakan 12,007 ekar tanah milik kerajaan Negeri Selangor dan pembangunan ini dijangkakan oleh pihak pengusaha mendapat pendapatan atau hasil sebanyak 35 bilion dan Permodalan Selangor hanya dijanjikan satu bilion dan ini merupakan kurang daripada 3 peratus daripada hasil tersebut. Dan jika tidak berjaya tanah Negeri Selangor ini mungkin terlepas daripada pemilikan. Dan sekejap lagi saya akan tunjukkan contoh-contoh keadaan itu berlaku dan kebanyakan usaha sama-usaha sama ini malangnya tidak berjaya dan ia akan mengakibatkan kerugian yang besar kepada negeri dan sebab itulah sebagai Menteri Besar saya kena mantapkan, mantapkan penyelidikan usaha sama ini supaya saya tahu ke mana arahnya harta-harta Negeri Selangor ini digunakan, sesuai dengan alasan supaya ia dapat membangunkan Negeri Selangor

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker boleh dicelah...

**TUAN SPEAKER :** Belum lagi..

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Err.. boleh saya teruskan.....

**TUAN SPEAKER :** Yang Amat Berhormat sila teruskan .....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya nak memberi contoh, err.. supaya Dewan yang mulia ini dapat tahu supaya Dewan yang mulia ini dan sama-sama kita mengetahui dan belajar daripada pengalaman-pengalaman yang kita buat dalam usaha-usaha membangunkan tanah secara pawah ini. Dan pawah ini kalau saudara-saudara yang mengikuti perkembangan pertanian, pawah ini bukanlah satu cara yang asing yang aneh bagi mereka yang bekerja di kawasan sawah padi sudah menggunakan pawah ini. Tetapi ini bukan saya rasa dan anggap cara yang terbaik daripada hasil yang dilakukan ini. Saya memberi contoh tentang usaha sama yang dilakukan di daerah Petaling. Di daerah Petaling ada usaha sama yang dilakukan yang melibatkan beberapa syarikat yang saya sebutkan tetapi kalau syarikat yang saya sebutkan ia tidak dapat jelaskan usaha sama pawah ini. Ia memerlukan penelitian pengurusan, dan penelitian pengurusan itu kita mesti tahu siapa pemilik saham tersebut.

Siapakah yang mengurus harta tanah yang kita pajakan. Sebagai contoh, satu projek yang dibuat cadangan kompleks pejabat ruangan perniagaan dan pangaspuri perkhidmatan di Presint 2.9 dan 2.10 Seksyen 14 Shah Alam. Projek tersebut melibatkan *gross development value* ataupun nilai pembangunan tersebut bernilai 600 juta dan pulangan pada Permodalan Negeri Selangor Berhad hanyalah 43 juta. Dan penglibatan ini diuruskan oleh dan kajian menunjukkan Lebar Daun Sdn. Bhd. Pengarahnya ialah Dato' Norazman Norhizam atau pun dipanggil Norhizam bin Mohd Nordin, Noarazami bin Mohd. Nordin, Jamil bin Samium. Norazhar bin Mohd. Nordin. Mengikut data yang saya diberi pemegang saham 100% dimiliki oleh Dato' Norazman dan projek ini juga tidak berjalan dan Permodalan Negeri Selangor Berhad sebanyak RM500,000 yang belum lagi dibayar dan tanah ini sudah diberikan kepada syarikat tersebut dan tanah ini juga bertaraf *power of attorney* ataupun hak tanah itu terletak pada syarikat yang kita berikan. Dan saya ingin juga tunjukkan lagi satu syarikat yang namanya pun bagus juga ialah Million Tiara Sdn. Bhd. yang mengemukakan cadangan pembangunan di atas tapak Taman Botani di Mukim Sungai Buloh Selangor Darul Ehsan. Luasnya 96.19 ekar. Pendapatan dijangkakan sebanyak 577 million dan harga

pulangan untuk PNSB Permodalan Negeri Selangor Berhad dijangka RM29 juta. Dan pemegang saham ialah Metro Tegas Sdn. Bhd. Salahuddin bin Mat Hashim 30 peratus. Ini belum diterima daripada pemaju dan ia tidak boleh diuruskan kerana ia mempunyai halangan, halangan untuk dibangunkan kerana di bantah oleh NGO's kerana ini dikatakan Hutan Simpanan dan penduduk sekitar kerana statusnya sebagai Taman Botani. Tetapi yang pentingnya kuasa tanah ini sudah diserahkan kepada syarikat ini. Kuasa pemilikan tanah Negeri Selangor ini sudah diserahkan .

Saya beri lagi satu contoh Taman Botani ini iaitu projek cadangan pembangunan di atas tapak Botani di Mukim Sungai Buloh daerah Petaling Selangor Darul Ehsan yang dikelolakan Ikram Anggun Sdn. Bhd. Lembaga pengarahnnya, Noraini bt. Abdul Ghani, Ibrahim bin Mohd. Said dan pemegang sahamnya ialah lima puluh, lima puluh. Noraini bt. Abdul Ghani 50 peratus, Ibrahim bin Mohd. Said 50 peratus. Tanah ini mempunyai masalah serupa yang dikatakan tadi dan halangan untuk dibangunkan kerana di bantah oleh NGO's dan penduduk sekitar kerana statusnya sebagai Taman Botani.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN KASIM :** Tuan Speaker minta laluan...

**TUAN SPEAKER :** Belum lagi, biar dia jelaskan dulu....

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Saya ada data yang ini, saya nak tunjukkan beberapa contoh Y.B. Berhormat daripada Batu Caves nak tanya adakah usaha sama satu contoh yang saya berikan tadi. Sebanyak 12,000 hektar tanah sudah digunakan untuk usaha sama ini dan melibatkan pembangunan 35 bilion dan adakah syarat-syarat usaha sama tersebut dan dalam soalan itu menyatakan adakah usaha sama itu memberikan keuntungan yang signifikan kepada syarikat-syarikat negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengetahui tentang perkara ini ialah tentang pelaburan yang dipanggil projek, dibuat di Sepang *Gold Coast* yang melibatkan luas tanah sebanyak 4,621 ekar dan hartanah sudah diberikan bukan sahaja kepada masyarakat pelabur usaha sama ini, bukan sahaja penswastaan itu untuk pelabur-pelabur ataupun usahawan di Malaysia tetapi termasuk usahawan dari Indonesia. Jumlah tanah ialah 4,621 melibatkan jangkaan '*Gross Development Value*' ataupun nilai pembangunan sebanyak 3 billion dan Permodalan Negeri Selangor Berhad hanya mendapat 65 million. Jadi, saya tunjukkan, bahawa 12 ribu ekar tanah yang melibatkan pembangunan sebanyak 35.6 bilion dan hasil kepada negeri ialah 1.1 bilion itu pun kalau dapat dan tanah 12,007 ekar sudah dipawahkan dan dimiliki oleh syarikat-syarikat ini. Kerajaan Negeri Selangor akan meneliti dengan terperinci perkara ini boleh jadi kita mencadangkan '*independent body*' untuk melihat usaha-usaha ini sebab saya dapati satu perkara yang aneh mengenai pembaharuan dalam perniagaan ataupun usaha sama yang dibuat oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad ini. Satu pembaharuan ialah selepas memberikan tanah untuk di pawah, Kerajaan Negeri Selangor mempunyai tanah. Tanah itu dipawahkan, selepas itu terdapat satu usaha Kerajaan Negeri Selangor membeli tanah untuk dibangunkan walaupun tanah yang sudah dipawahkan ni.. tetapi membeli tanah dan pembelian tanah ini mengikut kiraan saya lebih tinggi daripada pendapatan yang kita buat dalam usaha sama tersebut. Jadi kalau kita buat sendiri dan beri pada pengusaha kita nilai pendapatan kita 4 ringgit tetapi sekaki. Tetapi kita beli tanah dengan harga 8 ringgit, satu pembaharuan tentang pemikiran tetapi tidak menolong mendapatkan hasil yang baik untuk syarikat. Saya tunjukkan satu perjanjian yang ditandatangani pada 3 Mac 2008 perjanjian itu adalah perjanjian untuk

membeli tanah di Kajang, di Daerah Kajang. saya ingin nyatakan supaya dapat maklumat yang betul. Di daerah Kajang, iaitu pembelian tanah di atas Lot 242197 PT 56674 Mukim Kajang Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan seluas 51 ekar dan sebahagian Lot 41146 Mukim Kajang Daerah Hulu Selangor Darul Ehsan, seluas 194 ekar.

Pagi ini saya nak melihat perjanjian tersebut yang ditandatangani pada 3 Mac 2008 dan surat '*lawyer*' yang menyatakan Perjanjian itu sudah di '*sign*' dan dicap pada 5 Mac tetapi bayaran duit muka dibayar pada 4 hari bulan Mac. Satu contoh kecekapan yang mengalahkan '*five day week seven day services*'. Jadi 245 ekar telah dibeli dengan harga RM80 juta dan Permodalan Negeri Selangor Berhad terpaksa mencari dana untuk membayar pembayaran tersebut tetapi yang terpenting yang ingin saya jelaskan di sini ialah penjualan yang dibuat oleh 2 kumpulan Syarikat Tertib Kelana dan *Delycase*, yang dimiliki oleh kumpulan yang sama Dato' Lim Song Peng dan Chan Lian Yen, untuk yang 51 ekar, Dato' Lim Song Peng dan Lim Pong Yek untuk 190 ekar. Tanah ini mengikut penyelidikan saya dibeli daripada I & P Sieramas oleh kedua-dua syarikat itu dan belum habis ditukar nama sudah dijual pula kepada Permodalan Negeri Selangor Berhad dan tentu kita melihat bagaimana usaha ini dilakukan dan ini contohnya ada usaha sama yang kita lakukan kita ada tanah yang sepatutnya boleh dibangunkan oleh Syarikat Permodalan Negeri Selangor Berhad sendiri dan mendapat hasil sebegini tetapi dipawahkan tetapi membeli juga tanah yang kita belum tentu tahu bagaimana untuk membangunkan.

Oleh sebab itulah saya mengambil masa sedikit untuk mengatakan bahawa saya telah meneliti semula perbelanjaan dan pelaburan Negeri Selangor. Mengikut kiraan kita dalam pilihan raya Negeri Selangor ini kaya dan kekayaan itu disalurkan kepada masyarakat Negeri Selangor. Tetapi malangnya daripada kajian saya ini kita tidak boleh mengatakan kepada rakyat Negeri Selangor kekayaan ini dapat kita salurkan kerana usaha sama-usaha sama yang dilakukan ini terdapat risiko yang tinggi hasil tidak melibatkan tanggungan negeri melebihi 35 bilion untuk ini dan untuk usaha sama yang dibuat oleh SS *Incorporated* juga melibatkan jumlah tanggungan melebihi 3 bilion. Jadi jawapan saya kepada Yang Berhormat dari Batu Caves, soalan bagus tetapi masalah besar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, dengan sistem pawah menunjukkan bahawa Kerajaan Selangor rugi besar daripada 62 projek yang sepatutnya dapat yang dihasilkan sebanyak 35 bilion hanya 1 bilion sahaja terdapat bagi Negeri Selangor. Saya ingin bertanya apakah sistem ini akan diteruskan ataukah ada cara bagi kita untuk mengambil balik tanah-tanah ini dengan merubah perjanjian itu membubarkan balik perjanjian, saya juga berminat untuk mengetahui daripada Menteri Besar yang lepas mengapakah tindakan sedemikian diambil sehingga membawa kerugian besar kepada Negeri Selangor. Terima kasih. Bangi berterima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Pertama, pembetulan. Sebab saya daripada kumpulan '*business*' dia belum rugi tetapi pertanggungan itu besar ya, belum rugi tetapi penelitian saya risikonya sangat tinggi. Kedua saya sudah meminta semua syarikat dalam kumpulan yang saya sebut ini, yang saya sebutkan saya berikan daripada PKNS PKPS dan semua tidak lagi membuat perjanjian usaha sama sehingga semua usaha yang ada sekarang diselesaikan. Ketiga, saya sudah meneliti kesemua perjanjian tersebut dan saya memberitahu dewan ini bahawa perjanjian yang sudah dibuat adalah sah dan dia melibatkan "*Power of Attorney*". Maknanya kita menyerahkan kuasa tanah

itu kepada syarikat tersebut dan untuk ambil balik sudah tentu pampasan dan juga beberapa perundingan yang kena buat. Tetapi yang penting, terdapat dalam kajian saya hanya 6 peratus daripada usaha sama ini berjaya dan kalau ini dilakukan saya nak buat contoh mengapa SS State Secretary In Incorporated menyerahkan tanah pawah itu untuk dipantau oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad. Kerana terdapat banyak projek ini terbengkalai dan tidak dapat diteruskan akibatnya bukan sahaja negeri Selangor itu hilang tanah iaitu ‘Pak Kadok’ punya cerita tetapi, bukan sahaja dia hilang tanah tetapi dia kena membayar kepada mereka sebab syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha yang mengusahakan ini sudah lari dia tak kenal pengusaha itu tapi dia kenal negeri Selangor dan negeri Selangor walaupun kata dia tak tahu tetapi dia bersetuju membuat perjanjian dan dia berjanji untuk kongsi. Kongsi itu dipanggil *very good chinese word but* kongsi untuk berkongsi bukan keuntungan kongsi dibuat sepuluh rumah dia dapat tujuh dia tiga, itu dipanggil kongsi dan kongsi itu pula yang tiga itu pun dijual oleh kita melalui penjualan berperingkat dan kita kena bayar sebab tak siap. Dan juga kita kena bayar yang lagi tu tak siap. Jadi, saya rasa perkara ini amat serius.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Pengerusi, soalan saya tak dijawab lagi separuh. Minta Menteri Besar yang lepas sila jawabkan.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan. Bangi tolong duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin menanyakan meminta penjelasan dari Y.A.B. Tan Sri Dato’ tentang contoh-contoh yang diberikan tadi. Sudahkah pihak kerajaan mengenal pasti apakah punca-punca utama yang menyebabkan perjanjian-perjanjian tanah-tanah negeri Selangor ini diserah digadaikan dengan sebeginu rupa. Dan saya khuatir perkara ini sekiranya tidak dibendung satu hari nanti akan menyebabkan Selangor bankrap, bankrap. Dengan izin. Sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO’ MENTERI BESAR :** Saya sudah, oleh sebab saya, Tuan Speaker, saya mempunyai sedikit pengalaman dalam pembangunan perumahan dan juga pengalaman mengurus syarikat-syarikat ada kalanya sama besarnya dengan negeri Selangor luasnya, jadi saya sudah bertanya kepada pegawai-pegawai bagaimana cara pemilihan mereka yang dibuat secara usaha sama. Apakah kriteria yang digunakan untuk ini, dan saya diberitahu mereka tidak tahu pengurusnya. Itu sebab satu masa saya mengatakan pasal Pena Sakti. Kriteria ini dibuat bukan di syarikat tetapi syarikat hanya menjalankan, ha inilah kumpulan usaha sama. Kita tak tahu ada kalanya saya sendiri mengambil masa untuk tanya “siapa ni”, dia boleh katakan nama syarikat tu Cahaya Kelang Construction ataupun League Synergy. Kalau itu kriterianya dan saya tanya siapa yang menguruskannya, berapa banyak usaha sama yang dilakukan, berapa banyak modal yang dia ada, kerana kita nak memilih *‘joint venture partner’*, siapa dia. Dan umpamanya sebagai contoh Kemajuan Rajawali Sdn. Bhd.

Pengurus-pengurus mengambil masa lama untuk mencari, barulah dia mencari data di pendaftaran syarikat. Maknanya kita tak tahu langsung tentang ini, hanya , dan pagi tadi, saya nak ceritakan satu keadaan, saya nak tengok minit yang usaha sama pembelian tanah tu, tengok minit, saya tengok minit, saya cakap, eh, minit ini dan *agreement* ini agak terlalu cepat. Kenapa cepat, dan kesian.... Kita mempunyai pegawai-pegawai yang menggigil kerana dia cakap, saya ikut arahan. Dan ini tak boleh. Ini saya rasa, ini saya rasa patut kita hentikan sebab mereka juga bersama-sama dengan kita dalam usaha

pembangunan negeri kita. Jadi oleh sebab itu, kita mesti membetulkan supaya ada kriteria tertentu dan Pakatan Rakyat mempunyai kriteria telus. Dan kita ada akauntabiliti. Telus dan akauntabiliti. (Tepuk).. Telus supaya kita tahu kriteria ini, dan sebab itu saya sebutkan nama yang terlibat kerana mahu ketelusan dan mahu akauntabiliti. Dan hari ini di dewan yang mulia ini, Tuan Speaker, satu pembaharuan untuk negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, saya agak hairanlah kalau Yang Amat Berhormat Ijok mengatakan bahawa tanah beribu ekar telah diserahkan. Umpama di Sepang *Gold Coast*, 4,600 ekar ni, kita masih belum luluskan semuanya, berperingkat-peringkat. Tanah itu masih milik Kerajaan Negeri. Ini melibatkan pembangunan di pantai. Dan kita sedar bahawa keputusan dasar kita keluarkan tetapi tanah itu masih milik kerajaan negeri, tak ada geran dikeluarkan dan sebagainya. Saya pun tak taulah kenapa kalau tanah ni boleh dicagarkan ke bank atau ke mana-mana tanpa geran. Dan seterusnya tentang projek botani ini, saya nak terangkan bahawa projek ini pun tanah belum diselesaikan lagi. Bilamana kita mendapat arahan demikian supaya tanah *botanic* tukarkan kepada botani di Shah Alam, Taman Bukit Cahaya maka kita telah berikan tanah ini kepada PNSB, PKNS.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, ini soalan tambahan ke ucapan Tuan Speaker ...

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan, duduk dulu.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya gunakan peraturan 37, untuk menerangkan, Sekinchan tengok dululah. Jadi projek ini panjang..

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang, Sungai Panjang ni tanya soalan ke merujuk peraturan mana ..

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya menjelaskan, memberi penjelasan sekarang..

**TUAN SPEAKER :** Di bawah mana, peraturan mana.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Di bawah 37, teguran, dan ini saya nak cakap,

**TUAN SPEAKER :** Peraturan berapa.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** 37.

**TUAN SPEAKER :** 37, yang mana.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Mengeluarkan teguran, peraturan mesyuarat , dan saya nak bercakap nak menerangkan dan kerana ini,

**TUAN SPEAKER :** 37, yang mana, ada sub-subnya.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : 37 (b).

**TUAN SPEAKER** : (b)

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Mengeluarkan keterangan.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Peraturan tetap.

**TUAN SPEAKER** : Ini lain, peraturan tetap, ini merujuk kepada bila ahli berucap. Sekarang ni Yang Amat Berhormat menjawab soalan jadi tiada kaitan

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya cadangkan kerana yang dirujuk ini nampak tidak begitu adil. Saya bersetuju perkara diterangkan dulu dan dibentangkan secara telus.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang bukan perbahasan. Yang Berhormat Sungai Panjang duduk dulu, saya bacakan, saya terangkan. Saya terangkan. Terang peraturan, sila duduk dulu. Tuan Speaker cakap, bila Tuan Speaker bercakap kena duduk.

**Y.B. PUAN LEE YING HA** : Sila hormat Tuan Speaker .

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat. (Tepuk). Yang Berhormat dulu Menteri Besar, tau la. Jadi kalau Yang Berhormat Sungai Panjang merujuk kepada Peraturan 37, ianya merujukkan kepada seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali hendak menerangkan apa-apa perkara. Jadi sekarang Yang Amat Berhormat dia menjawab pertanyaan bukan berucap, jadi tidak berkaitan. Saya tolak ini.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, Tuan Speaker .....

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara. Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM** : Tuan Speaker, soalan No. 2, bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM (KOTA DAMANSARA)**

#### **TAJUK : PEMILIHAN DAN AKTIVITI JAWATANKUASA KEBAJIKAN & KEMAJUAN KAMPUNG (JKKK)**

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kini timbul perebutan kuasa antara JKKK yang lama (yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri dulu) dan JKKK baru dalam isu pengendalian surau, masjid dan balai raya kampung. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menubuhkan JKKK baru di setiap kampung di bawah naungan terus Kerajaan Negeri?

- c) Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar ingin membentuk JKKK Pusat demi menyalurkan peruntukan Pusat kepada JKKK tersebut. Bagaimanakah kegiatan di bawah Kerajaan Negeri dapat diteruskan dalam keadaan sedemikian?

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Speaker merujuk kepada pertanyaan daripada Kota Damansara, soalan No. 2, berkaitan dengan pemilihan dan aktiviti Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK). Kerajaan Negeri menyedari bahawa ada perebutan JKKK di kawasan-kawasan kampung di negeri Selangor dan Ketua Kampung. Khususnya bila Menteri Luar Bandar mengisyiharkan akan mengiktiraf Ketua-ketua Kampung. Oleh itu Kerajaan Negeri sedang menyemak untuk melantik semula untuk melantik Ketua-ketua Kampung seramai 364 kampung di seluruh negeri Selangor.

Berkaitan dengan soalan surau dan masjid, saya rasa EXCO Agama akan menjawabnya. Berhubung dengan JKKK, Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memutuskan agar saya, Yang Berhormat Dr. Xavier, Yang Berhormat Iskandar, akan menubuhkan Jawatankuasa untuk melantik ADUN-ADUN bagi mencadangkan kepada Pegawai Daerah bagi melantik JKKK. Kelulusan ini dijangka siap pada pertengahan bulan Jun dan JKKK yang baru akan kita lantik pada bulan Julai. Seterusnya berhubung dengan cadangan Kerajaan Pusat untuk melantik Ketua Kampung, mengikut peraturan bahawa Ketua Kampung JKKK adalah struktur Kerajaan Negeri. Seandainya Kerajaan Pusat nak melantik, kita menganggap bahawa Ketua Kampung lantikan Pusat adalah tidak sah.

Seterusnya, yang berkaitan dengan JKKK juga ialah dewan-dewan. Seluruh dewan-dewan di negeri Selangor, kita akan minta supaya Pejabat Daerah mentadbirnya dan Pejabat Daerah akan menyerahkan pada JKKK untuk mentadbir dewan-dewan di seluruh negeri Selangor. Dan dewan-dewan ini kita buka pada semua rakyat negeri Selangor berbanding Kerajaan sebelum ini menggunakan dewan-dewan tersebut Pusat Khidmat Parti Kerajaan ketika itu. Cadangan Kerajaan Negeri ialah supaya dewan-dewan ini dibuka kepada semua rakyat negeri Selangor tanpa mengira fahaman politik dan ini berbeza dengan yang dahulu. Tuan Speaker, sekian jawapan saya.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Terima kasih. Soalan yang ditimbulkan ialah saingen di peringkat negeri dan pusat. Adakah ini membazirkan wang rakyat, dan kalau membazirkan wang rakyat apakah tindakan patut dilakukan untuk menyelesaikan agar wang ini tidak rugi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** JKKK dan Ketua Kampung adalah kuasa Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Pusat nak bagi kepada rakyat Selangor kita terima.

**Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB :** Soalan tambahan. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Berkenaan dengan balai-balai orang awam yang dibina di atas dana kerajaan yang telah digunakan sebagai bilik-bilik gerakan

UMNO, ada kaitan dengan pusat-pusat latihan. Ada di kawasan saya, di Kampung Kemensah satu tempat yang dinamakan Pusat Latihan UMNO Selangor. Dan saya difahamkan ada lapan, tujuh lagi pusat-pusat begini, jadi kalau boleh dapat penjelasan.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Semua dewan-dewan dan pusat-pusat yang didirikan oleh kerajaan negeri akan diserahkan kepada kerajaan negeri dan ditadbir oleh Pejabat Daerah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ya, terima kasih, Tuan Speaker. Saya amat terkilan dengan tindakan oleh kerajaan pusat. Ini saya ingin bertanya sama ada barisan EXCO tau tidak Kementerian Wilayah, Kementerian Perumahan dan Luar Bandar juga ingin membentuk JKKK yang sama di Kampung Baru Cina dan saya ingin bertanya adakah ini, memandangkan tadi ada dinyatakan bahawa ianya adalah satu kuasa di bawah kerajaan negeri, adakah ianya akan dilihat sebagai percanggahan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan bila kerajaan pusat berbuat demikian dan mencampuri hal ehwal di bawah kuasa kerajaan negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Mengenai tentang Kementerian Perumahan ini telah umum di surat khabar bahawa mereka tidak akan menubuhkan JKKK di Kampung Baru, tapi apa yang saya tahu kerajaan negeri Selangor akan tetap membantah cadangan ini kerana ini ialah di bawah kuasa negeri Selangor.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Mengikut Enakmen yang ada JKKK dan Ketua Kampung adalah struktur dalam kerajaan negeri dan kerajaan pusat kalau dia faham prinsip demokrasi dia tidak akan menubuhkan Ketua Kampung atau JKKK di negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Baru tadi sahaja .....

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, saya belum panggil lagi. Ya, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi, dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

#### **V. USUL MENYEMBAH UCPAN TERIMA KASIH SERTA MENJUNJUNG KASIH KE ATAS TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR**

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : Tuan Speaker, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : Sebelum..

**TUAN SPEAKER** : Peraturan ke?

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : Ya, Peraturan.

**TUAN SPEAKER** : Peraturan yang mana?

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : Ada mengemukakan usul untuk menangguhkan mesyuarat mengikut Peraturan 17(1).

**TUAN SPEAKER** : Ya, saya jelaskan di sini. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah pun menerima satu usul di bawah Peraturan Tetap 17(1), Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor daripada Yang Berhormat Sementara. Usul tersebut telah pun saya tolak dalam Kamar mengikut Perkara 17 sub 7 Peraturan-Peraturan Tetap berdasarkan alasan berikut :-

- a) Usul tersebut hanya berniat untuk mengambil peluang berucap di dalam majlis mesyuarat dan dalam usul tersebut tidak terdapat penjelasan menyatakan mengapa perkara itu ialah perkara tertentu berkehendakkan disegerakan dan keduanya,
- b) Menurut Peraturan Tetap 17 sub 7 sub c, usul tersebut telah melanggari Peraturan 36 sub 7, iaitu nama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah digunakan untuk mempengaruhi Dewan.

Teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : Tuan Speaker, jika sekiranya seorang membawa sesuatu usul dan Tuan Speaker menolaknya, 17(6) (b) kalau membawa usulnya dan mendapat sokongan daripada lima Ahli Dewan ataupun lebih, Tuan Speaker harus pertimbangkan untuk dibahaskan cadangan usul saya.

**TUAN SPEAKER** : Kalau mengikut Peraturan Perkara 17 sekiranya saya sebagai Speaker menolaknya memang boleh dirujuk kepada Dewan. Tetapi disebabkan saya menolak di bawah perkara 17 sub 7, menolak dalam Kamar, maka ia tidak boleh di bawa ke Dewan. Kerana diperuntukkan bahawa ia tidak boleh dibacakan di dalam Dewan. Terima kasih. Dipersilakan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon izin untuk membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“ Ampun Tuanku,

Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang berhimpun memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua Pembukaan Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas.

Tuan Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan ini saya kira berdasarkan jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi kita perlu melanjutkan Persidangan Dewan ini bukan sehingga hari Isnin tetapi sebulan lagi sebab banyak perkara yang akan terbongkar dalam persidangan ini. (Tepuk). Selama satu jam lima belas minit, saya terpukau dengan kepetahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku membicarakan permasalahan rakyat dengan begitu menyeluruh dan menunjukkan sikap kepedulian Baginda kepada rakyat. Baginda dengan berhemah articulate atau pun mengupas isu-isu rakyat dari komuniti perniagaan kepada masalah perumahan rakyat, masa depan petani, penternak dan nelayan. Inilah Raja yang berjiwa rakyat. Parti Keadilan Rakyat dengan rakan-rakan DAP dan PAS ingin mengulangi ikrar kami bahawa kami akan mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan dan mempertahankan demokrasi berparlimen dalam negara kita. Inilah yang menjadi kerangka politik semenjak kemerdekaan lagi. Tidak ada mana-mana pihak yang harus meragui kesetiaan kami kepada Institusi Raja-Raja dalam negara ini, yang kita menentang selama ini dan perjuangan kita ialah pemimpin-pemimpin politik yang diangkat oleh rakyat tetapi gagal menjaga amanah rakyat dengan bertanggungjawab. Ada kuasa mereka sompong, apabila pegawai minta panduan, nasihat tidak diberikan yang diberikan ialah batang penyapu.

Saya tampil pada pagi ini untuk mengambil tanggungjawab membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan mengajak Ahli-ahli yang Berhormat untuk memberi tumpuan kepada kesan tsunami politik yang melanda Malaysia dan khusus Selangor pada 8 Mac yang lalu. Umumnya golongan usahawan dan budayawan, warga korporat dan teknokrat, golongan pekerja dan peniaga, pemandu teksi dan petani merasa lega kerana pimpinan Barisan Nasional yang angkuh dan sompong, sang perasuh dan pemeras dihukum oleh tangan-tangan rakyat yang berkuasa maka muncullah semangat baru yang menjana tsunami politik iaitu Makkal Sakti. Masyarakat antarabangsa menyaksikan keberanian rakyat Selangor, pelbagai kaum dan agama yang berani membawa perubahan demi masa depan Selangor yang lebih terjamin di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat. Orang Ijok, Sungai Pinang dan Gombak Setia, Orang Afrika dan Timur Tengah, Orang Amerika dan Eropah. Orang Asia dan Australia, tidak ketinggalan Orang Monggolia kesemuanya menyambut baik Makkal Sakti.

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : Tuan Pengerusi

**TUAN SPEAKER** : Ya ada apa ?

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL** : 36.6. Ini ucapan ini adalah ucapan Junjung Kasih, biarlah ucapan jadi ucapan, ini ucapan sangkaan jahat memburukkan ahli lain. Walaupun tidak menyebut nama saya minta teruskan ucapan menjunjung kasih, terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Bukan untuk mencaci cela ahli lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih. Sementa. Saya rasa yang di cakap itu umum, jadi bantahan ditolak. Teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker Peraturan 35.6

**TUAN SPEAKER** : Apa masalahnya ?

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacakan cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya dan boleh ditengoknya peringatan-peringatan bagi mengingatkan balik apa yang hendak dicakapkan. Nampak Ahli Yang Berhormat Bukit Antarabangsa macam baca tekslah.

**TUAN SPEAKER :** Ya terima kasih Sri Serdang saya nampak dia tidak baca teks, dirujuk sahaja. Terima kasih. Teruskan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tuan Speaker, saya bagi ceramah dua jam pun boleh tetapi ini melihatkan beberapa fakta yang perlu berikan. Kalau tidak saya *mislead* ke dewan. Yang kedua ...

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIN BIN DIMAN :** Saya membacakan peraturan 35.6

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tak apa duduklah, Speaker dah jelas, Speaker satu saja dalam dewan ni. Tuan Speaker kadang-kadang saya rasa hairan juga, saya tak sebut dan menyinggung mana-mana pihak. Bila saya sebut je Monggolia, Saya tengok Templer melompat, siapa makan cili dia merasa pedas. Dewan gemuruh.....kerakusan pentadbiran UMNO dan BN yang lalu Tuan Speaker, melupuskan peruntukan ADUN dalam masa yang paling singkat. Alhamdulillahlah tidak mengubah pendirian rakyat untuk menolak UMNO dan Barisan Nasional. Daripada sejumlah peruntukan, Sri Serdang saya kena baca sebabnya ada angka. Dari sejumlah peruntukan tahun 2008 berjumlah RM29.5 juta pihak kerajaan UMNO dan BN yang lalu menghabiskan sebanyak RM26.6 juta iaitu 90.1% jumlah peruntukan tahun 2008 dalam tempoh 1 Januari 2008 sehingga 26 Mac 2008 dengan hanya meninggalkan baki sebanyak RM2.9 juta sahaja. Walau bagaimana kuasa *Makkal Sakti* ini Tuan Speaker, telah mengukuhkan lagi Pakatan Rakyat di Negeri Selangor untuk melakukan *done rate* yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim. Malangnya pemimpin-pemimpin elit dan bangsawan UMNO ternyata masih belum belajar dari isyarat dan signal yang diberikan oleh rakyat dalam Pilihan raya Umum Ke-12 sehingga menuntut pimpinan mereka dahulu Dr. Mahathir juga mengambil keputusan untuk keluar daripada UMNO. (Tepuk).

Justeru itu, saya yakin tsunami politik fasa kedua akan berlaku bila-bila masa, atas desakan teman-teman dan rakyat, Insya-Allah saya percaya dan yakin Pakatan Rakyat akan membentuk kerajaan persekutuan dalam masa yang terdekat. Insya-Allah kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor hari ini tampil untuk membawa satu agenda perubahan ke arah perkongsian khazanah negeri secara adil dan memastikan urus tadbir kerajaan yang cekap dan bertanggungjawab. Kita akan berpegang teguh kepada prinsip dan semangat Perlembagaan Persekutuan termasuk Fasal 153 yang memberi jaminan kepada hak dan kepentingan kepada Orang-orang Melayu, tetapi dalam masa yang sama kerajaan Pakatan Rakyat bertanggung jawab untuk meraih dan melindungi hak serta kepentingan Orang-orang India, Orang-orang Cina dan kaum-kaum lain di negeri Selangor.

Saya ingin mengingatkan kerajaan negeri di bawah kepimpinan yang baru bahawa kemajuan kita hari ini akan terus di cemburu oleh UMNO dan Barisan Nasional. Kerajaan Pusat akan terus menghambat kita dengan politik balas dendam. Pendedahan yang saya bongkar dalam Dewan Rakyat beberapa hari yang lalu, di mana Menteri

Pelancongan Malaysia Azalina Osman pada 25 Mac 2008, telah mempengaruhi mesyuarat di Kementerian dan memutuskan bahawa pada 25 Mac berkuat kuasa serta merta semua acara-acara promosi pelancongan bagi Negeri Selangor, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan digugurkan daripada senarai acara *signature event*. Kementerian juga telah memohon untuk tidak menyenaraikan acara berkenaan dalam *calendar of event*, laman web serta sebarang bahan promosi dan publisiti. Saya bawak *hard evidence* dengan izin Tuan Speaker yang membuktikan betapa zalimnya kerajaan UMNO dan Barisan Nasional yang gagal membaca isyarat yang dibuat oleh rakyat pada 8 Mac yang lalu. Justeru itu, kerajaan negeri Pakatan Rakyat harus mengambil pendekatan yang inovatif dan bijaksana supaya kita tidak menerima kesan yang parah daripada dasar politik balas dendam kerajaan pusat. Kita harus merangka hala tuju pembangunan ekonomi negeri Selangor yang lebih mantap dan tidak terlalu mengharapkan bantuan daripada Kerajaan Pusat. Perkongsian pintar di antara kerajaan negeri yang baru dengan pegawai-pegawai haruslah di perkaskan. Nasihat dan bimbingan, perlu kebijaksanaan dan diberikan secara berhemah.

Tuan Speaker, saya ingin membacakan sedikit data. Saya minta izin dari Sri Serdang. Negeri Selangor mencatatkan pendapatan minima isi rumah bulanan RM5,175.00 dan kadar kemiskinan di paras 1%. Selangor juga mencatatkan KDNK yang tertinggi di Malaysia iaitu 60.2 bilion ringgit pada tahun 2005 yang mencakupi 23% daripada KDNK negara. Sepanjang jangka masa RMK-9 ekonomi negeri Selangor dijangka akan tumbuh pada kadar 6.4%. Selangor juga merupakan negeri penerima pelaburan sektor perkilangan tertinggi di Malaysia di antara tahun 1985 hingga 2007 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM103.3 bilion. Walaupun, data dan statistik ekonomi yang menunjukkan *trend* yang positif namun khazahan negeri Selangor tidak diagihkan secara adil kepada semua rakyat. Sebagai contoh masih ramai rakyat India di Ijok yang terpinggir setelah negara merdeka selama 50 tahun. Orang-orang India dinafikan hak mereka. Orang-orang Cina khususnya peniaga-peniaga kecil tidak mendapat pembelaan. Orang-orang Melayu masih bermalam di setinggan-setinggan yang menjadi buruan penguasa PBT. Pengamatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku amat tepat lalu Baginda menegaskan supaya semua projek pembangunan yang dilaksanakan mestilah memberi manfaat dan kesenangan kepada rakyat dan bukannya keuntungan kepada sesetengah pihak sahaja. Justeru itu kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif dan inovatif untuk menarik dan menggalakkan lebih banyak pelaburan asing ke negeri Selangor. Kita harus mencari jalan untuk mempelbagaikan punca pendapatan negeri Selangor seperti yang disarankan oleh Tuanku. Dan mencari sumber pendapatan jangka panjang yang boleh diganti dengan izin *renewal resources* demi untuk kesejahteraan negeri Selangor. Insentif galakan pelaburan yang ditawarkan haruslah lebih prihatin dan memenuhi kriteria para pelabur. Saya ingin mengesyorkan langkah menyusun semula GLC negeri Selangor supaya lebih berdaya saing, dan memacu prestasi yang boleh dibanggakan dan meraih keuntungan dengan harapan supaya kerajaan negeri mendapat dividen pada masa yang akan datang. Sebagai contoh Tuan Speaker Kumpulan Hartanah Selangor Berhad yang sepatutnya menjadi syarikat hartanah yang terbaik tetapi tidak berjaya menandingi syarikat swasta yang lain beroperasi di negeri Selangor. Kumpulan Hartanah Selangor Berhad hanya mampu mencatat keuntungan selepas cukai hanya sebanyak RM26.6 juta dalam tahun kewangan 2007 dan hanya RM6.7 juta dalam tahun kewangan 2006. Peningkatan sebanyak ini 20 juta adalah hasil dengan izin *asset disposal* dalam tempoh yang berkenaan. Sedangkan syarikat-syarikat lain yang beroperasi di Selangor seperti SIME-UEP mencatatkan keuntungan sebanyak RM130.2 juta dalam tahun kewangan 2007 dan RM100.4 juta dalam tahun 2006. Mengapaakah prestasi yang amat berbeza ini

berlaku sedangkan kedua-dua syarikat ini adalah syarikat GLC dan beroperasi di dalam negeri yang sama. Kumpulan Hartanah Berhad sepatutnya disusun semula sebagai pemaju dan pengurus harta tanah dan pemegang amanah harta tanah atau REIT dengan izin *Real Estate Investment Trust* yang dimiliki oleh kerajaan negeri dan GLC dan agensinya. KHSB perlu lebih inovatif dan menjalankan pembangunan harta tanah secara perkongsian pintar dengan rakan kongsi yang strategik dan institusi perbankan secara musyarakah.

Tuan Speaker, Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengambil maklum bahawa sumber kewangan negeri semakin merosot. Sudah tentulah kerajaan negeri perlu memikirkan dan mencari alternatif baru bagi mengukuhkan kewangan negeri Selangor. Kerajaan Pakatan Rakyat mestilah mengambil pendekatan yang pro-aktif ke arah peningkatan hasil, kutipan hasil dan penambahan dana negeri. Untuk itu saya ingin mencadangkan kerajaan negeri harus mengambil langkah untuk merealisasikan nilai aset kerajaan ataupun dengan *unlock the value asset* termasuk bangunan pejabat dan komersil milik GLC dan agensi kerajaan negeri. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan negeri untuk menubuhkan Tabung Amanah Pelaburan Hartanah ataupun REIT *Real Estate Investment Trust* yang melibatkan aset-aset harta tanah milik kerajaan negeri. Melalui cara ini dana untuk pembangunan ekonomi negeri masa depan dapat dijanakan. Sebagai contoh, sekiranya REIT ini diwujudkan dengan mengumpul aset sejumlah satu bilion ringgit, nilai portfolionya satu bilion ringgit. Kerajaan negeri hanya perlu memegang kepentingan ekuiti dalam REIT sebanyak 51 peratus untuk mengawal REIT tersebut dan baki ekuiti 49 peratus iaitu sebanyak RM490 juta boleh diapungkan di Bursa Malaysia. Ini bermakna kerajaan negeri dapat memperoleh dana sebanyak RM490 juta untuk menjana pembangunan ekonomi negeri. Pegangan ekuiti pula akan menjana dividen tahunan di antara 6 hingga 7 peratus setahun sementara KHSB boleh menjadi pengurus REIT dengan pendapatan tahunan yang tetap iaitu bersamaan dengan satu peratus nilai aset REIT setahun iaitu hampir RM10 juta. Kepakaran di dalam bidang telah sedia ada kerana REIT yang paling berjaya di Malaysia iaitu exist REIT telah dibina oleh anak-anak jati Selangor.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengesyorkan supaya tanah komersil dan perindustrian yang dimiliki oleh syarikat dan individu secara pajakan 99 tahun yang berbaki kurang daripada 99 tahun diberikan penambahan tempoh pajakan *top up of list period* untuk mencukupkan tempoh pajakan mereka kepada 99 tahun dengan bayaran premium yang berpututan kepada kerajaan negeri. Ini akan meninggikan lagi nilai harta tanah tersebut, harta tanah pemilik pajakan tersebut dan memberikan suntikan kewangan kepada Kerajaan negeri secara serta merta. Selangor telah berada di mercu industrialisasi ekonomi Malaysia melalui operasi CGLC dan juga syarikat-syarikat antarabangsa di negeri ini dan kebanyakan syarikat ini telah berjaya meraih keuntungan yang cukup besar dengan bantuan insentif dan pertolongan kerajaan negeri. Justeru itu saya kira sudah sampai masanya kerajaan negeri mengamalkan dasar keuntungan sambil melaksanakan tanggungjawab sosial dengan memberikan sumbangan kepada tabung yang digunakan untuk menjayakan agenda sosial kerajaan termasuk penyediaan prasarana, perumahan awam yang lebih baik, pembiayaan pelajaran untuk anak-anak yang miskin, pelindungan alam sekitar, pengurangan jenayah dan gejala sosial dan sebagainya.

Tuan Speaker, saya ingin menyarankan dan kalau boleh menegaskan kepada kerajaan negeri yang baru supaya jangan sekali-kali meneruskan dasar kerajaan UMNO dan Barisan Nasional yang lama iaitu polisi setinggan sifar, kerana seolah-olah kerajaan

yang diberikan mandat oleh rakyat ini tidak toleran ataupun *zero tolerance* kepada orang-orang yang miskin. Kerajaan Pakatan Rakyat perlu beralih kepada pendekatan dan polisi yang baru iaitu penyediaan perumahan rakyat. Dasar pengagihan unit perumahan kos rendah sebelum ini tidak berkesan malahan dicemari oleh unsur penipuan. Ini menyebabkan mereka yang benar-benar berhak mendapat rumah dipinggirkan dan masalah setinggan masih tidak selesai sehingga hari ini. Sebagai contoh Tuan Speaker, isu Kampung Berembang. Terdapat 68 keluarga Melayu bukan orang Mongolia yang menetap di kampung ini selama hampir 50 tahun tidak mendapat pembelaan di bawah pentadbiran Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional yang lalu malahan keluarga-keluarga ini diselar dengan gelagat gelaran-gelaran sebagai samseng dan penyangak kerana tidak mahu mematuhi arahan kerajaan UMNO dan Barisan pada ketika itu.

Maka saya kira kerajaan Pakatan Rakyat hari ini perlu segera membantu mereka, pada asasnya mereka sepatutnya di peruntukan unit-unit rumah kos rendah kerana kehilangan tempat tinggal akibat pembangunan di kawasan yang telah lama mereka mendiami, malangnya saya menyambut teguran Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, sekali lagi PNSB lebih berpihak kepada pemaju iaitu Perspektif Massa Sdn. Bhd. dan tidak mengambil sikap kepedulian terhadap orang-orang miskin di Kampung Berembang. Justeru itu, PNSB mesti mematuhi dasar kerajaan Pakatan Rakyat yang baru di mana dasar kita ialah memberi keutamaan kepada rakyat bukan menantu dan kroni. PNSB mesti mematuhi dasar kepedulian rakyat untuk segera mendesak pemaju projek tersebut memberi keutamaan kepada peneroka-peneroka bandar yang telah lama bermastautin di kampung tersebut untuk mendapatkan rumah yang sewajarnya iaitu RM35,000.00 dan saya menyarankan supaya kerajaan negeri juga perlu memberikan pampasan yang setimpal dengan kesengsaraan yang dialami oleh 68 keluarga itu.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan Tuan Speaker, minta penjelasan Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Boleh beri Laluan ? Bukit Antarabangsa boleh beri laluan ?

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Silakan

**TUAN SPEAKER :** Ya, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ingin saya bertanya satu, ingin minta satu penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa ini juga mengetahui bahawa bukan sahaja mereka-mereka yang sepatutnya mendapat rumah setinggan ini tidak diberi malahan mereka yang menduduki rumah setinggan ini telah kena mengalami masalah-masalah seperti penyelenggaraan lif, persekitaran yang tidak selesa, tingkapnya tidak dilengkapi dengan bingkai besi, kalau bentuk penyelewengan oleh pemaju-pemaju projek perumahan kos rendah ini, dan saya rasa ini juga satu bentuk penyingkiran terhadap mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Terima kasih Kampung Tunku. Saya setuju, banyak masalah, sebab itu pada 8 Mac yang lalu rakyat menolak UMNO dan mengangkat Pakatan Rakyat (Tepuk). Jadi sekarang Pakatan Rakyat harus menunaikan janji kita kepada rakyat memberi keutamaan kepada rakyat bukan kepada menantu. Tuan Speaker, kerajaan negeri mesti mengambil serius titah Duli Yang Maha

Mulia Tuanku yang menggesa supaya limpahan nikmat ekonomi yang dikurniakan kepada Negeri Selangor perlu diagihkan secara adil dan saksama supaya kualiti hidup masyarakat dan rakyat Selangor dapat dipertingkatkan. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga di dalam titah ucapannya membangkitkan isu urus tadbir PBT. *Governance* yang masih di tahap yang lemah di mana perbelanjaan PBT meningkat sedangkan pendapatan PBT kian merosot. Kerajaan negeri haruslah mengambil tindakan untuk memperkasakan lagi urus tadbir yang telus dan lebih cekap. Sudah sampai masanya untuk unsur profesionalisme diterapkan dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran.

Justeru itu saya menyambut baik dasar yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk melantik golongan profesional dan wakil NGO termasuk OKU di kalangan Ahli-ahli Majlis PBT pada tahun ini. Ini adalah langkah awal Kerajaan Negeri untuk memastikan suara rakyat negeri Selangor diwakili di dalam proses penggubalan dasar-dasar di peringkat PBT. Ini juga akan meningkatkan lagi *check and balance* di dalam PBT di samping mengelakkan daripada Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran diterajui oleh dengan izin *Little Napoleon*, yang menjadikan Badan tersebut sebagai hak atau kenderaan mereka untuk melakukan amalan korupsi. Amalan sebelum ini, ke semua Ahli Majlis PBT terdiri daripada orang-orang politik, yang menjadi kepentingan mereka bukan untuk mempertahankan hak pembayar cukai dalam kawasan tersebut, yang menjadi pertimbangan mereka ialah tender sampah siapa yang dapat, pasir siapa yang dapat, rakyat terus tidak terbelia. Maka pendekatan yang diambil oleh Menteri Besar harus mendapat sokongan dan dorongan daripada semua pihak demi mempertahankan hak pembayar cukai di seluruh negeri Selangor. Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran harus mengamalkan perbelanjaan kewangan yang berhemah, prosedur yang betul dan etika pekerjaan dan penekanan kepada pengurusan korporat yang telus harus dilaksanakan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada jentera kerajaan yang efektif. Saya sempat menghadiri taklimat pertama MPAJ dua bulan yang lalu. Dalam taklimat tersebut dibentangkan belanjawan untuk tahun 2008, cukup indah penyampaian taklimat tersebut tetapi malangnya pengurusan kewangan haruslah diperbetulkan. Di antara perkara yang saya dapati dalam taklimat tersebut ialah beberapa peruntukan untuk rakyat terlalu kecil satu juta untuk longkang, dua juta untuk parit. Lain-lain RM 26 juta. Saya segera bertanya apakah definisi lain-lain sehingga kosnya sebegini tinggi tidak dijawab sehingga pagi ini. Justeru itu saya berharap semua Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran harus bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan pembayar cukai di kawasan masing-masing.

Tuan Speaker, usaha untuk mencari alternatif untuk meningkatkan taraf kehidupan golongan petani kepada kehidupan yang lebih selesa perlu disegearkan. Terdapat banyak teknologi baru sebenarnya untuk menjana tenaga ataupun “*renew built energy*” seperti *biofuel* dan *bioartenal* yang dijana dari sumber yang boleh diperbaharui iaitu *sweet potatos* ataupun ubi keledek. Inisiatif penanaman *sweet potatos* secara komersial untuk menghasilkan *artenal* ini telah terbukti seperti negara-negara China, Jepun dan Filipina. *Sweet potatos* boleh diusahakan secara komersial kerana *farmyard* per-hektar dengan izin Tuan Speaker, boleh mencecah 25 hingga 40 tan sehektar yang boleh menghasilkan 6,000 hingga 7,000 litar *bioartenal* sehektar. Bermakna *sweet potatos* berpotensi untuk menjadi salah satu tanaman industri utama di negeri Selangor. *Sweet potatos* tidak bersaing dengan tanaman industri yang lain yang mempunyai berbagai kegunaan dan tidak menjelaskan penanaman kawasan tanaman makanan yang utama kerana *sweet potatos* boleh diusahakan di kawasan tanah marginal ataupun tanah terbiar. Kerajaan juga harus mengkaji potensi tumbuhan knaf yang sejak ke belakangan

ini di tanam di negeri Kelantan sebagai tanaman alternatif kepada tembakau di Kelantan di mana kawasan seluas 300 hektar telah ditanam dengan knaf. Knaf boleh diproses menjadi papan serat ataupun *fiberboard* dan makanan ternakan. Knaf mempunyai potensi yang sangat besar kerana harga di pasaran kini bernilai RM300 setan metrik manakala yang diproses menjadi serat bernilai RM 1,300.00 setan metrik. Selangor mempunyai banyak tanah terbiar tidak dibangunkan atau tidak diusahakan secara produktif. Kerajaan negeri harus mengkaji pengenalan hasil tani komersial yang baru iaitu *sweet potatoes* dan knaf yang mempunyai hasil ekonomi yang tinggi yang berpotensi untuk menggantikan sumber semula jadi yang semakin mahal.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Pengerusi Majlis, Minta maaf Tuan Pengerusi Majlis,

**TUAN SPEAKER :** Ya, Taman Templer, ada apa ? peraturan ya, peraturan..ya, silakan..

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Saya minta maaf tapi nampaknya Y.B. Bukit Antarabangsa

**TUAN SPEAKER :** 36 sub mana?

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** 35(6), seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh di bacakan cabutan-cabutan, nampaknya Y.B. Bukit Antarabangsa masih tak faham-faham tidak boleh membaca ucapan...

**TUAN SPEAKER :** Ya, terima kasih. Taman Templer sila duduk.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Y.B. Bukit Antarabangsa bukan sahaja duduk di dewan ini, tetapi juga sebagai Ahli Parlimen, dia kena faham

**TUAN SPEAKER :** Ya, saya jelas dan faham nanti dulu, saya faham, saya buat keputusan, buat bantahan, saya jelas, faham, maksud Taman Templer, tapi saya rasa beliau bukan baca teks, bukan baca, rujuk teks, jadi Y.B. Taman Templer yang baru kena sabar sikit, ya teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Tuan Speaker, dia tak ada isu lain, itu ajelah... untuk makluman mana tadi, Templer, di Parlimen dibolehkan membaca, dah pinda perlumbagaan dan peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, jadi kalau nak tahu bertanding di Peringkat Parlimen kalau boleh. (Tepuk) Saya pun bukan baca sepenuhnya.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL :** Tuan Speaker, peraturan di sini belum diubah lagi, jadi kenalah ikut peraturan di Dewan Undangan Negeri. Kenapa pula nak ikut peraturan di Parlimen. Ini Dewan Undangan Negeri. (Tepuk). Satu ketika dulu, Tuan Speaker satu ketika dulu pun pernah baling buku tu ke bakul sampah. Ini Dewan Undangan Negeri, bukan Parlimen.

**TUAN SPEAKER :** Ya, terima kasih. Sebab tu saya bertindak lain, saya tak benarkan bagi peluang untuk orang buang peraturan. Dulu terdesak, sekarang lain, kita bagi kelonggaran, teruskan Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker, saya pun bukan baca sepenuhnya, saya hanya ambil cabutan yang melibatkan angka dan statistik, kalau nak saya boleh bagi sebab kalau tidak wakil-wakil rakyat UMNO dan Barisan Nasional tak faham angka-angka ini, statistik ini. (Tepuk).

Tuan Speaker, negara sekarang mengalami krisis makanan, ini saya tak baca ini, negara sekarang mengalami krisis kekurangan makanan yang agak kritis dan ini diakibatkan oleh kerajaan kerajaan Barisan Nasional sama ada di peringkat pusat mahupun negeri gagal menghidi trend kenaikan harga komuniti yang sebenarnya sudah bermula 2 tahun yang lalu. Sepatutnya kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat mengambil langkah awal untuk mengelak daripada berlakunya krisis kepada kekurangan bekalan bahan makanan dan keadaan ini bertambah runcing apabila negara-negara jiran khususnya memutuskan untuk tidak lagi mengeksport beras kepada Malaysia. Sementara Malaysia hanya.....

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang minta laluan, Ya silakan...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Saya ingin menegaskan di sini isunya bukan kegagalan kerajaan UMNO Barisan Nasional menghidi trend tetapi persoalannya untuk mempertahankan kepentingan kerana isu berkaitan dengan makanan sudah dibincangkan di peringkat dunia sebagai dengan izin *Food sovereignty food security* sudah dibahaskan di seluruh peringkat, mustahil Kerajaan UMNO Barisan Nasional tidak tahu tetapi persoalan mengimport permit importnya itu yang dipertahankan. Saya ingin ulasan sedikit daripada pembentang.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya setuju dengan Hulu Kelang, tetapi isu AP ini adalah isu kerajaan pusat dan saya telah bahaskan dalam Dewan Rakyat beberapa hari yang lalu mendesak kerajaan pusat supaya tidak memberlakukan hanya BERNAS sahaja monopoli AP, membekalkan beras. Saya tak boleh bawa dalam Dewan Undangan Negeri kerana ini bukan bidang kuasa kerajaan negeri dan saya setuju dengan Hulu Kelang bahawa masalah ini kerana bukan sahaja kegagalan menghidi tetapi tidak ada inisiatif untuk mempertahankan rakyat di bawah. Kerajaan pusat telah mengumumkan beberapa langkah untuk menangani masalah ini walaupun agak terlalu lewat tetapi kita tidak boleh meletakkan dan mempertaruhkan rizab negara untuk memasuki pasaran global kerana membina *stock pile* ini juga mempunyai risiko yang agak tinggi kerana kebarangkalian kita membeli beras pada masa yang salah dengan harga yang tinggi.

Tuan Speaker, Justeru itu saya menyarankan kerajaan negeri untuk membantu kerajaan pusat sebab di pusat memang terlalu lemah maka kerajaan negeri Menteri Besar perlu menjadi penasihat kepada Kerajaan Pusat untuk menghadapi krisis makanan ini. Saya ingin mencadangkan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang. Pertama kerana ini perkara spesifik saya meminta izin Tuan Speaker untuk membacanya. Pertama kejatuhan harga pasaran saham atau dengan izin "*The cleaning of the equity Price*" sepatutnya menuntut kerajaan negeri untuk mengkaji dan mengenal pasti syarikat-syarikat pengeluar dan pengeksport bahan makanan ini yang tersenarai di Bursa negara-negara lain yang mungkin boleh dijadikan sebagai sasaran "*done rate*" di mana GLC kerajaan negeri seperti KDEB, ataupun PKPS boleh mengambil alih pegangan ekuiti syarikat-syarikat ini pada harga yang munasabah dan seterusnya mengawal pengeluaran dan pengeksportan bahan makanan. Usaha "*done rate*" ini memang kepakaran YAB Menteri Besar, bukan sahaja syarikat dia boleh rampas, negeri

Selangor juga ia dapat rampas pada 8 Mac yang lalu. (Tepuk) Terdapat syarikat pengeluar beras di negara “*non incoming rice producing countries*” dengan izin. Di Mississippi dan Florida misalnya kita sepatutnya menguasai syarikat-syarikat ini sepetimana kita juga pernah merampas dan menguasai *Sime Darby* dan *Guthrie* yang kita kuasai di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar. Ketiga Tuan Speaker, modal yang cukup besar amat diperlukan untuk pembelian jentera pertanian bagi meningkatkan produktiviti tetapi ianya tidak harus dibebankan kepada golongan petani, sehubungan itu saya ingin mencadangkan supaya satu mekanisme di mana diwujudkan syarikat-syarikat milik GLC negeri Selangor membeli jentera-jentera berat ini dan kemudianya memajakkannya kepada petani untuk mengurangkan beban kewangan dan tanggungan modal yang besar yang terpaksa mereka tanggung selama ini.

Saya juga ingin menyarankan supaya sektor pertanian melakukan anjakan paradigma ke arah pertanian berskala besar ” *large scale farming*” di mana pengeluaran hasil pertanian mendapat manfaat daripada ”*economic scale*” dan perkongsian pintar dan penyelaras operasi di mana jentera dan infrastruktur dapat dikongsi di antara beberapa orang petani, individu dengan cara untuk mempraktikkan faedah daripada ”*economic of scale*”. Saya nak beri contoh Tuan Speaker, purata pengeluaran padi di Malaysia masih terlalu rendah iaitu 2.19 metrik tan sehektar. Sumbernya Buku Perangkaan Pertanian 2007. Berbanding dengan Amerika Syarikat pengeluaran padi mencecah sehingga 8.05 metrik tan sehektar. Sumber ”*National Agriculture Statistic Services Of United States Of America*” Kita sebenarnya tidak memerlukan pengusahaan tanah yang luas tetapi saya ingin mencadangkan seharusnya kita menumpukan kepada peningkatan produktiviti dalam tapak kawasan yang sedia ada. Sebagai contoh petani-petani di Sekinchan sebab itu saya duduk di sebelah Sekinchan. (Ketawa).....Petani-petani di Sekinchan berjaya menghasilkan 10 metrik tan sehektar sebab itu saya menyarankan supaya kita belajar daripada Y.B Sekinchan bagaimana menguruskan peningkatan produktiviti di kawasan tersebut. (Tepuk).

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, dia duduk di Klang mana pernah dia turun Sekinchan.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Sri Serdang dia duduk di Klang tapi berkhidmat di Sekinchan sebab itu dia boleh menang. (Ketawa).

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Dia pun tak tahu sawah padi..

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Ada orang bertanding di satu tempat, duduk di Monggolia, menang juga. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri patut menimbangkan untuk mengeluarkan hak milik kekal ataupun ”*free hold*” kepada individu yang lain yang telah mengusahakan tanah yang mereka duduki melalui aktiviti pertanian saya ingin mencadangkan supaya petani yang berbakti kepada tanah maka kerajaan bertanggungjawab untuk memberi tanah kepada mereka. Kerajaan perlu mengkaji implikasi ke atas kutipan cukai tanah sebelum itu tetapi dengan mengeluarkan hak milik kekal, Kerajaan berkemungkinan menghasilkan generasi baru usahawan pertanian dan pertambahan hasil daripada kutipan cukai pendapatan yang lebih tinggi. Sebagai menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri Selangor kepada rakyat Selangor. Kerajaan patut menimbangkan juga hak milik kekal kepada memiliki rumah. Tadi golongan petani . Kepada pemilik rumah dan kediaman yang sekarang ini dimiliki atau di duduki secara hak milik pajakan. Langkah ini akan menambah nilai harta tanah dalam negeri Selangor dan meningkatkan lagikekayaan rakyat negeri Selangor. Fenomena misteri

kehilangan tanah di Pejabat Tanah, kehilangan tanah Kerajaan Negeri harus disiasat dengan segera. Program e-Tanah yang membina pengkalan data harus meletakkan langkah keselamatan dan ketelusan dalam mengamalkan proses yang cukup untuk mengelakkan amalan korapsi dan unsur penipuan. Ini terbukti berkesan e-Tanah ini di Singapura, di mana Pejabat Tanah di negara Singapura mereka beroperasi seperti kaunter perbankan ataupun *priority banking* di bank-bank negara ini di mana mereka berkhidmat dengan cepat, teratur ,amanah dan mengambil masa transaksi yang singkat kerana *data base* mereka diurus dengan cekap.

Akhirnya Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada satu topik iaitu pengkhianatan semangat Dasar Ekonomi Baru. Semenjak kebelakangan ini, kita mendengar jeritan daripada pemimpin-pemimpin elit dan pemimpin-pemimpin bangsawan UMNO yang cuba melaungkan ketuanan Melayu. Saya sempat berbahas perkara ini dalam Dewan Rakyat kerana kebimbangan saya mengapa ketuanan Melayu hanya kita dengari selepas 8 Mac. Sebelum daripada 8 Mac ketuanan Melayu tidak pernah kita dengar, yang kita dengar ialah ketuanan menantu. Sudah tentulah perkara ini hangat dibicarakan kerana UMNO sudah hilang sokongan yang begitu besar dalam pilihan raya yang lepas. Saya tidak mahu rakyat negeri Selangor terperangkap dengan agenda ini kerana hari ini sudah ada usaha untuk menyinggung khususnya kepada Parti Keadilan Rakyat dan Pakatan Rakyat seolah-olah kita korbankan kepentingan orang-orang Melayu dan umat Islam termasuk di negeri Selangor. Saya ingin mengulangi pendirian Pakatan Rakyat bahawa agenda Melayu dan umat Islam tidak akan kita kompromi tetapi sebagai pemimpin Melayu Islam yang bertanggungjawab kita juga dituntut untuk berlaku adil kepada orang-orang India, orang Cina dan semua kaum dalam negara ini. (Tepuk). Saya sekadar nak mengingatkan pemimpin elit UMNO di dalam Dewan ini bahawa Dasar Ekonomi yang digubal pada tahun 1971 matlamatnya cukup jelas, dan jangan kita pesongkan matlamat asal DEB. Saya ingin nak baca, matlamat tersurat DEB adalah untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional dan ia telah digubal dalam konteks strategi serampang dua mata. Yang pertama, mengurangkan dan akhirnya membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan menambah peluang-peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Ia tak sebut menambah peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan untuk menantu. Tak sebut untuk kroni, tak sebut untuk isteri-isteri wakil rakyat, itu saya nak masuk sekejap lagi tu. Dengan jelas menyebut menambah peluang pekerjaan untuk semua rakyat Malaysia, orang Melayu, orang Cina, orang India, orang Jawa termasuk di Sungai Panjang, orang Iban dan Kadazan. Ini semangat dan prinsip yang cukup jelas dalam DEB. Jangan mana-mana pihak cuba memesongkan fakta ini. Sementara saya mengakui ada kebijaksanaannya, dan kebaikannya dalam konteks sosial mobiliti dengan izin apabila DEB telah berjaya menghasilkan generasi bumiputera yang berpelajaran, tetapi malangnya hari ini pemimpin elit dan bangsawan UMNO gagal melihat ketempangan dasar ini setelah dilaksanakan hampir empat puluh tahun dan yang paling memilukan ialah Dasar Ekonomi Baru ini hari ini menjadi lubuk rasuah pemimpin-pemimpin bangsawan UMNO. Tuan Speaker ada beberapa sebab ini berlaku. Ada lima sebab yang saya catatkan di sini.

Pertama, bumiputera mula menganggap peluang yang diwujudkan melalui DEB sebagai satu hak. Oleh itu semangat berdaya saing dan prinsip meritokrasi tidak menjadi tumpuan. Kerana hak bumiputera akan membolehkan seseorang maju ke hadapan semata-mata kerana warna kulit mereka.

Kedua, oleh kerana semangat untuk berdaya saing tidak menonjol dan tidak disemai, bumiputera dianggap sebagai penagih subsidi yang terlalu bergantung kepada hak mereka dan menjadi semakin malas untuk berusaha. Ini menyebabkan bumiputera kurang mendapat tempat atau peluang pekerjaan di syarikat bukan bumiputera kerana kurang yakin dengan mentaliti subsidi bumiputera.

Ketiga, di dalam bidang perniagaan hak bumiputera dilelong kepada bukan bumiputera. Ini menerusi prinsip Ali Baba. Untung dalam jangka masa pendek menjadi tumpuan Ali, bukan Azmin Ali, yang tidak berminat untuk membina kekayaan melalui usaha gigih di dalam jangka masa yang panjang, sementara Baba pula yang akan berjaya membina empayar perniagaan yang kekal selama beberapa generasi.

Keempat, untuk mendapatkan lebih banyak hak bumiputera mula mencebur *lobbying* dengan izin. Ataupun *ranking* di mana gejala rasuah, korapsi dan kronisme mula berleluasa.

Kelima, sifat tamak iaitu satu naluri manusia yang semula jadi, prinsip payung atau vendor yang telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk peniaga-peniaga bumiputera di mana syarikat bumiputera yang besar dan berjaya harus memberikan peluang kepada industri kecil dan sederhana milik bumiputera tidak kesampaian. Payung tidak dibuka kerana dasar tamak haloba dan hanya melindungi tuan punya sahaja. Kesemua perkara ini menyebabkan bumiputera itu sendiri hari ini keliru tentang DEB. Apatah lagi ianya diputarbelitkan oleh pemimpin elit UMNO. Hari ini apa juga tindakan untuk mengambil hak yang saya nyatakan tadi, akan dilihat sebagai tindakan yang mencabuli ketuanan Melayu. Sudah tentulah ianya tidak tepat. Maka kalau ini berlaku bermulalah sandiwara menghunus keris setiap tahun di perhimpunan UMNO. Yang menghunus keris itu pun orang yang paling kaya di dalam Pergerakan Pemuda UMNO. Apa yang bermula sebagai *crutch* untuk membantu bumiputera telah bertukar menjadi hak bumiputera, walaupun penerimanya boleh berdiri di atas kaki sendiri atau tidak layak menerima *crutch* tersebut. *Crutch* tersebut pula, dimenangi melalui aktiviti *lobbying* rasuah atau pun *rank sicking*.

Akhirnya Tuan Speaker, saya berharap kerajaan negeri harus mengkaji semula supaya agenda ekonomi di negeri Selangor ini bukan sahaja akan mempertahankan hak dan kepentingan orang-orang Melayu seperti yang dijamin di dalam Fasal 153 Perlembagaan Persekutuan tetapi kita pasti memberikan jaminan kepada golongan Bukan Melayu, orang Cina dan India juga harus dipertahankan oleh kerajaan negeri di bawah kepimpinan Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim. Dengan ini saya mengakhiri ucapan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan harapan kerajaan Pakatan Rakyat di bawah kepimpinan Tan Sri Abdul Khalid bin Ibrahim akan membawa satu perubahan yang cukup besar dengan mengetengahkan agenda perubahan yang telah kita janjikan kepada rakyat dalam kempen pilihan raya yang lalu. Saya akan terus bersama-sama dengan Menteri Besar. Janganlah kita bimbang dengan propaganda dan serangan di dalam akhbar, yang penting kita bekerja dan kita *deliver* kepada rakyat dan saya percaya ini bukanlah penggal pertama bagi kita dan saya cukup yakin rakyat akan terus memberi sokongan kepada kerajaan Pakatan Rakyat dalam tempoh yang lama lagi, Insya-Allah. Sekian, *wasalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker, Bangi memohon untuk mengambil bahagian.

**TUAN SPEAKER :** Ya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Bangi, memohon untuk mengambil bahagian. Ucapan Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Meru, Meru

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Meru, oh Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN :** Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi Meru peluang untuk menyokong usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat sekalian tentang titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai masalah jenayah di Selangor yang di dalam titahnya Baginda menyebut sebagai satu benda yang amat merisaukan.

Ada beberapa perkara yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan iaitu masalah penagihan dadah yang walaupun dua perkara satu di bawah jenayah dan satu lagi tentang narkotik tetapi sebenarnya ia berkaitan. Angka yang diberi, 54,270 kes tahun 2006 jenayah di Selangor dan kemudian 62,375 kes tahun 2007 yang menampakkan 14.9 % dengan izin kenaikan ada satu benda yang perlu kita fikir bersama. Kerana kes-kes jenayah ini melibatkan semua tak kira, parti politik atau juga bangsa dan yang terbaru kita dengar semalam di Dewan Rakyat apa yang dibentangkan di mana 128 daripada 242 kes kanak-kanak yang masih hilang sepanjang Januari hingga Mac 2008 itu pun satu benda yang menakutkan. Berita-berita yang keluar dalam surat khabar juga boleh dikatakan setiap hari ada kes-kes jenayah seperti rogol, cabul kehormatan, merusuh dan pecah rumah. Dan saya melihat kerajaan yang lalu, tidak mengambil langkah yang serius tentang perkara ini. Walaupun dari segi hari ini dengan izin masjid di Selangor ini jumlahnya 359 buah dan surau di Selangor sebanyak 1800 buah, tetapi apa yang berlaku contohnya ialah masjid itu sendiri . Walaupun masjid itu besar dan cantik tetapi sebenarnya ia tidak diuruskan oleh mereka yang betul-betul berwibawa dan dihormati masyarakat. Saya ambil contoh banyak masjid di Selangor ini yang Nazir Setiausaha, Bendaharinya adalah orang-orang UMNO sendiri. Dan kita tengok dalam mesyuarat Agung pemilihan, tidak ada pemilihan yang telus, mereka-mereka yang saya rasa di kampung, di Bandar ramai yang profesional yang sepatutnya diberi peluang oleh masyarakat tempatan untuk memilih tetapi apa yang berlaku dalam mana-mana Mesyuarat Agung sama ada di masjid atau di surau ke yang datang merasmikan ialah kadang-kadang memanglah ADUN tempat itu cuma *endorsement* sahaja yang dibuat tidak ada pemilihan secara khusus. Ini dengan izin apa disebut oleh Nabi Muhammad S.A.W. (**Bahasa Arab**). Apabila urusan satu benda itu diberi kepada orang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kejatuhan. Ada ahli-ahli masjid yang kita tengok ketika dalam masjid dia baiklah, tapi bila bawa pergi rombongan ke Indonesia dan sebagainya menyertai nyanyian-nyanyian karaoke di sana. Sedangkan kita tahu bahawa apa yang disebut dalam titah ucapan masalah penagihan dadah yang disebut mengikut statistik ADK Agensi Dadah Kerajaan tahun 2006 heroin lebih kurang, saya tak bagi *full* punya *figure* yang terikatlah 8,000 kes, yang menghirup heroin, morfin ada dalam 6,000 kes, ganja ada 5,000 kes, dan syabu ada 2400 kes. Ramai yang terlibat adalah mereka yang mengunjungi pub *pub* dan pusat-pusat hiburan atau karaoke apa yang saya

nampak benda ini tidak di *tackle* dengan izin dengan secara yang total ataupun seolah-olah kita termasuk dalam *business cycle* dengan izin. Benda yang sama kita ulang. Macam kes-kes yang terlibat di pusat-pusat hiburan dan karaoke. Sepatutnya macam TV 3 pun sebut kadang-kadang dia buat serbuan, mereka-mereka yang mengambil syabu dan sebagainya di satu tempat di pusat hiburan. Kadang-kadang diserbu sampai sepuluh kali dua puluh kali sebulan tetapi lesen masih lagi diteruskan. Ini patutnya memberikan apa nama kita satu gambaran bahawa seolah-olah benda yang sama kita buat, maknanya kita *use a same mistake* dengan izin. Dan saya berharap sangat supaya masalah ini diambil kira dan banyak masjid-masjid yang telah dibina dan banyak juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan namun di masa yang sama ramai juga penceramah-penceramah masjid dan surau yang telah di apa nama ditahan dan di tangkap oleh penguat kuasa. Namun *until now*, sampai sekarang kes-kes itu tidak sabit di mahkamah. Jadi saya begitu juga tentang sekolah-sekolah agama. Kita juga memikirkan bahawa PAS dan juga Parti Keadilan Rakyat dan juga DAP kita merasakan bahawa mana-mana bangsa yang berpegang kepada agama mereka insya-Allah mereka tidak membuat satu kerosakan.

Semua kes-kes jenayah yang berlaku termasuk juga penagihan dadah dan sebagainya adalah dilakukan oleh mereka yang tidak berpegang kuat kepada agama mereka. Sebab itu saya mengatakan bahawa kerajaan lepas tidak begitu serius walaupun banyak apa nama kita tidak menafikan, banyak juga perkara yang telah dilakukan, namun tidak serius dalam sepenuhnya dalam untuk *tackle* benda itu secara menyeluruh, insya-Allah. Jadi, dan kita kena ingat jadi manusia ini bukan saja dibuat daripada jasad tapi juga roh. Ada benda-benda, kawalan-kawalan yang kita buat perlu juga difikirkan tentang roh. Sebab roh inilah yang sebenarnya ia yang akan dididik oleh agama, dan mereka yang dididik oleh agama ini, Insya-Allah tidak akan melibatkan diri mereka dengan jenayah dan sebagainya. Jadi saya tidak ambil masa yang panjang, itu saja ucapan saya dan saya menyokong apa yang telah disebutkan oleh Bukit Antarabangsa. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASSIM :** Tuan Speaker, Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul telah pun disokong dan akan dibuka untuk perbahasan. Saya bercadang untuk membuka perbahasan sehingga 12.00 tengah hari esok dan pada sebelah petang pihak kerajaan akan menjawab. Jadi saya membuka usul ini untuk perbahasan.

**YB. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang.

**YB. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Panjang ingin mengambil bahagian dalam membahaskan ucapan menjunjung kasih ke bawah DYMM Tuanku bersempena perasmian dewan yang kedua belas. Ampun Tuanku, patik-patik sekalian, iaitu Speaker dan Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan DYMM Tuanku Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Ke Dua Belas.

Tuan Speaker, sebenarnya saya cukup setuju jika dewan ini di panjang sampai sebulan atau pun lebih. Lebih banyak penerangan yang boleh kita berikan dan memberikan kefahaman yang lebih kepada pihak kerajaan dalam menangani isu-isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Speaker, sebenarnya Sungai Panjang merasa cukup syukur bila mendengar ucapan yang telah dibacakan oleh Ke Bawah DYMM Tuanku kerana buat kali pertamanya Sungai Panjang yakin bahawa konsep negeri maju itu telah diterima oleh semua rakyat Malaysia dan juga rakyat Selangor. Selama hari ini kita dengar yang wakil-wakil daripada PKR, PAS dan juga DAP tidak pernah mengiktiraf yang ujudnya Selangor Maju dan bila mana disebut beberapa kali oleh Tuanku dan ianya nampaknya telah memberi *endorsement* kepada pekerja BN dan pegawai kerajaan selama hari ini. Dan saya mengharapkan supaya kerajaan negeri ini akan dapat membentangkan hasil penemuan IMD dan juga MTC yang telah siap dibuat pada awal tahun depan bagi menunjukkan bagaimana kerajaan negeri mengklasifikasikan negeri ini sebagai negeri maju yang telah dinafikan oleh pihak-pihak tertentu tetapi telah diterima kerana mereka menjadi Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa mereka-mereka ini, Tuan Speaker telah memutarbelitkan fakta sehingga rakyat keliru dan akhirnya membuat keputusan yang berlaku pada hari ini.

Ketika dalam ucapan ini bahawa peningkatan ekonomi yang begitu baik 6.3 peratus jumlah KDNK pada tahun 2000 telah meningkat daripada RM105 bilion kepada RM112 bilion dan juga PPP *Purchase Power Purity* yang telah meningkat daripada 12 US dolar, 500,000.000 US dolar kepada 12,000 US dolar. Kita lihat juga kadar kemiskinan yang telah menurun kepada di bawah paras satu peratus mengikut relatif hingga kemiskinan tegar di bawah 0.05 peratus. Ini menunjukkan bahawa kerajaan BN telah melakukan yang terbaik dan kita mengharapkan bahawa semua indikator-indikator ini akan dapat dikekalkan dan ditingkatkan di masa-masa yang akan datang. Jadi kita mengharapkan bahawa IMD atau IMPC ini terus digunakan untuk membuat *bench marking* kepada prestasi kerajaan yang ada pada hari ini di masa akan datang tanpa sebarang *autorations* dalam *figure-figure* yang akan di dedahkan kemudian. Saya merasakan bahawa dengan adanya indikator-indikator ini yang meliputi keberkesanan pegawai kerajaan menjalankan tugas, keberkesanan melakukan perniagaan di negeri Selangor dan infrastruktur dan juga ekonomi *gross* adalah merupakan asas-asas penting untuk kita mengklasifikasikan negeri sekarang sebuah negeri maju dan saya berharap semua Ahli Yang Berhormat yang baru membaca laporan ini atau memahami apa yang telah dibuat oleh kerajaan terdahulu dan tidak memutarbelitkan perkara ini kepada masyarakat di luar. Dan pagi ini juga kita dengar bagaimana putar belit telah dibuat oleh YAB Ijok dan mengatakan berbagai perkara dan saya harap perkara ini dapat diperincikan sebenarnya dan kita yakin dan percaya apa yang dibuat ini hanyalah kajian awal yang belum melihat secara *detail* apakah perkara yang sebenarnya berlaku kepada PNSB, dan PNSB merupakan syarikat yang mencapai keuntungan dan juga memberikan sebahagian keuntungannya untuk program kerajaan prihatin, memberi rumah percuma 20,000 kepada rakyat termiskin yang ada di negeri Selangor. Kita haruslah mengambil sikap jujur dan bersikap bertimbang rasa dalam kita menilai satu syarikat tanpa melihat secara dasar atau secara awalnya dan secara *detail* dan ini akan memberikan satu impak yang negatif kepada pegawai-pegawai dan akhirnya akan mengurangkan sokongan pegawai kepada kerajaan untuk menjalankan tugas-tugas di masa yang akan datang.

Tuan Speaker, dan Yang Berhormat sekalian. Saya yakin dan percaya bahawa tsunami kedua tidak akan berlaku kerana tsunami ini diikuti dengan aktiviti-aktiviti lobi melobi membeli wakil-wakil rakyat dengan kos yang tinggi dan jika kerajaan Pakatan Rakyat menuduh Barisan Nasional mengatakan kerajaan yang korup saya rasa kerajaan yang akan di bera oleh PKR lebih korup dari mana-mana kerajaan dalam dunia ini. Saya amat bimbang bilamana usaha-usaha untuk membeli Ahli-Ahli Parlimen ini berleluasa dan tiada penafian daripada penasihat PKR sendiri.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Kita melihat bahawa pencapaian negeri Selangor telah mencapai ke tahap yang agak baik walau pun belum sempurna. Banyak lagi perkara-perkara yang perlu laksanakan dan perlu dikukuhkan. Program penambahbaikan perlulah dibuat sepanjang masa dan ia akan memberikan kesempatan kepada kita untuk terus mengagihkan kekayaan kepada seluruh rakyat mengikut keperluan dan kepentingan yang ditetapkan oleh kerajaan. Saya merasakan bahawa tentang tujuan untuk memberikan air percuma kepada rakyat, memanglah kita alu-alukan. Tetapi ada 40,000 rumah yang menggunakan meter bersepodu tidak akan mendapat faedah daripada ini dan kita harap ada formula-formula tertentu supaya rakyat di rumah pangsa dan juga kondominium ini akan mendapat faedah daripada rancangan yang telah diberikan oleh kerajaan negeri. Kita juga melihat tentang usaha-usaha untuk mendapatkan sumber-sumber lain. Saya sepantas lalu agak setuju dengan pandangan oleh Bukit Antarabangsa. Tapi saya bimbang satu hari nanti harta kerajaan ini akan tergadai kerana ia semuanya akan dicairkan kepada kewangan saya takut nanti SUK juga akan kena seal bilamana kerajaan gagal untuk melunaskan perjanjian dalam mencairkan harta tetap yang telah dicadangkan tadi. Eloklah ia dibuat secara berhati-hati dan diadakan *committee* yang profesional yang dapat melihat perkara ini dan dapat diberi jaminan bahawa bangunan-bangunan ini tidak akan menjadi hak milik mana-mana institusi kewangan atau syarikat-syarikat yang terlibat dalam *rate* ini.

Tuan Speaker, kita melihat tentang integriti. Saya amat terpukau dengan apa yang telah diperkatakan oleh Pakatan Rakyat tentang integriti ini. Tetapi sehingga hari ini janji pertama mereka untuk mendedahkan pemilikan harta kepada awam masih belum dibuat. Jadi kita masih menunggu lagi tentang *asset declaration* ini kepada *public* kerana ini telah dijanjikan oleh semua Wakil-wakil Rakyat daripada PKR. Dan kita juga ingin bertanya apakah asas-asas Y.A.B. Ijok melantik Pandamaran untuk menjadi EXCO PBT. Sedangkan telah pasti bahawa Pandamaran mempunyai rekod yang kurang baik dan ini laporan Polis yang kita dapat pada dua hari bulan sebelumnya yang mana perkara berlaku pada dua hari bulan sebelumnya Pandamaran telah menghalang pihak Polis dan juga MPSJ untuk menjalankan operasi penutupan satu pusat pelacuran di Subang Jaya, Jalan Enam. Walau apa pun alasannya saya merasakan bahawa keterlibatan Yang Berhormat Pandamaran boleh diambil perhatian dan ini sebenarnya boleh merosakkan PKR, Yang Berhormat Ijok, kerana kita mesti dilihat bersih dan sentiasa bersih. Ini yang saya harap ia akan dapat dilaksanakan dengan baik dan kita harap ini dapat dilihat semula kerana Wakil Rakyat terlibat itu menjaga PBT dan kita lihat hari ini jumlah pusat-pusat hiburan dan juga video-video lucah dijual merata-rata tanpa sebarang penguat kuasa. Ini amat membimbangkan kepada umat Islam dalam negara kita. Kita merasakan bahawa kurangnya tindakan penguatkuasaan akhir-akhir ini yang dibiarkan pusat hiburan dibuka sampai pukul tiga empat pagi dan saya menjemput Y.A.B. Ijok bolehlah berjalan dengan saya satu malam, saya boleh tunjukkan di mana pusat-pusat ini yang dibuka sampai pukul tiga empat pagi dan bila ditanya mengapa tindakan tidak diambil.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan ...

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya tak boleh beri laluan saya nak habiskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta laluan, minta laluan sebab saya nak tahu mengapa Sungai Panjang tahu pukul tiga dibuka. Mungkin Sungai Panjang pergi ke ?

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu, nanti dulu. Sekinchan duduk.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Sungai Panjang memang dari dulu melawat dan mengambil tindakan. Sungai Panjang tak macam Sekinchan dijaga kawasan padi, saya tanya racun satu liter pun dia tak tahu harganya, pada hari ini lah. Jangan kita nak ganggu perbahasan. Dan kita pergi dan melawat dan saya, saya harap jugalah di Sekinchan nanti tak adalah pusat-pusat ini kerana saya difahamkan Sekinchan juga memang suka mengunjungi pusat-pusat ini. Yang Berhormat sekalian. Kita melihat bahawa ..

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang, ada Peraturan Tetap sila duduk dulu. Peraturan Tetap yang mana?

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** Peraturan Tetap 36 (6).

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Ada apa itu? Nanti dulu, nanti dulu. Saya tanya dulu. Ia, Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI :** 36 (6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada ahli yang lain.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Ini bukan sangkaan jahat. Ini ada laporan. Kita kena faham laporan dan sangkaan jahat. Saya cuma hendak betulkan sebab kerajaan nampak bersih. Nanti orang kata tak ada, bila berlaku banyak perkara-perkara yang tak bagus kerajaan juga yang akan dipersalahkan dan kita harap perkara ini dapat dibuat dan laksanakan. Tuan Speaker, tentang cadangan untuk memberi cuti 90 hari memanglah kita menyokong tetapi saya harap dapatlah dibincangkan dengan JPA kerana ini melibatkan pencen dan sebagainya. Saya bimbang nanti masalah timbul bila mana penjawat awam itu bila hendak pencen bermasalah dan ini akan menimbulkan kesukaran dan kerugian kepada pegawai yang terlibat.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya melihat banyak telah dibincangkan berhubung dengan masalah belia. Kita setuju belia menjadi masalah dan penganggur menjadi masalah, tetapi saya belum melihat lagi rancangan-rancangan yang terperinci bagaimana untuk kita menyelesaikan masalah belia yang hari ini kurang minat untuk mengikuti kursus-kursus tertentu. Kerajaan dulu telah menubuhkan INSPEK yang mana telah ditumpukan untuk melatih belia-belia ini dan kita harap dan kita juga telah melatih belia-belia India secara percuma dengan memberikan wang poket atau sagu hati RM300.00 sebulan dan akhirnya belia-belia ini juga nampaknya tidak berminat dan sebahagian besarnya gagal dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mendapat sijil yang telah di saran atau telah dilatih di tempat-tempat tertentu. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya amat berharap kepada Menteri

Besar dan juga rakan-rakan di PKR dapat melaksanakan semua janji-janji di dalam manifesto. Kita mengharapkan bahawa ada jadual yang akan diberikan kepada kita bilakah manifesto itu dapat dibuat dan kita tidak mahu alasan-alasan diberikan kerana manifesto itu telah di rancangan sebegitu rupa dan pasti kajian-kajian terperinci telah dibuat sebelum manifesto itu dilancarkan. Dan manifesto inilah sebenarnya yang menambat hati ramai pegawai-pegawai dan juga suri-suri rumah. Bayangkanlah Tuan Speaker, bila mana suri rumah memilih, memilih untuk tidak bekerja menjaga anak di rumah akan mendapat elaun khas. Ada yang mengatakan sejumlah RM700.00 dalam kempen, ada yang mengatakan lebih RM900.00 dan sebagainya. Begitu juga dengan caruman Takaful yang akan diberikan iaitu kepada warga emas, kepada orang kurang upaya dan anak-anak yatim yang menggunakan belanja sebanyak RM2,500.00 setahun. Dan kita juga baru-baru ini mendengar bila Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa insentif kepada pelajar-pelajar yang masuk universiti hanya diberikan kepada mereka-mereka atau keluarga-keluarga yang kurang daripada RM1,500.00 sedangkan dalam manifesto itu dikatakan setiap anak-anak Selangor yang mendapat tawaran ke Institusi Pengajian Tinggi tanpa mengira Diploma ataupun Ijazah. Dan kita lihat juga bahawa yang menarik lagi bila mana setiap anak-anak tadika akan mendapat peruntukan RM50.00 sebulan, Setiap anak-anak tadika di Selangor saya jangkakan lebih kurang dalam jumlah kelahiran di Selangor dalam 85,000 setahun diberikan bantuan kewangan RM50.00 sebulan. Manakala anak-anak nurseri pula akan diberikan bantuan RM75.00 sebulan. Yang ini saya rasa perlu dilaksanakan kerana ia amat-amat diperlukan orang Selangor dalam keadaan inflasi semakin meningkat pada hari ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang. Ia, silakan Kg. Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, terima kasih Tuan Yang Dipertua. Tuan Speaker, sebenarnya saya ingin penjelasan terhadap Yang Berhormat Sg. Panjang. Janji-janji yang dinyatakan di dalam manifesto itu kalau ia tidak dilaksanakan pada masa sekarang, tidak bermakna ia tidak akan dilaksanakan selama-lamanya. Kita belum sampai 100 hari lagi. Saya rasa Sg. Panjang mungkin agak panas sikitlah.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya cuma ingatkan, saya tak menuntut. Saya kata ingatkan bila hendak dilaksanakan. Janganlah kita naik panas baran pula. Kita ingatkan kerana ingat-mengingat itu adalah suruhan agama, *Wal'asri*. Terang-terang cakap ya. Jadi kita harus ingat bahawa janganlah kita terlalu sangat kurang yakin bahawa ia tak boleh dilaksanakan. Saya yakin Yang Amat Berhormat Ijok boleh laksanakan sebab itu dia telah melaksanakan manifesto dengan baik. Saya tak nampak ada masalah hendak melaksanakan semuanya..

**Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL :** Sg. Panjang, bagi laluan? Penjelasan. Saya ingat wakil Kg. Tunku dia, waktu membuat manifesto ini saya ingat DAP tidak diajak berunding. Yang berunding antara PAS dengan PKR. Contohnya lambang PAS, lambang ADIL. Yang Berhormat Ijok dengan Yang Berhormat Gombak Setia. DAP tak disebut, itu sebabnya dia rasa risau bahawa mungkin manifesto ini tidak dapat dilaksanakan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat. Kita Barisan Nasional tidak akan menjadi pembangkang yang tak sopan sehingga buang

buku dalam tong sampah dan sebagainya. Kita sedar bahawa perkara itu tidak baik. Bila kita ambil tindakan pada orang lain, jadi kita tak mahu buat perkara itu. Jadi yang seterusnya Tuan Speaker, kita mempunyai masalah besar di PBT kepada kerajaan negeri hari ini adalah masalah *landfill*. Saya melihat bahawa jika masalah *semi landfill* tak diselesaikan dalam waktu terdekat ini Kerajaan menghadapi masalah yang besar.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang, tunggu sebentar. Saya minta juru gambar jangan gunakan *flash light*, kalau tidak saya akan halau. Silakan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Jadi, kita merasakan bahawa *landfill* ini cukup penting. Kerajaan dahulu telah menjanjikan kepada rakyat bahawa *landfill* di Sg. Sedu, di Sepang akan ditutup dan hari ini ia amat-amat memberikan kesusahan kepada rakyat malah ramai daripada Parti Pakatan Rakyat, PAS dan juga DAP pergi berjanji untuk menyelesaikan masalah Sg. Sedu, hingga hari ini masalah ini tak diselesaikan dan saya bimbang jika ini gagal dilaksanakan ia akan merupakan masalah yang besar kepada kerajaan negeri. Maklumlah sampah kalau tak dipungut 1 hari Tuan Speaker, dijangka dalam 5 hari sampah tak dipungut, semua jalan-jalan negeri Selangor akan dipenuhi setinggi sampah 6 kaki. Jadi kita harap ia dapat dibuat dengan cepat dan dapat dilaksanakan dengan baik dan kita merasakan bahawa usaha-usaha yang bersungguh-sungguh telah dibuat untuk meningkatkan lagi PBT. Saya difahamkan baru-baru ini OSC yang telah ditubuhkan dan dengan kerjasama pemudah tak berfungsi sejak 3, 4 bulan. Ini akan memberikan impak yang kurang baik kepada ekonomi negeri Selangor dan kita harap usaha-usaha untuk mempercepatkan lagi projek-projek sama ada swasta atau kerajaan negeri akan dapat dipertingkatkan dengan cepat. Kita dalam mengurus ekonomi ini harus melihat bahawa bukan sahaja untuk melihat kerajaan negeri mendapat *income* secara terus. Tuan Speaker, kadang-kadang kita hendak tengok juga bagaimana projek-projek ini dapat menjadi satu *push* kepada projek-projek yang lain. Kita lihat bila mana banyak projek-projek mega dibatalkan bila ada peralihan peringkat pusat, akhirnya kita menghadapi masalah ekonomi terutama dalam bidang *construction*. Jadi kita harap kajian-kajian dibuat ini memakan masa yang agak cepat dan diteruskan dengan segera. Kalau lewat,

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker minta penjelasan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Maka hilang kepercayaan kepada kerajaan negeri.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang. ya..

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Meminta penjelasan Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Ya Teratai, minta penjelasan, hendak bagi? Ia.. silakan

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ya, Y.B. ada kata, Sg. Panjang Y.B. tentang itu kita mesti melihatkan jangka masa panjang apakah itu keuntungan negeri? Tetapi sudah 50 tahun kita tak nampak apa-apa pun. Yang kita nampak adalah tanah dirampas. Yang apa kita nampak adalah semua tanah-tanah yang dibina oleh swasta semua yang kebanyakannya tak berfungsi dan lagi pun keuntungan yang amat rendah itu kita pun nak meneliti 50 tahun adakah itu sudah buat satu *full stop*? Dengan izinnya.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker, saya tak faham kepada yang bertanya daripada Teratai. Hari ini seolah-olah kita masih tinggal dalam hutan. Seolah-olah kerajaan tidak pernah buat pembangunan dan buat kemajuan. Itu yang saya tak faham. Sedangkan kita sampai keluar negara, jalan kita baik, ekonomi meningkat, rakyat tak kelaparan. Saya, saya, saya tak faham kenapa kita harus menafikan kenyataan yang kita nikmati hari-hari? Sekolah kita berikan, pekerjaan kita dapat pelaburan saya rasa ada 4 bilion Tuan Speaker, tahun lepas 11.18 bilion yang boleh memberikan peluang pekerjaan 35,000 peluang pekerjaan kepada semua kaum dan kita tak pernah gagal. Kalau-lah kerajaan ini gagal Tuan Speaker, kita masih hidup dalam sawah. Hidup dalam keadaan yang daif, mungkin hari ini kita masih lagi pakai kaki ayam. Kita kena faham bahawa yang ada itu adalah kebenaran. Jangan sampai kita menafikan hak kita dan kepercayaan kita kerana kita baru jadi kerajaan dalam masa 2, 3 hari. Rakyat sedang menunggu hari ini. Janji-janji yang telah dibuat. Saya cukup setuju dengan Bukit Antarabangsa tadi. Janji-janji ini akan menentukan sama ada kerajaan hari ini kekal ataupun tidak. Dan rakyat akan membedakan apa yang telah ada pada hari ini dan apa yang akan ada di hari muka. Kita harus lihat bahawa saya rasa kita sampai tidak bersyukur langsung kepada apa yang kita nikmati pada hari ini. Jadi ini yang kita amat bimbang. Sebab itu kita merasakan bahawa yang betul kita kena mengaku. Jangan anggap bahawa negara ini sebuah negara sampah negara yang tidak pernah berjasa kepada rakyat. Negara yang gagal membangunkan negaranya. Kerajaan yang hari ini tak pernah buat sesuatu pun kepada rakyat seolah-olah rakyat dapat apa yang dia dapat kerana dia. Bukan sebagiannya kerana kerajaan. Jadi saya melihat bahawa pandangan-pandangan inilah yang menyebabkan kadang-kadang rakyat dihasut,

**TUAN SPEAKER :** Sg. Panjang, Sg. Panjang..

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : dan membuat keputusan untuk tidak.....

**TUAN SPEAKER** : Sg. Panjang, ya Damansara Utama.

**Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN** : Tuan Speaker, amatlah bimbang bila Tuanku bertitah sumber hasil negeri Selangor sudah merosot dan nampaknya tirisan-tirisan sesampai tahap tsunami yang mengalir di depan penglihatan kerajaan lama. Di sebaliknya kekayaan yang dicerminkan melalui GDP yang tinggi 6 lebih peratus tetapi kekayaan tidak menitis ke rakyat biasa. Kita mesti tanya sama ada tirisan tsunami yang dilanda oleh Selangor ianya menyebabkan politik tsunami pilihan raya baru ini.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya pun tak faham juga, saya tak faham. Kalau-lah ekonomi tak dibahagikan dengan begitu baik, tentu ramai rakyat yang kelaparan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL** : Tuan Speaker, Tuan Speaker minta penjelasan. Saya, Tuan Speaker hendak bertanya juga kepada Yang Berhormat Sg. Panjang adakah benar kemiskinan relatif di negeri Selangor hanya 1% dan kemiskinan tegar 0.05% dan pengangguran hanya 3.4%? Saya hendak tanya ni setuju dengan persoalan saya ini? Ini menunjukkan ada Yang Berhormat daripada Teratai ini kurang faham sikit. Mungkin bukan orang Selangor, saya rasa.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terima kasih kepada Taman Templer. Data ditulis oleh kerajaan negeri menunjukkan bahawa kemiskinan relatif di bawah 1%. Data menunjukkan juga kemiskinan tegar di bawah 0.05%. Data menunjukkan juga pengangguran di bawah 3.3%. Adakah ini dikatakan Kerajaan tak baik? Cuba kita tengok kajian ekonomi di mana-mana. Minta fahami realiti.

**TUAN SPEAKER :** Ia Sg. Panjang, Kg. Tunku minta penjelasan. Boleh bagi laluan? ya, sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Kalau Sg. Panjang tak faham, saya lagi tak faham. Kalau pembangkang begitu baik adakah tuan, adakah Yang Berhormat dari Sg. Panjang faham tak sebab-sebab kerajaan BN tumbang di Selangor dan juga di Pulau Pinang, di Perak, di Kedah dan juga di Kelantan?

**Y.B. DATO' DR. SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya yang kalau Kampung Tunku tak faham saya lebih tak faham. Kerana data ini dibuat oleh kerajaan negeri Selangor yang baru. Saya lagi tak faham. Sebenarnya mungkin rakyat terpukau dengan janji dan politik perkauman yang dimainkan oleh pihak tertentu yang merasakan bahawa mereka ingin mencari sesuatu yang baru dan kita akan lihat berapa lama Kerajaan yang baru ini akan bertahan. Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, minta penjelasan dari Sg. Panjang. Saya nampak tadi banyak perkataan tak faham ni. Saya nampak apa yang dihujahkan oleh Sg. Panjang ni, nampak pun dia tak faham kenapa dia boleh jadi pembangkang, ini saya fikir pun begitulah, kenapa saya boleh jadi pembangkang di sini. Dia pun tak faham.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya kalau Sekinchan tak faham ni memang saya faham sangatlah. Yang ini saya faham sangat kerana Sekinchan ini dia nak cakap bahasa Jawa pun tak faham sangat, bahasa Cina pun tak faham sangat. Jadi itulah. Saya katakan tadi bahawa kerajaan mungkin akan melihat ada perubahan sedikit untuk melihat yang mana lebih baik. Sebab itu saya hendak lihat apakah yang akan dibuat oleh kerajaan hari ini? Ini yang paling penting sekali dan saya merasakan bahawa jika wakil-wakil Pakatan Rakyat mengatakan banyak kelemahan, itu satu kebaikan bagi saya kerana pasti ada banyak pemberian akan dibuat. Tetapi jika kita menegur hak rakyat yang inginkan pembangunan, hak rakyat yang ingin bebas dari miskin, hak rakyat yang inginkan keamanan, hak rakyat inginkan kesamarataaan, pembelaan. Janganlah kita ditempelak sebagai orang yang tidak berhemah kerana kita memberikan ingatan. Dan kita harap kerajaan ini buat yang terbaik. Janganlah kita memperkatakan sesuatu sehingga tindakan tidak diambil.

Saya hendak jelaskan bahawa hari ini Pakatan Rakyat kerajaan bukan pembangkang. Kerajaan ada kuasa, ada timun dan pisau. Gunakan timun dan pisau. Tapi hari ini seolah-olah pembangkang terdiri daripada kerajaan. Bagaimana kita hendak bangunkan negeri? Selangor sepatutnya boleh menyumbang ke sampai 25% ekonomi negara. Kita kena usahakan bersungguh-sungguh. Kalau kita gagal bererti kita menggagalkan negara kita. Saya tahu hari ini Yang Berhormat-Yang Berhormat yang baru tengah seronok. Pergi jumpa rakyat catit, longkang tersumbat apa semua. Bila balik duit tak ada hendak buat baru pening kepala. Memang rakyat tengah seronok hari ini kerana orang baru dia ada cara baru. Catatan bukunya baru lagi. Tapi saya hendak bagi tahu kalau kerajaan negeri boleh selesaikan 80% masalah rakyat, masalah infrastruktur, jalan dan sebagainya, ini cukup baik, cukup baik. Hari ini memang rakyat

tengah suka, saya tahu. Bawa buku catat banyak-banyak. Lepas tu akan datang dipanggil lagi, catat lagi. 3 kali catat. Tuan Speaker, mengamuk orang Tuan Speaker. Tuan Speaker dah lama tahu perkara ini. Dan inilah yang kita harapkan bahawa kita tidak boleh memberi janji yang tak boleh dilaksanakan Tuan Speaker. Ini akan memberi rakyat *upset*, *upset right*, ini yang kita bimbang. Dia boleh pergi ke jalan, dia pergi mengamuk, dia pergi memberontak.

Sebab itu saya mengingatkan kepada kerajaan supaya dapat memberikan janji-janji yang boleh dilaksanakan. Kita tak nak negeri Selangor jadi masalah. Kita semua sayangkan negeri Selangor. Saya rakyat Selangor, lahir di Selangor. Sebahagian daripada kita mungkin bukan di Selangor tapi kita di Selangor, hidup mati kita di Selangor dan kita akan berjuang untuk Selangor. Dan kita ingin rakyat Selangor tanpa mengira kaum, agama, bangsa..

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker..

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tidak dikecualikan dan tiap-tiap program sehingga telah dibuat sebelum ini. Jadi Tuan Speaker. Kita merasakan bahawa eloklah pada hari ini kita kurang bercakap, banyak bekerja.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Tuan Speaker, mahu minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Dia hendak bagi laluan? Ya silakan Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA :** Ya, Y.B. Sg. Panjang cakap banyak-banyak tentang perjanjian-perjanjian Pakatan Rakyat tapi sepatutnya Pakatan Rakyat hanya menjadi kerajaan kurang daripada 100 hari. Dan apa yang kita buat sekarang semua adalah sisa-sisa yang ditinggal oleh kerajaan Barisan Nasional.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Ini lagi saya tak faham. Langsung saya tak faham. Saya terangkan tadi Speaker, mana-mana kerajaan pun tidak boleh memenuhi 100% kehendak rakyat. Kalau hendak penuhi infrastruktur yang dipohon oleh rakyat hari ini kita perlukan lebih kurang RM10 bilion. RM10 bilion hendak buat longkang semua ikut *world standard*. Sedangkan kita memiliki kewangan lebih kurang RM600 juta untuk pembangunan. Itu pun dengan bantuan kerajaan pusat. PBT hari ini, kalau pusat tak bagi *they can't survive*. Bantuan marris, nak tolak jalan RM160 juta setahun. .... *grant* kalau tak diberi. Jadi kalau Pakatan Rakyat hari ini buat pendekatan bermusuh dengan kerajaan dan Barisan Nasional, rakyat Selangor akan rugi. Kenapa kita harus buat pakatan konfrontasi? Yang penting rakyat Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Bagi laluan?

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya tak bagi, saya hendak habiskan saya rasa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Kenapa tak bagi laluan?

**TUAN SPEAKER :** Ya, Bukit Antarabangsa.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Saya minta supaya Sg. Panjang tak usah bagi ceramah akademik di sini. Kita kena berpijak pada bumi yang nyata. Tidak timbul

soal kita memusuhi kerajaan pusat. Saya bawa bukti Kementerian Pelancongan. Siapa yang bermusuhi dengan siapa? Ini bukti yang jelas. Dan satu dunia tahu kerajaan UMNO memang kerajaan yang cukup zalim. Sebab itulah rakyat Selangor tolak UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas. Itu yang pertama, belum habis. Yang kedua memang kalau kita tengok angka memang cantik. Pertumbuhan 6.4%, sumbangan sektor perkilangan berbilion ringgit tetapi mengapa bila persoalan masalah rakyat tak boleh diselesaikan? Kata tak cukup duit, buat rumah EXCO boleh, jutaan ringgit dilaburkan semata-mata untuk jaga kepentingan segelintir pemimpin UMNO. rakyat di bawah susah. Sg. Panjang tahu bagaimana orang India menderita di Ijok? 50 tahun merdeka, elektrik tidak ada, bekalan air bersih tidak ada. Tetapi 2 minggu kempen pilihan raya semua masuk dalam Ijok termasuk estet-estet Ijok, macam mana kita hendak perjelaskan? Tak usah pergi jauh Ijok, di Hulu Kelang satu kawasan yang di pinggir Kuala Lumpur. Orang Melayu Islam saya sebut dalam ucapan saya masih duduk dalam setinggan-setinggan di tebing-tebing sungai, 50 tahun. Jadi Ketua UMNO Cawangan, jadi Ketua Kampung , jadi Penghulu tapi orang ini yang menjadi mangsa kepada pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional. Ini mesti dijelaskan oleh Sg. Panjang.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Terima kasih kepada Hulu Kelang, Bukit Antarabangsa. Tak apalah asalkan tak pergi cari Mongolia sudahlah ye? Sebab nampaknya Bukit Antarabangsa ini *good looking*, kalau pergi Mongolia ramai juga ikut balik itu saya rasa. Pertamanya tentang di Ijok. Kita mesti tengok tentang keadaan estet atau pun tanah milik kerajaan. Hendak buat pembangunan bukannya mudah. Kita tak boleh buat pembangunan kawasan rizab sungai. Sebab itu kita ada usaha untuk memindahkan mereka ke tempat yang lain. Sebab kalau kita pindahkan ke rizab, kita biarkan bila ada projek pembesaran sungai, banjir dan sebagainya kita menghadapi masalah. Kita ada undang-undang. Memang kalau hendak tengok lihat memang senang. Buat baru kita tahu. Saya dulu macam Bukit Antarabangsa juga. Lihat memang senang. Macam mana Bukit Antarabangsa dulu jadi Setpol kepada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, dia tahu lah. Bukannya senang. Saya harap perkara ini.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Maklumat tak betul. Saya bukan Setpol.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Pegawai Khas.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Pegawai Khas pun tak betul, itu yang kalah pilihan raya tu.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Setiausaha Sulit, samalah tu, lebih kuranglah. Kalau..

**Y.B. TUAN SPEAKER :** Ini sekarang siapa pembangkang siapa kerajaan, saya pun keliru.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, yang ini lagi sulit. Kalau tak kerana Setiausaha Sulit kepada Timbalan Perdana Menteri, Bukit Antarabangsa pun tak senang hidup seperti hari ini. Itu kenyataan. Jadi tentang program-program yang kita buat, kita buat ikut peraturan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Tuan Speaker, hendak minta penjelasan daripada Sg. Panjang. Berdasarkan pada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia dari segi masalah setinggan ini, kita telah mencapai hampir sifar. Apa yang dipanggilkan oleh apa ni tadii di kawasan setinggan di tepi-tepi sungai, ini mungkin sebahagian kecil dalam proses itu mesti ada. Kita dalam menyempurnakan sesuatu tugas itu ada perkara-perkara yang mungkin terlepas pandang, tertinggal dan sebagainya. Jadi yang setinggan-setinggan yang belum selesai ini saya ingin membuat penjelasan kepada Sg. Panjang boleh tak kita serahkan sahaja kepada kerajaan baru ini untuk menyelesaikannya? Dan kita, itulah pertanyaan saya ye?

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasihlah kalau kerajaan tahu banyak masalah. Kita hendak tengok *result* dialah. Nanti kalau kita tegur, jangan kata kita marah. Tentang JKJK yang ditegurkan tadi, kita tak gunakan struktur JKJK yang di peringkat negeri. Kita gunakan Gerakan Desa Wawasan yang di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dan kita tahu bahawa elau yang dibawa oleh kerajaan pusat kepada Ketua Kampung RM400.00, RM200.00 daripada kerajaan negeri. Jadi kita merasakan bahawa eloklah ada persaingan tetapi kena sihat, kena sihat. Bila ada persaingan itukan baik. Ada, kalau kita buat baik-baik tak ada fitnah-memfitnah antara satu sama lain, tidak mengeluarkan rasa benci antara umat saya rasa tak ada masalah Tuan Speaker. Tetapi kalau kita adakan jawatankuasa ini untuk kita benci-membenci, fitnah-memfitnah di antara satu sama lain ini akan menyebabkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Dia kata tentang dewan. Dikatakan bahawa sebahagian dewan ini dibina atas duit kerajaan. Memang yang itu kita serah, kita boleh guna, semua boleh guna. Tak ada masalah. Tidak ada orang menghalang menggunakan dewan untuk mesyuarat tapi kena minta permohonan.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Beri laluan? Saya, itu adalah kenyataan yang tidak tepat. Di kawasan saya nyata balai-balai orang awam dikuasai sepenuhnya hingga hari ini kunci-kunci pun tidak diserahkan. Jadi itu kenyataan tidak tepat.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Memanglah penjagaan dewan ini diserahkan kepada Ketua Kampung tapi kalau parti hendak guna kita boleh mohon. Tak ada masalah. Saya melihat bahawa seperti juga, seperti juga macam yang dikatakan tadi satu pusat latihan di Hulu Kemensah, itu milik UMNO. Hendak sewa pun kita bagi tapi kena bayarlah tak ada masalah. Jadi kita merasakan bahawa dengan adanya Gerakan Desa Wawasan Tuan Speaker dia akan memberikan satu impak yang positif jika mana ada persaingan di antara Ketua Kampung itu dengan cara yang baik dan kita harap ia akan memberikan kelebihan kepada negeri Selangor untuk memahami masalah rakyat. Mungkin kadang-kadang Ketua Kampung yang dilantik oleh kerajaan negeri mengajukan masalah itu untuk kerajaan negeri tapi yang ajukan kepada Kerajaan Pusat, kerajaan pusat boleh buat. Kita hendak bantu daripada, kita tahu sumber kewangan ini terhad. Jadi bila Kerajaan Pusat bantukan bagus. Kenapa kita boleh pandangan negatif?

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Boleh beri laluan? Tidakkah mungkin ini menjadikan kerajaan dalam kerajaan di Selangor itu sendiri dan ini juga memberi erti bahawa pihak BN seolah-olah tidak mengakui bahawa mereka telah kalah di Selangor dan cuba campur tangan?

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker. Kita harus lihat bahawa peranan Kerajaan Persekutuan dan peranan kerajaan negeri. Kerajaan persekutuan tidak akan melanggar batas-batas kuasa kerajaan negeri. Tetapi kerajaan pusat nak membantu. Jadi kalaular Ketua Kampung dilantik oleh kerajaan negeri tak mampu nak buat jalan dan sebagainya. Dia mengadu Ketua Kampung daripada Gerakan Desa Wawasan mengadu kepada Menteri Pembangunan dan dibuat jalan. Yang penting jalan itu dapat digunakan. Jadi kita

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker, minta laluan. Saya nak minta penjelasan ..

**TUAN SPEAKER** : Nanti dulu, nanti dulu, nanti dulu. Bagi tak, bagi? Bagi, bagi, ok.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Kenapa pula sekarang kerajaan pusat yang bantu sedangkan kalau nak saya rasakan jalan yang lebih baik tambahkan elaun atau apa. Kenapa pula sekarang Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan negeri baru kerajaan pusat cakap hendak bantu? Saya minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Saya rasa tidak perlu jawab sebab ini di luar bidang kuasa. Ketua pembangkang, itu bidang kuasa kerajaan persekutuan, tak perlu jawab.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengharapkan kepada kerajaan negeri supaya dapat memberikan mekanisma yang terbaik. Bagaimana manifesto ini dapat dijayakan dan kita akan membantu. Nak mengumpul ibu tunggal kita boleh tolong, nak mengumpul anak-anak yang tadika pun kita tolong Tuan Speaker, kita tolong yang tadika, yang nurseri pun kita tolong, yang ibu-ibu yang telah setuju nak tinggal di rumah tak jaga anak pun kita tolong. Kita ni nak tolong, jadi janganlah dipandang serong, saya pun tak faham. Saya nak tolong orang tak suka, nak tolong kurangkan kos pentadbiran kerajaan negeri daripada melantik..... saya ingat saya nak teruskan Tuan Speaker, dah banyak laluan dan diganggu,

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Minta laluan.

**Y.B. DATO' DR. SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya harap, kita tak beri laluan

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Nak tolong masa ada kuasa...

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Kita.... Kita nak tolong tak semestinya ada kuasa. Dah ada kuasa, kita buat apa yang kita boleh. Yang ni yang....

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tak ada kuasa, nak tolong ibu tunggal aje, saya nak tahu kenapa Sungai Panjang ni minat ibu tunggal (ketawa).

**Y.B. TUAN YAP EE WAH** : Nak seribu daya, tak nak seribu dalih Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya minat ibu tunggal ada kuota lagi tak ada masalah.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Minta laluan.

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tapi yang saya lihat Bukit Antarabangsa, sebab Mongolia ni, minat sangat kenapa? Kalau boleh carilah orang Malaysia, tolong orang Malaysia, janganlah ambil daripada Mongolia tu, jauh sangat...

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Yang minat orang Mongolia ni, orang Pekan, bukan Bukit Antarabangsa (ketawa).

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tapi selepas Pekan, saya rasa Bukit Antarabangsa yang menyebut. (ketawa).

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tak ada masalah, saya rasa...

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 36.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Hah! yang mana dia, *sub section* mana?

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN :** Peraturan Tetap 36 sub 9. Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa Ahli-Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau sesiapa Pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau Pegawai Kerajaan. Minat pada ibu tunggal atau pun warga negara Mongolia tidak relevan ya. Terima kasih.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya ingat, ingatan terus kepada Bukit Antarabangsa tu saya rasa, yang dari tadi menyebut-nyebut. Jadi kita nak bantu, yang dulu kita buat.....

**TUAN SPEAKER :** Beri laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Saya ingat, saya nak teruskan kerana panjang sangat nanti tak habis. Jadi saya harap kepada kerajaan negeri yang kita nak bantu ni dulu kita tak mampu nak buat jadi bila ada orang nak buat ni kita seronok sangat. Seronok sangatlah kita nak bantu. Jadi kita nak bantu betul-betul, bukan nak bantu main-main. Semua orang di belakang saya ni dah janji, berikan...bila nak beri semua ni kita akan selesaikan senarai nama semua. Tak payah nak lantik pegawai-pegawai kat bawah, Tuan Speaker... nanti ada lagi pegawai kos *management* meningkat, jadi masalah. Kita ni pun tahu lah bila dapat elaun ni kan daripada kerajaan kita pun nak berjasa juga. Padan dengan yang kita makan tu. Nampak rasa seronok bila kita bawa orang rumah pergi kedai makan dengan duit elaun tu Tuan Speaker. Jadi kita harap jangan dipandang pesimis. Kita haruslah sama-sama berusaha, yang penting Selangor maju, yang penting Selangor akan terus jadi negeri yang menerajui negara, yang penting Selangor akan terus di hormati. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis dah

**Y.B. TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Tuan Speaker... Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu, Tuan Speaker nak cakap ni.

**TUAN SPEAKER :** Dah habis. Dulu ketua pembangkang cakap, had masa sekarang tak had masa pun dah selesai. 40 minit aje. (Ketawa). Dulu-dulu, sekarang-sekarang, dulu Pembangkang..

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Kurang bercakap, banyak bekerja.

**TUAN SPEAKER :** Nanti dulu, Tuan Speaker bercakap. Dulu-dulu, sekarang-sekarang; dulu Pembangkang sekarang Kerajaan. Dulu pembangkang berucap, Speaker melarang; Sekarang Speaker baru tunjukkan kebesaran. (Tepuk meja). Dulu-dulu, sekarang-sekarang, dulu pembangkang sekarang kerajaan. Dulu nak cakap masa kekurangan; sekarang bagi masa peluang di sia-siakan. (Tepuk). Silakan siapa yang ambil bahagian.

**TUAN SPEAKER:** Dipersilakan Sekinchan. Sekinchan tak nak dan nak berikan kepada Sri Serdang. Silakan Sri Serdang.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Yang Berhormat Sekinchan, ini ikhlas ke ni, ikhlas nak bagi dulu. Oh... terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Tuan Speaker, pertamanya saya ini mengucapkan tahniah kepada YAB. Ijok kerana telah pun dilantik menjadi Dato' Menteri Besar Selangor selepas Pilihan raya yang ke-12 ini dan tahniah juga kepada sahabat saya yang lama yang menjadi Tuan Speaker. Yang dulu kata tak nak pakai songkok hari ni dah kena lah pakai songkok. Hah! Rasa lah....

**TUAN SPEAKER :** Takdir.... takdir.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Tak pening ke kepala tu pakai songkok? (Ketawa). Dan jaga buku peraturan tu baik-baik jangan pula sampai ke mari. Tuan Speaker, tidak dinafikan bahawa Malaysia telah pun ditadbir oleh kerajaan Barisan Nasional sejak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Alhamdulillah, Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara yang membangun yang lain.

**Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI :** Jangan membaca. (Ketawa).

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Saya ambik aje isinya. Macam saudara daripada Bukit Antarabangsa tadi. Kejap boleh tunduk, kejap boleh tengok.

**TUAN SPEAKER :** Ada budi, ada balas tu. Sila kan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN :** Hah! rasa lah ada apa? ada ubi ada balas, hah kejap lagi kita berbalas. Dan duduk sama rendah dengan negara-negara yang membangun yang lain, malah lebih baik daripada itu lagi. Ini terbukti di mana Barisan Nasional mempunyai pemimpin yang berkaliber untuk mentadbir negara. Ramai tokoh-tokoh terbilang negara yang lahir daripada Barisan Nasional. Tidak cukup itu, Malaysia juga diiktiraf oleh dunia sebagai negara membangun yang berjaya dan kehadapan. Ini berkat usaha gigih kepimpinan negara yang tidak jemu untuk menjaga kepentingan dan keharmonian rakyat yang berbilang kaum di negara Malaysia ini.

Sebenarnya Barisan Nasional tidak kalah, kerana di Parlimen mempunyai 140 kerusi hanya kurang 8 kerusi sahaja untuk dapat 2/3. Dan kalau di tengok pun di negeri Selangor ini, UMNO ada 18 kerusi, PKR 15 bermakna UMNO lebih 3 kerusi, DAP 13, bermakna UMNO lebih 5 kerusi dan PAS ada 8 kerusi bermakna kita lebih 10 kerusi dan ditambah MCA ada 2 kerusi, jadi kita ada 18...ada 20, minta maaf Tuan Speaker ye. Kalau dihitung daripada segi itu, sudah barang tentu, kalau diikut dari segi komposisi tiap-tiap parti itu, bukan kata nak menidakkannya benda yang tidak tetapi UMNO masih 18 kerusi berbanding dengan parti-parti yang lain. Apa nak buat..... keadaan sudah begitu dan PKR dengan pakatannya boleh membentuk sebuah kerajaan negeri Selangor dan kita terima hakikat itu bukan kita tidak terima hakikat itu dan hakikat ini bertepatan kerana mungkin janji-janji ataupun manifesto-manifesto yang boleh mengelirukan ketika itu dan rakyat terpukau dengan janji-janji Barisan Alternatif dikata gabungan bersama Parti Islam Se Malaysia dan Parti Keadilan Rakyat dan dia tak sebut DAP ketika itu, di negeri Selangor, dia tak sebut. Dia sebut hanya Parti Islam Se Malaysia dan Parti Keadilan Rakyat tetapi dia tak sebut DAP pun Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Speaker, beri laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Ya.

**TUAN SPEAKER** : Silakan

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Seri Serdang, kita nak buat penjelasan dalam Pilihan raya baru ni Pakatan di antara PAS dengan Keadilan adalah Barisan Alternatif, kita ada manifesto bersama dan ni kita *targetkan* di dalam kawasan-kawasan di mana kita perlu menerangkan pendirian dan tawaran kita bagi pilihan raya tetapi pada masa yang sama di peringkat pusat dan negeri Selangor ada Pakatan di antara PKR dan DAP dan tawaran yang sama jadi jangan diselewengkan fakta yang telah berlaku agar adil dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya tidak menyelewengkan fakta, saya cuma ambil saja daripada manifesto Barisan Alternatif yang hanya terkandung di antara Parti Islam Se Malaysia dan juga Parti Keadilan Rakyat dan saya pun tak tahu apa pun pakatan di peringkat Federal pun kerana kita berkhidmat di peringkat negeri YB. Hulu Kelang, yang saya bangkitkan ini. Tetapi saya nak menjurus kepada janji-janji di antara Parti Islam Se Malaysia dan juga Parti Keadilan Rakyat ini ya di negeri Selangor ini sudah pun membentuk sebuah kerajaan dan nasib baik pun DAP pun ikut sama lah....ye Tuan Speaker, DAP ikut samalah, itu sebabnya dapat membentuk kerajaan dengan.....

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang, cuma saya nak ingatkan sekarang ni saya Speaker, Speaker neutral, saya bebas, saya tidak memihak pada Kerajaan atau pun pembangkang ya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya pandang aje Tuan Speaker, Saya pandang aje pada Tuan Speaker tu.

**TUAN SPEAKER** : Jangan sebut-sebut.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Saya pandang aje Tuan Speaker, sebab dengan pakai songkok tu lagi nampak *handsome*.

**TUAN SPEAKER** : Terima kasih tapi jangan sebut Speaker, jangan libatkan speaker dalam perbahasan. Saya nak neutral ye... saya bebas, saya nak tunjukkan saya adil.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker dalam kempen pilihan raya umum yang ke-12 baru-baru ini, PAS di kawasan saya, saya berlawan dengan parti PAS, alhamdulillahlah nasib baik menang lah, walaupun 45 undi tapi baik sikit daripada Bangi dulu lah, Bangi dulu 37, dulu.... nanti dulu. Dulu... bukan sekarang.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Kenang... kenang juga Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN** : Hah! Ingat. Di mana kalau PAS memerintah yang dia akan buat dulu, setelah menjadi kerajaan, ni kerajaan telah terbentuk ialah nak menutup semua pusat-pusat hiburan seperti karaoke dan lain-lain. Yang kedua, PAS juga berjanji nak menutup kedai-kedai nombor ekor, hah! 4 nombor ekor, lumba kuda dan apa saja yang berbentuk perjudian dan yang lebih lagi ialah dia nak menutup ada 2 buah kilang di negeri Selangor ini iaitu kilang membuat arak kata dia. *Guinness Stout* dan *Carlsberg* yang berada, YAB. Ijok itu sepanjang jalan Persekutuan. Saya ingat kalau YAB. Ijok nak balik ke Kuala Selangor agaknya lah ya tak lalu Bukit Jelutong, boleh lah nampak sebelah kiri tu. Dan juga bukan itu saja, kedai-kedai yang menjual arak, ini kempen pilihan raya umum yang dibuat oleh parti PAS untuk menutup semua kedai-kedai yang menjual arak dan akan selain daripada itu akan mentadbir masjid dan surau sebagai institusi masyarakat Islam yang cukup berkesan. Tapi tahukah, tahukah Yang Berhormat, saya tujukan kepada YB. Gombak Setia yang sekarang ni menjadi EXCO kerajaan negeri yang memegang portfolio agama bahawa saya ada menerima surat daripada penduduk-penduduk persekitaran, saya sebut Bandar Kinrara, Seksyen 5 yang menyatakan supaya pembesar masjid Bandar Kinrara, Seksyen 5 itu tidak perlu suaranya besar katanya terutamanya dia kata dalam ceramah, dalam kuliah subuh, dalam kuliah maghrib walaupun tak disebutkan masa azan. Ini telah diutarakan oleh masyarakat bukan Islam di sekitar Bandar Kinrara, Seksyen 5 yang ditandatangani lebih daripada 186 orang. Saya harap setelah ini berlaku dan telah pun ditadbir oleh kerajaan dengan pakatan di antara PKR yang menjadi teraju utamanya, DAP yang menjadi EXCO kanannya dan PAS yang menjaga agama Islamnya supaya memainkan peranan yang cukup berkesan kerana isu agama ini adalah satu isu yang sangat sensitif yang akan akhirnya nanti menimbulkan kemarahan kepada pihak-pihak tertentu dan akhirnya akan mengganggu gugat ketenteraman terutamanya dalam kawasan mahupun negeri Selangor. Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat, Sri Serdang sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, masa sudah menunjuk 1.00 tengah hari. Dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )

**Dewan disambung semula**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER :** Dewan disambung semula dipersilakan Sri Serdang. Sri Serdang tadi telah ambil 10 minit.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Terima kasih Tuan Speaker kerana memberikan ruang untuk menyambung semula titah ucapan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan semalam. Saya cuma nak mengingatkan kepada Y.B. Gombak Setia kerana ini merupakan satu janji dan mungkin juga adalah slogan-slogan yang diutarakan dalam kempen-kempen dalam pilihan raya umum yang ke 12 itu yang mengatakan mestilah membangun bersama Islam, menegakkan negara Islam dan berbagai-bagailah kata-kata manis yang dijanjikan kepada rakyat sehingga rakyat terpukau dan terikut-ikut dengan gaya mereka itu. Dan hari ini ....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Tuan Speaker minta laluan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Silakan

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Saya ingat Sri Serdang dia rujuk dari manifesto mana, saya ada yang ke-12, ni tak ada apa yang disebutkan negara Islam, kita negara kebijakan dan tidak ada sebutan pun tentang premis arak, judi dan sebagainya. Saya ada bawa ini untuk yang ke 12, mungkin dia baca yang untuk ke 10 dulu agaknya.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Tuan Speaker, saya sebut tadi bukan dalam manifesto, ini adalah merupakan satu ceramah politik dalam pilihan raya umum yang ke 12, yang mengatakan seharusnya dan ceramah ini ceramah-ceramah sudah barang tentu ceramah ini didengar oleh orang yang mendengar. Jadi apalah salahnya pula saya ini nak mengatakan hasil daripada ceramah itu supaya apakah tindakan seterusnya setelah menjadi kerajaan. Satu lagi Y.B. Gombak Setia orang yang pakar, pakar motivasi umpamanya .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Boleh buat penjelasan, nak tanya masalah sikit ....

**TUAN SPEAKER :** Sg. Burong, ini nak minta penjelasan ke nak buat penjelasan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS :** Nak tanya penjelasan. Tuan Speaker tanya penjelasan. Saya ingin bertanya bukankah selama ini dasar, prinsip perjuangan parti PAS ialah untuk menegakkan negara Islam yang telah pun diwar-warkan dan menjadi sebahagian daripada teras perjuangan PAS. Jadi bukan lagi ceramah saya nak tanya pada wakil Sri Serdang.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN :** Mungkin benar juga kerana ada kalanya mereka mengatakan begitu tetapi dalam pilihan raya umum yang ke-12 ini, kita terdengar juga perkataan itu masih dilaungkan jadi seolah-olah memang itu telah menjadi dasarnya ....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Saya mencelah lagi Tuan Speaker .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, saya tak bagi laluan kerana saya tak cukup .....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR** : Kita tidak memerintah Parti Islam. Parti Islam tidak memerintah di Selangor, kita adalah Parti Pakatan Rakyat dari PAS, Keadilan dan DAP. Kalau kita memerintah sepenuhnya di Selangor kita ada polisi kekuasaan.....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, tak minta laluan .....

**TUAN SPEAKER** : Sri Serdang tak benarkannya. Tak benarkan beritahulah sebab kamu beri laluan. Kamu bagi je .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tak beri laluan

**TUAN SPEAKER** : Lain kali kalau tak beri laluan beritahulah, jangan berdiri je ..... beritahu ya. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Dia soal pakatan ataupun soal yang lain-lain itu pada saya soal dasar itu tidak berubah kerana itu adalah ikutan ataupun Perlembagaan Parti yang perlu dilaksanakan walaupun apa pakatan seperti Barisan Nasional dia ada pakatan yang tersendiri dan selama ini nampak tak ada menimbulkan masalah pada Barisan Nasional, cuma sekarang ini kita nak tanya kepada pakatan yang baru ini yang dianggotai oleh Parti PAS, oleh DAP dan juga di teraju oleh PKR di negeri Selangor ini. Oleh itu Tuan Speaker, saya menyarankan supaya seperti yang dibangkitkan oleh Y.B. Meru tadi juga tentang titah ucapan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada pagi semalam untuk mengurangkan kejadian-kejadian jenayah ataupun berbagai-bagai di negeri Selangor ini, ya yang disebutkan dalam muka surat 47 supaya pihak Polis PDRM menjalankan operasi khas bagi membanteras aktiviti pelacuran, judi, ekor haram dan aktiviti jenayah yang bersindiket. Ini juga adalah termasuk dalam berkemungkinan besar dalam penyalahgunaan pusat-pusat hiburan yang ada di negeri Selangor yang begitu banyak sekali dan saya terperanjatlah bila mana yang dinyatakan oleh Y.B. Sg. Panjang tadi, Y.B. Pandamaran pula terlibat dalam menahan pihak berkuasa ini menjalankan tugasnya di sebuah hotel di kawasan Puchong sana pula. Jadi saya harap kali ini cubalah Y.B. Gombak Setia .....

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIIEW** : Boleh beri laluan

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Silakan.

**Y.B. TUAN LIU TIAN KHIIEW** : Tuan Speaker, sebenarnya apa yang dikatakan tadi oleh Y.B. dari Sri Serdang dan juga pagi tadi oleh Y.B. Sg. Panjang, sebenarnya hanya adalah tuduhan. Oleh sebab itu saya telah melantik seorang peguam dan besar kemungkinan saya akan membawa Y.B. Sg. Panjang dan semua orang lain yang membuat tuduhan yang tidak berasas ke mahkamah. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, Y.B. Pandamaran saya mungkin tidak ada halangan kerana kita baca adalah laporan daripada yang terdapat di Polis Diraja Malaysia.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya, sila

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Peraturan 36 (9) dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebut dalam kelakuan atau sifat sesiapa ahli-ahli parlimen atau Dewan Negeri atau sesiapa pegawai kerajaan selain dari kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai ahli parlimen atau Dewan Negeri atau pegawai kerajaan. Dalam konteks ini Y.B. Pandamaran pada waktu itu belum lagi sebagai pegawai kerajaan atau apa-pun. So saya diminta tuduhan seperti ini jangan diteruskan lagi.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, saya hanya mengatakan tidak menuduh, hanya mengatakan laporan. Dari itu Tuan Speaker, saya harap perkara ini diambil tindakan yang sewajarnya supaya titah ucapan Duli Yang Maha Mulia ini akan diambil berat oleh kerajaan sekarang dalam menghapuskan kejadian-kejadian jenayah khususnya di negeri Selangor ini. Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Boleh, saya berucap.

**TUAN SPEAKER** : Berucap....

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Bukan berucap nak tambah tadi.

**TUAN SPEAKER** : dia dah habis dah, dah habis. Ya, Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Y.A.B. Tan Seri Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan, Dif-dif Kehormat serta hadirin dan hadirat yang dihormati. Sekinchan juga ingin turut serta dalam membahaskan usul menjunjung kasih titah ucapan DYMM Sultan Selangor pada Persidangan Pertama pembukaan Dewan Undangan Negeri Selangor ke 12.

Tuan Speaker, nampaknya pada persidangan pada pagi tadi, saya nampak ada banyak perubahan. Saya nak ucapkan tahniah kepada Y.A. B. Tan Seri Dato' Menteri Besar dan Tuan Speaker dalam dewan ini kerana berani membuat perubahan. Aturan mesyuarat pada persidangan kali ini saya nampak lebih tersusun tidak seperti pada penggal yang lalu. Pada waktu itu saya sebagai wakil pembangkang. Saya punya pengalaman yang luas sebab apa, masa saya disekat, apabila ada minta laluan pun tidak boleh dibagi sebab apa masa akan ditolak dari laluan yang kita beri. Ini satu penganiayaan yang cukup serius dan kali ini saya nampak kita beri, kita terbuka, kerajaan kita Pakatan Rakyat terbuka bagi ruang yang seluas-luasnya, ini saya rasa syukur, tahniah diucapkan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, boleh bagi laluan Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Bagi... ha...tengok....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tuan Speaker, dulu pembangkang hanya 2 orang, sekarang ini ramai 20 orang, memang sesuai dan wajarlah beri laluan yang banyak pasal 20 orang pembangkang ini. Yang dulu 2 orang je, kalau nak dibagi panjang-panjang pun Sekinchan merapu je. Jadi lebih baik, eloklah pendek tapi tepat. Terima kasih Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Itu bukan soal ramai ataupun kurangnya pembangkang, soal kita menghormati prinsip demokrasi, itu yang penting Sri Serdang ni tak pandailah.

Tuan Speaker, dalam dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua pengundi dan penyokong pakatan rakyat khususnya daripada DUN Sekinchan tidak kira Cinanya, Melayunya, Indianya, Jawanya, Banjarnya kerana berani dan tetap menyokong Sekinchan sebagai satu kerusi panas untuk memenangkan memberi kepercayaan kepada Sekinchan walaupun saya diserang pada ketika itu bertubi-tubi oleh bekas Menteri Besar Yang Berhormat daripada Sg. Panjang yang dulunya Menteri Besar tetapi sekarang beliau telah mengambil alih tempat Tuan Speaker Sg. Pinang sebagai ketua pembangkang ini takdir tuhan sebab orang yang sompong dan angkuhlah itu kerja dia.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker lebih zalim lagi ... Tuan Speaker, saya tak bagi laluan lah .....nanti dulu laluan nanti .....

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : bukan laluan .....buruk sangka

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : tak bagi laluan .....

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : 36 ..... buruk sangka .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : lebih zalim lagi ..... saya tak bagi .....

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Peraturan 36

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : nak cakap juga... ha bagilah...

**TUAN SPEAKER** : Peraturan, silakan, silakan, ya..

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Peraturan 36, saya pun tak faham yang nak *attack* personel sompong ke apa ni, saya rasa kita buat ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Peraturan mana ..... minta laluan .....

**Y.B. DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Saya nak tarik balik, kata sompong tadi dan bongkak tadi, saya tarik balik .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, itu tafsiran dia, saya nampak yang lebih zalim lagilah sebagai seorang pemimpin, sebagai seorang Menteri Besar sanggup menghina, mengaibkan kakitangan beliau dengan menghadiahkan penyapu di khalayak orang ramai. Ini satu perbuatan yang cukup-cukup terkutuk, nampaknya syukur

alhamdulillahlah kerana rakyat di negeri Selangor ini telah berani membuat perubahan pada 8 hari bulan yang lalu dengan menyapu keluar ketua penyapu ini daripada kerajaan negeri Selangor dan mereka memilih seorang tokoh korporat dan berwibawa serta berjiwa rakyat, mesra rakyat pentingnya dari Pakatan Rakyat iaitu Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar kita. Tuan Speaker .....

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIM BIN DIMAN** : Tapi malang Sekinchan tak jadi EXCOlah ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Itu saya tak pentingkan sebab saya jawab soalan daripada Seri Serdang itu bukan perkara penting, sebagai seorang wakil rakyat kedudukan jawatan bukan penting, yang penting sedia berkhidmat untuk rakyat. Setuju...

**Y.B. DATO' HAJI MOHAMED SATIN BIN DIMAN** : tapi di belakang cakap lain.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker, saya sentiasa percaya pada prinsip rakyat adalah hakim negara. Suara rakyat suara keramat, sekali air bah sekali pantai berubah. Apabila kita diangkat menjadi pemimpin, Menteri Besar dan sebagainya kita harus ingat termasuk daripada Pakatan Rakyat yang dipilih rakyat sekarang hari ini, jangan sompong, jangan angkuh dan jangan menghina sesiapa pun walaupun dia orang bawah orang miskin dan sifarkan setingga tanpa alasan-alasan yang kukuh dan sebagainya, ini tidak boleh diterima. Jadi harus kita ambil iktibar dalam konteks ini dan Tuan Speaker, apa yang lebih penting selain daripada berlakunya tsunami politik pada 8 Mac yang lalu, satu lagi kejutan yang saya sifatkan sebagai gempa bumi politik sekutu 9 skala Richter yang sudah berlaku pada hari Wesak 19 hari bulan lima, tiga hari yang lalu, di mana mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir mengisyiharkan keluar daripada UMNO dan dalam konteks ini saya meminta Y.B. Sg. Panjang sama ada akan mengikut jejak langkah Tun Dr. Mahathir bekas Perdana Menteri turut serta keluar daripada UMNO kerana tanpa Tun Dr. Mahathir Sg. Panjang tidak akan diangkat menjadi Menteri Besar.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kita ada negeri dan ada calon-calon yang lain, Sg. Tawar, Sementa.... Saya tak bagi laluan.....Sri Serdang....

**TUAN SPEAKER** : Sekichan, peraturan .....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok, ok...

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : 36(1) seorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya perkara-perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara-perkara yang dibincangkan itu. Ok

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya cuma nak menyatakan sifat dan prinsip perangai seorang pemimpin. Kita jangan lupa orang yang mengangkat, orang ada budi pada kita, jangan cepat lari dengan izin lupa pada daratan, lupa pada orang yang berbudi pada kita dan lupa segala-galanya bagaikan kacang lupakan kulit.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Tuan Speaker, mengikut peraturan 3(1) tapi Sekinchan terus meneruskan ucapannya, sepatutnya kena tukar topik kepada perkara-perkara yang dibincangkan berkenaan dewan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku

**TUAN SPEAKER :** Perangai seseorang pemimpin itu ada kaitan dengan dasar kerajaan, ya teruskan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ya, kalau dia tak mengaku dengan perangai, saya pun terimalah, terima kasih Tuan Speaker. Pada masa yang sama saya yakin dan menaruh harapan yang tinggi kepada kepimpinan Y.A.B. Berhormat Dato' Menteri Besar yang pasti akan membawa pembangunan dan kemajuan negeri Selangor ke satu tahap yang lebih cemerlang serta menjamin negeri Selangor terus berada di hadapan buat sepanjang waktu. Saya juga berharap segala kepincangan, kelemahan salah laku, salah guna kuasa dalam pengurusan pentadbiran kerajaan negeri Selangor dapat kita minimumkan. Sesungguhnya dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku banyak menegur projek-projek yang tidak mendatangkan manfaat dan tidak mendatangkan kebaikan kepada rakyat hanya menguntungkan pihak syarikat dan dalam konteks ini mana projek pembaziran wang rakyat dan projek gajah putih. Gajah putih berlaku di negeri Selangor khususnya dalam pentadbiran kerajaan negeri yang lepas. Jadi dalam dewan yang mulia ini Tuan Speaker, saya nampak majoriti 2/3 ahli-ahli dewan adalah muka baru jadi saya rasa terpanggillah dan mengungkit sedikit balik tentang beberapa contoh. Contoh yang dicipta dipopularkan oleh Yang Berhormat Sg. Panjang pada kerajaan yang lalu. Antara contoh yang suka saya bangkitkan dalam dewan tetapi mungkin ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengikuti dan mengetahui dan dalam peluang yang keemasan ini sekali lagi membangkitkan contoh yang pertama projek menaik taraf Cross Ban 4 Sekinchan ke Jalan Sg. Hj. Dorani sepanjang 20.5 km. Anggaran belanja asal yang diperuntukkan hanya sekitar RM60 juta tetapi apabila projek itu siap Tuan Speaker, telah menelan belanja RM118 juta telah meningkat dengan berapa kali ganda dan kalau kita bandingkan kita bahagikan dengan 20.50 kilometer ini menelan belanja.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Beri laluan, beri laluan. Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tak bagi, tak bagi.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Dia takut beri laluan. Beri laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO :** Sebenarnya kerja-kerja ini telah di bawa ke JKR.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Duduk, duduk tak bagi. Jadi setiap 20 kilometer kosnya RM5.70 juta. Jalan yang ada cuma dibesarkan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang berminat saya boleh bawa bas ke Sekinchan datanglah melawat ke Sekinchan. Satu projek pembaziran gajah putih di Sekinchan sampailah ke Sg. Panjang. Itu contoh yang pertama. Contoh yang kedua Tuan Speaker, Projek Sg. Hj. Dorani Marine Park di DUN Sg. Panjang di mana projek tersebut pada asalnya diperuntukkan RM10 juta tetapi siap projek RM29.8 juta, dekat tiga kali ganda. Contoh yang ketiga projek pusat sembelih

lembu PKPS di Batang Berjuntai dan projek ini pada asalnya dianggarkan RM19 juta tetapi apabila selesainya projek tersebut, menelan belanja RM35 juta.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Speaker, penjelasan. Ini nampaknya tak kena. Bagi saya penjelasan. Saya nak beritahu,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak bagi.

**TUAN SPEAKER** : Dia tak bagi laluan..

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Kita bagi laluan. Terus terang saya katakan semua projek-projek yang dibuat adalah di bawah JKR. Kalau tak puas hati pergi *report* BPR dan siasat. Jangan nak buat *political gimic* dekat sini. Kalau Sekinchan berani betul-betul pergi buat laporan. Biar dia *check* siapa yang buat keputusan, harga itu naik dan sebagainya. Apa nak *mislead* dekat orang, *report*. Saya tak ke mana. Saya tak nak perkara ini dibuat *mislead* orang mengatakan saya yang bersalah. Kalau nak betul saya minta tolong pergilah. Lapor.

**TUAN SPEAKER** : Baik. Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Demikianlah tadi penjelasan daripada Sg. Panjang. Jadi yang pentingnya saya bangkitkan perkara ini untuk rujukan kita. Biar kita tidak silap. Walaupun itu dibuat oleh JKR tetapi ini saya dengar pagi tadi Tan Sri kata pegawai kita menggil. Pegang dokumen menggil. Kenapa dia boleh menggil? Sebab.....

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Buruk sangka Tuan Speaker Tunjukkan saya satu surat yang saya *sign*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak bagi laluan. Sila duduk.

**TUAN SPEAKER** : Jangan ganggu. kita beri laluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sambung tadi, tentang pusat sembelih lembu itu, malahnya 5 kilometer jalan nak masuk tempat sembelih lembu itu sampai sekarang tak siap-siap tidak ditarkan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker, bila diluluskan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak bagi...

**TUAN SPEAKER** : Teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ok ini kena sesuatu, terasa jadi dia mengacau. Biar saya tinggalkan itu. 3 contoh sudah cukup memadai. Tuan Speaker 3 contoh sudah mencukupi dan jangan lupa Persidangan Dewan kita pada kali ini kita siarkan secara langsung melalui Internet dan empat hari ini saya difahamkan kos keseluruhan empat hari ini menelan belanja RM13 ribu tetapi saya rujuk balik dulu pada persidangan lalu bajet yang di bentang 2008 waktu Yang Berhormat Sg. Panjang Jadi Menteri Besar 1 jam lebih siaran langsung yang serupa juga 1 jam lebih menelan belanja RM30 ribu. Cuba kita bandingkan kerajaan mana yang pandai menguruskan kewangan ada ketelusan. Sekali imbas kita jelas kelihatan.

Tuan Speaker, kebelakangan ini saya banyak kedengaran aduan-aduan tentang perkhidmatan bekalan air mutu perkhidmatan. Syarikat bekalan Air Selangor, SYABAS yang kurang memuaskan oleh pengguna. Sering kali membuat kerja, menaik taraf dan sebagainya tidak memberitahu penduduk-penduduk di sekitar dan menyebabkan pengguna apabila balik tiada bekalan air disalurkan. Ini satu masalah. Yang kedua saya nak rujuk balik saya rasa terperanjat tentang apabila ada satu taklimat yang dibuat oleh kerajaan negeri tempoh hari, dimaklumkan isi kandungan perjanjian antara SYABAS dan kerajaan negeri Selangor ini cukup berat sebelah dan tidak memihak kepada kerajaan kepada pengguna tetapi memihak kepada Syarikat SYABAS. Contohnya pada 1.1.2009 takrif air di negeri Selangor ini akan dinaikkan daripada sehingga 39 per meter padu kepada RM1.90 per meter padu. Kenaikan sebanyak 1.39 %.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak beri laluan.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ini penting.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tak bagi. Tak bagi.

**TUAN SPEAKER** : Sekarang ni tak beri laluan. Tak beri laluan. Sg. Panjang, Sg. Panjang bukan lagi kerajaan jadi kenalah, bila ADUN Sekinchan ni dan yang Ahli-ahli yang lain membahaskan biar dia habiskan. Dia belum habiskan. Saya belum faham apa yang dibangkitkan. Sg. Panjang sudah terasa. Macam mana. Bagilah dia peluang untuk berucap nanti Ahli-ahli lain yang membantu Yang Berhormat. Baiklah, dipersilakan Sekinchan. Teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kalau nak jadi pembangkang kena sopan. Pagi tadi janji kena sopan. Dia janji hendak bina. Sekarang jadi lain. Cepat sangat tukar wajah. Lama tak makan tempe kot. Tuan Speaker dalam kes ini.

**Y.B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO** : Ini masalah undang-undang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker saya tak beri laluan.

**TUAN SPEAKER** : Saya nak jelaskan. Sekarang adalah peluang untuk membahas telah diberikan kepada Sekinchan. Biarlah Sekinchan bangkitkan apa yang hendak dibawa. Sekinchan juga ada hak. Sg. Panjang juga saya beri peluang. Tetapi Sg. Panjang tidak guna sepenuhnya. Jadi kenalah beri peluang kepada semua untuk berucap. Kalau tak puas hati kemudian boleh melalui ahli-ahli yang lain bawa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya sambung lagi ya. Perjanjian dalam syarikat SYABAS ini saya nampak kenaikan itu terlalu tinggi. Dalam 1 tahun 37%. Ini membebankan pengguna rakyat negeri Selangor ini. Nasib baik kita punya seorang Menteri Besar yang amat prihatin terhadap masalah rakyat mengisyiharkan memberi air percuma sebanyak 20 meter padu *start* 1 Jun bulan depan. Ini nasib baik. Kalau tidak dengan kenaikan tahun depan ini saya tak tahu lah apa kesannya.

Kedua, saya difahamkan juga di dalam perjanjian kontrak ini sekiranya ia melibatkan 3 pihak, kerajaan negeri Selangor, Syarikat SYABAS dan terlibat juga dengan kerajaan pusat, tetapi apabila sekiranya Kerajaan Negeri Selangor tidak mengizinkan tarikh air ini dinaikkan yang ini hanya sebagai pampasan ganti rugi tidak lain, tidak dinyatakan kerajaan negeri Selangor. Kerajaan pusat seolah-olah tidak kerja langsung. Tidak perlu. Jadi dalam perjanjian seperti ini saya mintalah Yang Amat Berhormat Dato' kenalah semak semula tunjuk apa yang tak kena kalau boleh batalkan tak apalah sekiranya kepentingan rakyat negeri Selangor yang terbanyak.

Tuan Speaker setelah meneliti prestasi dan rizab Pihak Berkusa Tempatan PBT-PBT di negeri Selangor ini keadaan kewangan ini ada yang kukuh dan masih banyak lagi yang kurang stabil dan rizabnya berkurangan sejak kebelakangan ini dan saya difahamkan terdapat satu perjanjian penswastaan yang dibuat oleh kerajaan yang lepas iaitu mengutip kadar *parking*. *Charge parking*. Meletak kereta oleh 6 PBT untuk 1 Syarikat. Syarikat yang dinamakan laitu Suasa Effective Sdn. Bhd. Saya nampak dalam konteks ini, mengutip bayaran *parking* ini bukan perkara susah sangat. Saya rasa PBT boleh buat sendiri.

Ada penguatkuasa yang ramai. Boleh diasuh, diberi bimbingan, kursus tetapi kita serahkan kepada Syarikat Swasta dan kita tidak tahu lah pembahagian untung macam mana. Kalau RM1.00, RM0.30 untuk Kerajaan RM0.70 untuk Pihak Swasta saya rasa ini akan membankrapkan Kerajaan dan PBT. Saya juga minta dalam konteks ini perjanjian ini dirujuk dan disemak. Sama ada berlaku sebarang kepincangan, salah guna kuasa. Kalau ada dakwalah mereka yang tidak amanah ini ke muka pengadilan.

Tuan Speaker, satu lagi perkara saya kira cukup penting. Ini ada kaitan yang ingin saya bongkarkan. Ada kaitan dengan jawapan daripada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Menteri Besar pagi tadi mengenai tanah-tanah di negeri Selangor. Dalam konteks apa yang saya hendak bongkarkan ada 2 kes permohonan di PTD Sabak Bernam. Di mana salah satu kes 1 tanah seluas 2.5 ekar telah dimohon oleh UMNO Bahagian Sg. Besar dan diluluskan pada tahun 2004 oleh Mesyuarat EXCO. Apa yang anehnya kadar premium yang dibayar untuk 2 ½ ekar ini Tuan Speaker, adalah RM1000 kadar premium Norminal, saya cukup geleng kepala dalam kes ini. Itu satu.

Yang kedua satu lagi kelulusan permohonan tanah daripada UMNO Bahagian Sg. Besar juga iaitu diluluskan sekitar awal tahun 2008. Kali ini tidak besar sambung dengan 2.5 ekar itu iaitu 1 ekar. tetapi juga dengan kadar premium yang murah iaitu RM1.00. Kedua tanah ini adalah terletak betul-betul Pekan Sg. Besar. Di mana lokasi sekarang ini adalah di *Bus Stand* dan Pasar Awam di Pekan Sg. Besar. Ini kawasan yang cukup strategik dan saya dimaklumkan oleh Pihak Penilaian bahawa di situ harga pasaran 1 kaki persegi mencecah RM25 ke atas. Kalau saya kira tolak kira tolak 2 keping tanah ini harga nilai pasaran sekurang-kurangnya RM4 juta tetapi kita serahkan kepada UMNO Bahagian Sg. Besar dengan RM1,000 kadar dominan dan RM1.00 untuk satu kaki persegi.

Dan dalam kes sini saya nampak ini ada sesuatu yang tidak kena. Kenapa Parti Politik seperti UMNO boleh dibenarkan memperoleh tanah. Itu satu. Yang kedua kenapa diberi layanan keistimewaan yang sebeginu rupa ada imuniti dalam kes ini dan saya juga difahamkan UMNO Bahagian Sungai Besar tahun 2004 hingga sekarang dulu kini buat sementara waktu hingga sekarang. Ketua Bahagian dia tidak lain tidak bukan Yang Amat Berhormat Sungai Panjang. Dan saya takut kot dalam kelulusan ini sama

adalah saya tak tahu adakah berlakunya *conflict of interest* ini. Hah... ini penting dan rakyat biasa saya nampak yang nak memohon tanah walaupun satu inci, oooh bukan senang. Tetapi UMNO Bahagian Sungai Besar kebal boleh dapat itu. Saya minta jasa baik ketua parti kemungkinan Yang Berhormat Tan Seri Dato' boleh buat siasatan dalam kes ini. Kalau berlaku salah guna kuasa kita batalkan permohonan ini, kelulusan ini.

Tuan Speaker, saya nak bangkitkan lagi satu perkara yang berlaku di Kawasan Hutan Simpan Raja Musa, kawasan pencerobohan Hutan Simpan Raja Musa. Tempoh hari saya bersama Yang Berhormat Kota Anggerik, EXCO kerajaan negeri Selangor EXCO Pertanian kita sama-sama meninjau sebab mendapat aduan daripada orang ramai, mendapat aduan daripada pembeli yang tertipu kerana ada satu kelompok, satu sindiket pencerobohan tanah di Hutan Simpan Raja Musa. Salah satu tempat yang strategik ialah di Kompartmen 100 berdekatan dengan ladang Hopefull dalam Mukim Batang Berjuntai. Saya nampak di sana pokok kelapa sawit sudah ditanam lebih tiga tahun dan kawasan seluas lebih daripada seribu dekat dua ribu hektar sudah diterokai. Itu satu dan setiap itu pula dibahagikan kepada dua ekar. Komplot ketua sindiket menerima meminta bayaran daripada pembeli dengan harga setiap dua ekar RM8,000 setengah, tanpa sebarang dokumen hitam putih, ilek tak ada. Tetapi ramai orang sanggup membeli kerana ketua komplot itu yang bernama Harun bin Maimun mendakwa beliau mempunyai hubungan, mempunyai saluran dengan kerajaan negeri pada waktu itu dengan UMNO dan sebagainya. Itu yang diberitahu dan saya difahamkan juga oleh bekas ADUN Permatang dua hari yang lalu, itu kawan baik saya walaupun dia dianiaya oleh bekas MB tidak diturunkan untuk bertanding kali ini tapi dia kawan baik saya dulu memang dalam dewan ini kita selalu bergaduh, tetapi kawan tetap kawan, lawan tetap lawan.

Tuan Speaker, saya diberitahu memang kerja-kerja pencerobohan ini melibatkan pemimpin besar pada ketika itu. Dan satu lagi kawasan di belakang Sawah Sempadan juga dalam Hutan Simpan Raja Musa di mana balak-balak pun dicuri di hutan tanah gambut. Yang pentingnya di kawasan itu berdekatan dengan Sawah Sempadan, kawasan penanaman padi berdekatan dengan Sekinchan. Saya khuatir sekiranya pencerobohan tersebut tidak ditangani dengan cepat ia kemungkinan akan mendatangkan kesan sampingan kepada penanaman padi di kawasan jelapang padi Selangor. Kemungkinan air sumber air akan terjejas. Jadi perkara ini cukup berat. Saya mintalah Jabatan Perhutanan dan Yang Amat Berhormat tolong ambil tindakan kerana Kerajaan yang lepas gagal mengambil tindakan.

Tuan Speaker, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan adalah kalau Sekinchan berdiri di Dewan yang mulia ini salah kalau tak sah kalau tak bangkitkan masalah petani. Itu tak sah, jadi petani ini kita dalam krisis bekalan makanan di dunia beras semakin berkurangan di pasaran dunia dan harga melonjak. Di pasaran ketika ini USD 1000 US Dolar setiap tan maknanya kalau tukar kepada lebih kurang RM3,200 setiap tan dan apa yang saya nak pertikaikan adalah harga yang dibeli oleh BERNAS, harga padi yang dibeli oleh BERNAS dari petani di Sekinchan di Sawah Sempadan, Tanjung Karang, Sungai Besar, Sabak Bernam harga tu kalau musim lepas paling tinggi 750 atau 780. Pada musim ini alhamdulillah sebab apa, sebab oleh kerana kemenangan Kerajaan Pakatan Rakyat maka berkat dari situ ramai pengilang sudah membeli harga lebih daripada 1000 setiap tan. Ini berkat daripada kemenangan kerajaan Pakatan Rakyat. Tetapi apa yang saya pertikaikan daripada dia satu ribu satu tan dengan pasaran dunia 3,200 setiap tan di tengah-tengah tu terdapat perbezaan sebanyak

2,200. 2,200 bukan angka yang sikit kenapa orang tengah seperti BERNAS ini mengaut keuntungan berbillion-bilion tetapi petani yang rajin bekerja, rajin bercucuk tanam hanya mendapat sebanyak seratus, seribu tan dan saya fakir wajarlah harga dinaikkan hingga 1,500. Orang tengah nak mengaut keuntungan saya tidak membantah. Tetapi janganlah mengaut keuntungan bagaikan durian runtuh. Ini tidak boleh, dan petani dibiarkan ditindas dengan begitu rupa.

Saya tahu dalam kes ini dalam bidang kuasa kerajaan pusat. Kerajaan pusat masih dalam Barisan Nasional, tak tahulah macam mana tsunami lagi ya. Ha... Yang Berhormat daripada Bukit Antarabangsa tetapi ada tsunami, susulan itu saya tak tahu. Ha... gempa bumi dan sebagainya. Jadi daripada di terus kenapa saya nak tanya kepada kerajaan pusat dan saya minta kerajaan negeri panjangkan perkara ini kepada kerajaan pusat kenapa BERNAS dilindungi oleh kerajaan pusat. Kenapa BERNAS sekarang, Tuan Speaker kita sedia maklum BERNAS hanyalah buat masa ini hanya satu wakil tunggal agen tunggal pengimport beras daripada luar negeri. Itu BERNAS lain orang tak boleh masuk, syarikat lain tak boleh. Ia macam kontrak Lebuhraya Utara Selatan- hanya satu sahaja.

Itu dia dasar penswastaan yang merugikan petani dan saya minta dalam bab ini, dalam kes ini BERNAS tidak perlu dilindungi lagi, patut kontrak disemak tetapi malang tidak berbau pada tahun yang lepas Kementerian Pertanian asas tani telah melanjutkan tempoh kontrak yang sepatutnya tamat pada 2011. Senyap-senyap sebelum pilihan raya sambung lagi 5 tahun, 5 tahun jadi 2016. Memastikan ia tidak rugi, mana boleh kita biarkan hak petani tertindas, tetapi kita kaya rayakan BERNAS. Jadi saya dimaklumkan juga terdapat banyak pengilang daripada Alor Setar, Kedah yang sanggup datang ke Sekinchan, ke Tanjung Karang membeli beras padi dengan harga yang tinggi daripada BERNAS tetapi sering kali berlakunya sekatan-sekatan, sekatan-sekatan tidak boleh keluar daripada negeri Selangor. Macam kita ceramah kena minta permit Tuan Speaker. Kalau tak ada permit ada Polis datang. Tak apa kali ini pembangkang kena minta permit juga. Ah ini yang penting.

Jadi saya minta dalam dunia global ini dunia dagangan bebas. Kita minta sekatan ini dibatalkan, dibatalkan untuk dagangan bebas, siapa sanggup beli dengan harga yang tinggi kita jual kepada dia, petani akan mendapat keuntungan. Adalah tidak adil kita memaksa petani bercucuk tanam padi. Dalam surat geran tanah itu hanya boleh tanam padi sahaja. Kita minta, kita paksa petani berkorban untuk bangsa dan negara. Tetapi hak mereka tidak dibela, itu tidak adil. Itu satu.

Yang kedua kerajaan sekarang membuat kawalan terhadap beras super tempatan di mana beras hancurnya di bawah daripada 10% sekitar RM2.80. Itu subsidi untuk semua rakyat Malaysia mengurangkan bebanan akibat kenaikan harga beras. Itu saya boleh terima. Tetapi bagaimana dengan nasib petani. Jadi saya minta Kementerian Pertanian, kita panjangkan perkara ini agar naikkan subsidi padi daripada RM248.10 setiap tan kepada 500 ringgit setiap tan. Ha.... macam itulah baru nasib petani dapat terbela. Sekiranya tidak, saya rasa tak lagi mungkin ramai petani di Tanjung Karang, Sabak Bernam, Sekinchan akan tukar syarat atau berpaktat semua tanam kelapa sawit tak mahu tanam lagi padi. Sebab apa? tidak menguntungkan, hidup merempat demi untuk bangsa dan negara, macam mana. Ha.. itu perkara perlu kita atasi. Lebih-lebih lagi bagi Kerajaan Pusatlah. Tuan Speaker,

**TUAN SPEAKER :** Panjang lagi ke Sekinchan...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ha.. ada sedikit lagi. Saya akan cuba pendekkan sebab dah lama tak bercakap dalam dewan ini sejak bulan sebelas yang lepas. Ha.. itu bernesib sebab pertolongan daripada Tuhan dan usaha daripada saya dan sokongan daripada rakyat barulah saya boleh berdiri di sini. Saya tidak pernah lupa daratan. Ha.. ini yang penting. Setengah orang dia lupa daratan. Nak sifarkan pembangkang. Ha....sebab Tuhan Maha Kuasa yang di sifar silap sifar ha itu dialah.

Tuan Speaker, saya nak ungkit sedikit tentang masalah pendatang, permit nelayan bot 'B' ini yang tidak dibenarkan untuk mengupah warga asing, pekerja asing di dalam 5 batu nautika, khususnya di persisiran pantai di negeri Selangor ini. Dasar ini adalah dasar pusat, saya sedia maklum dan perkara ini saya rasa memberi kesulitan yang banyak kepada petani eh... kepada nelayan sebab saya sudah dibuang dan saya sudah meneliti setiap Bagan, di Bagan Nakhoda Omar, Bagan Sekinchan, Bagan Tengkorak, Bagan Sungai Yu berbagai-bagai Bagan, di mana orang-orang muda, anak-anak muda macam kita ini *mok ulak geleng* dengan izin tak berminat, tak berminat menjadi nelayan sebab tidak menguntungkan dan pekerja-pekerja tempatan juga agak sukar dicari untuk pergi ke laut. Jadi oleh kerana adanya sekatan ini, bot-bot permit 'B' ini pukat tunda sering kali menghadapi masalah ditangkap oleh pihak marin dan dikenakan saman yang tinggi. Saman pertama kali bayar saman excuse, saman kedua kali botnya akan digantung. Lesen kena digantung 5 tahun. Saman kedua kali gantung 7 tahun dan 10 tahun. Jadi mereka nak cari nafkah hidup pun tidak bisa. Oleh yang demikian saya nak mintak kalau boleh panjangkan perkara ini kepada Kerajaan Pusat agar sedikit kelonggaran diberi kepada nelayan, kalau boleh satu orang pun jadilah, pekerja , warga asing dibenarkan untuk dijadikan nelayan. Kita tidak boleh menghalang mereka dengan sekatan yang terlalu banyak kerana kita banyak mengupah pembantu rumah, sektor pembuatan pun banyak menggunakan tenaga pekerja asing tetapi nelayan, tak banyak jadilah satu paling kurang kita kena bagi. Jadi perkara ini kita perlu pandang serius dan sering kali kalau kita tidak benarkan akan dijadikan satu alasan oleh pasukan Polis Marin jauh untuk mengambil sogokan-sogokan, 'fulus-fulus' dengan izin daripada nelayan, diugut akhirnya duit itu saman semua tidak sampai kepada kerajaan sebab duit saman itu semua sampai ke poket mereka. Jadi saya mengakhiri menjunjung kasih pada kali ini, sekian terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B ABU BAKAR :** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER :** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE B ABU BAKAR:** Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Bangi berdiri untuk menyokong usul dan menjunjung kasih di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas titah dalam Mesyuarat Kedua Pembukaan Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua belas daripada 21-26 Mei 2008. Dari titah Tuanku saya mengambil kesimpulan bahawa titah baginda dapat dirumuskan ke dalam suatu kesimpulan yang menarik iaitu melibatkan lima tunggak utama iaitu ilmu, yang kedua '*manufacturing*' yakni keluaran industri, yang ketiga pertanian secara komersial, yang keempat agama atau akhlak dan yang kelima iaitu kebajikan, yang semua istilah ini kalau kita himpunkan menjadi impak ertiinya memberi kesan yang baik daripada titah Tuanku yang kita dapat menjadi panduan di dalam usaha memajukan negeri Selangor ini. Tapi Bangi tidak akan bercakap semua aspek ini kerana sudah banyak ahli-ahli dewan ini telah bercakap berhubung dengan terutama empat perkara utama. Bangi hanya akan bercakap berhubung dengan aspek keilmuan. Secara

Kebetulan aspek keilmuan ini dalam hubungan dengan DUN Bangi memang dalam pilihan raya kita dan kempen pilihan raya kita dulu memang kita mewar-warkan bahawa antara janji kita di DUN Bangi ialah untuk menjadikan Bangi sebagai Bandar Ilmu. Jadi kebetulan pula pada peringkat negeri menjadikan Selangor sebagai hak ilmu sebab itu kita berharap Bangi sebagai model hak ilmu dijadikan untuk negeri Selangor dalam usaha kita membina modal insan atau bina insan. Tuanku sendiri tidak baginda telah menyebut tentang aspek pendidikan di negeri Selangor ini dan mengharapkan pendidikan ini akan membentuk masyarakat Selangor sebagai masyarakat yang berilmu pengetahuan dan juga akan menjadikan masyarakat Selangor masyarakat yang baik dari segi nilai akhlak dan sebagainya. Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian, Tuan Speaker saya nak kembalikan kepada konsep Bangi sebagai Bandar Ilmu. Konsep Bangi sebagai Bandar Ilmu sebenarnya berdasarkan kepada realiti bahawa bandar ini adalah dikelilingi oleh berpuluh buah universiti iaitu pengajian tinggi seperti UKM, UNITEN, UPM, Universiti Multimedia, Universiti Kuala Lumpur yang juga terletak sebahagiannya di Bangi, Universiti Kerjasama Malaysia Jerman, Universiti Kerjasama Malaysia Perancis, Universiti Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Lim Kok Wing, Kolej Universiti Islam, Kolej Universiti Nilai, Institut atau Maktab Perguruan Islam dan berpuluh-puluh pusat-pusat penyelidikan seperti Pusat Penyelidikan Petronas iaitu PERMATA, Pusat Latihan Bank-Bank, Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit iaitu PORIM, Pusat Penyelidikan Pos, Pusat Penyelidikan ATOM, Pusat Penyelidikan Sukan, Pusat Penyelidikan Tanah, Pusat Latihan Percukaian Negara, Kolej Darul Hikmah dan lain-lainnya. Ianya semua ini adalah merupakan sumber ilmu dan boleh menaikkan imej Selangor sebagai hak ilmu yang mana Bangi adalah menjadi model bagi Bandar Ilmu. Dari segi sejarahnya, Bandar Baru Bangi terutamanya diwujudkan sebenarnya bagi memenuhi keperluan UKM terutamanya bagi menyediakan kediaman bagi tenaga-tenaga pengajar dan kakitangan-kakitangan UKM itu sendiri. Lebih dari itu Tun Razak semasa itu yang menjadi Perdana Menteri Kedua Malaysia dan juga menjadi Canselor Pertama UKM pernah melahirkan hasratnya mahukan Bangi menjadi pusat pentadbiran bagi Hulu Langat. Sebagai buktinya Pejabat Daerah Hulu Langat didirikan di Bandar Baru Bangi dan sebenarnya hasrat supaya didirikan banyak lagi jabatan-jabatan di Bandar Baru Bangi agak tersekat sedikit kerana selepas itu ianya ada beberapa institusi sahaja seperti TNB, Kompleks Hentian bas yang juga meletakkan beberapa pejabat kerajaan seperti Pejabat Pendaftaran Negara, Pejabat Kebajikan Masyarakat dan sebagainya di Bandar Baru Bangi. Walaupun Bangi dikelilingi berbagai-bagai pengajian tinggi, berpuluh-puluh yang saya katakan tadi pusat-pusat latihan, pejabat-pejabat tetapi promosi bagi meningkatkan Bandar ini sebagai Bandar Ilmu kurang diberi perhatian bahkan bandar ini boleh dianggap sebagai Bandar 'Cowboy' walaupun berada di tengah institusi-institusi pengajian tinggi, berpuluh-puluh dikelilinginya. Bahkan tenaga-tenaga ilmuan yang ramai yang kita 'survey' terdapat lebih daripada 500 orang profesor berada di Bandar Baru Bangi yang bekerja di semua universiti-universiti dikelilingi Bandar Baru Bangi tetapi mereka ini kurang dimanfaatkan bahkan kita melihat infrastruktur sebagai Bandar ilmu kurang diberi perhatian. Potensi bandar ini untuk menarik kunjungan ilmuan dan pelancong ilmu tidak diberi perhatian. Bahkan kesedaran kepada pentingnya mempromosikan Bangi sebagai Bandar Ilmu sebenarnya ditimbulkan oleh penduduk di Bandar Baru Bangi itu apabila mereka telah mengadakan sambutan 30 tahun Bandar Baru Bangi iaitu daripada tahun 1977 hingga 2007 yang kita sambut daripada 30 Julai sehingga 1 September tahun 2007. Dan sebab-sebab selepas mengadakan sambutan ini penduduk Bandar Baru Bangi khususnya Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi telah berusaha menumpukan ke arah memprojekkan Bangi sebagai Bandar Ilmu. Setakat ini dua buah wacana ilmiah telah dijalankan berhubung dengan ekonomi dalam bulan dua dulu dan bakal diadakan dalam masa

terdekat wacana yang berhubung dengan pendidikan. DUN Bangi ini mengambil inisiatif bagi memprojek dan memajukan Bangi sebagai Bandar Ilmu di samping Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi. Bahkan ianya menjadi salah satu manifesto yang saya sebutkan tadi bagi Bandar Baru, DUN Bangi dan mengharapkan pihak negeri terutama dari segi EXCO pengajian tinginya memberi dukungan terhadap hasrat kita untuk menjadikan Bangi sebagai Bandar Ilmu. (maaf saya ni kering tekak sikit). Tujuan kita tuan-tuan dan puan-puan ialah sebenarnya ingin membuat perancangan memastikan Bangi sebagai Bandar Ilmu menyediakan infrastruktur selayaknya bagi Bangi menjadi Bandar Ilmu mengadakan pelbagai kegiatan yang bersifat ilmiah, mengambil manfaat dari ilmuan tempatan dan luar, menyampaikan kuliah dan wacana ilmiah (boleh dapatkan air sikit) menggunakan pelbagai media bagi menyemarakkan Bangi sebagai Bandar Ilmu, menggunakan potensi dan mempromosikan Bangi sebagai Bandar Ilmu, menarik pengunjung membuat kunjungan ilmu ke Bangi, memberi insentif kepada pelajar-pelajar bagi meningkatkan pengajian tempatan, dan luar negara dan juga mengadakan kerjasama dengan mana-mana pihak bagi menyuburkan perkembangan keilmuan dan penyelidikan di Bangi dan menerbitkan hasil-hasil penulisan ilmiah contohnya buku, CD dan jurnal dan kita sebenarnya telah memulai mengadakan operasi seperti menyediakan takwim penggal dan tahunan Bangi sebagai Bandar Ilmu, mengadakan pelancaran rasmi Bandar Bangi sebagai Bandar Ilmu. Umpamanya kalau kita dapat adakan sempena 100 hari pemerintahan kerajaan Pakatan Rakyat adalah lebih baik.

Kita telah bermesyuarat untuk melancarkan secara rasmi Bandar Baru Bangi sebagai Bandar Ilmu dan kita akan mengadakan kerjasama dengan negeri bagi projek-projek berkenaan yang bersesuaian, menyediakan bahan multimedia bagi Bangi sebagai Bandar Ilmu bagi pelancaran dan mana-mana kegunaan yang bersesuaian yang kita terus akan gunakan. Mendirikan papan tanda, banting sepanduk dan poster mempromosikan Bangi sebagai Bandar Ilmu, mendirikan '*land mark*' umpamanya tiang yang benda ini ada Bandar Bangi sebagai Bandar Ilmu dengan juanya tepat waktu umpamanyaalah, contohnya. Bekerjasama dengan pengajian tempatan, NGO dan institut penyelidikan bagi kegiatan-kegiatan yang bersesuaian, mengadakan '*idul elmi*' hari raya ilmu dan memberi pengiktirafan terhadap ilmuan Bangi yang telah menghasilkan kajian-kajian ilmiah yang memberi sumbangan kepada bukan sahaja negeri Selangor tetapi juga kepada negara, menilai karya-karya ilmuan dan memberi anugerah pengiktirafan terhadap mereka khususnya bagi ilmuan-ilmuan yang ramai di Bangi yang saya katakan lebih daripada 500 orang *profesor*. Menilai karya-karya ilmuan dan mengadakan kegiatan-kegiatan seni yang bermanfaat dan bermutu dan kegiatan-kegiatan yang kita berhasrat mengadakan umpamanya mengadakan wacana dan seminar ilmiah yang kita akan aturkan dari masa ke semasa, sebenarnya kita sudah atur dan sudah berlangsung beberapa seminar yang bersifat ilmiah dengan kerjasama Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi. Mengadakan forum kolokium dan diskusi secara ilmiah yang kita memang tenaga-tenaga tidak kurang untuk memperkatakan apa saja persoalan yang berhubung dengan kepentingan negara dan keilmuan, menganjurkan kursus-kursus ilmu secara singkat dan padat yang kita boleh tawarkan kepada sesiapa sahaja untuk mengikutinya. Mengadakan halakah keilmuan melalui masjid dan surau, ini kita dapat kerjasama daripada persatuan-persatuan surau yang berada di Bandar Baru bagi yang melebihi daripada 30 buah surau termasuk juga masjid. Mengadakan bimbingan pertandingan keilmuan pada peringkat sekolah, contoh bahas, pidato dan mengarang yang sebenarnya kita sudah adakan dan juga mengadakan pameran buku dan komputer dan mengadakan pertandingan seni secara umpamanya seni khat, telegrafi orang-orang cina yang kita boleh sekalikan untuk

menarik minat bukan sahaja pelajar tetapi juga masyarakat setempat, mengadakan kelas-kelas keilmuan bagi pelbagai peringkat kerana kita tidak kurang daripada ilmuan bahkan sekarang kalau melalui surau-surau terutama seperti Surau An Nur memang setiap hari ada saja pengajian-pengajian yang dianjurkan di situ yang boleh diikuti oleh sesiapa sahaja secara percuma.

Tuan Speaker, kita sebenarnya dari segi hasrat kita untuk menjadikan Bandar Baru Bangi ini sebagai Bandar Ilmu ialah dengan tujuan mempromosikan bukan sahaja Bandar Baru Bangi tetapi juga negeri Selangor sendiri. Potensi ini perlu diambil oleh negeri Selangor dengan memperbaiki segala infrastruktur yang masih berkurangan di Bandar Baru Bangi seperti mengadakan umpamanya tempat-tempat kegiatan yang bersifat ilmiah seperti mewujudkan umpamanya kita berhasrat di Bandar Baru Bangi diwujudkan sebuah Sekolah Menengah Tahfiz Sains yang boleh mereka itu menyambung ke mana saja bidang keilmuan sama ada Universiti Islam ataupun universiti-universiti biasa sebagaimana yang ada di Kuala Kubu sekarang dan kita mengharap Insya-Allah kita akan memohon daripada kerajaan negeri untuk mewujudkan sebuah tahfiz sains yang tinggi mutunya. Tuan-Tuan dan puan-puan kita mengharapkan pihak umpamanya PKNS atau pihak Pejabat Daerah meluluskan bagi kita untuk mewujudkan sebuah bangunan persidangan pada peringkat nasional yang mana di situ kita akan adakan pelbagai-pelbagai kegiatan ilmiah.

Setakat ini tempat-tempat ini kita gunakan hanya secara *ad-hoc* dari satu tempat ke satu tempat kadang-kadang meminjam tempat-tempat seperti di UKM dengan menggunakan erti persatuan-persatuan nama persatuan sebab kita dari parti tidak dibenarkan, kita masuk ke Pengajian Tinggi yang sedemikian. Jadi selain daripada Pengajian pada peringkat tinggi yang memang jelas erti banyak di Bandar Baru Bangi kita mengharapkan juga pihak negeri memberi tumpuan kepada mempertingkatkan pengajian-pengajian pada peringkat rendah dan menengah. Walau pun sudah disebut umpamanya bahawa di Selangor ini mempunyai jumlah, maaf sekejap kita telah mempunyai jumlah iaitu 631 Sekolah Rendah, 232 Sekolah Menengah, kita ada INSPEK, ada KUIS, ada 12 pra sekolah, 197 Sekolah Rendah Agama, 10 Sekolah Rendah Agama Integrasi, 275 KAFA, dan 23 Sekolah Menengah tetapi yang telah diserahkan kepada kerajaan persekutuan. Walau macam mana sekolah-sekolah yang berada di negeri Selangor ini sebenarnya dari pemerhatian kita adalah amat rendah dari segi mutunya. Maksud kita umpamanya masalah yang berlaku di sekolah-sekolah misalnya KAFA dan sebagainya. Infrastruktur dari segi binaannya tidak sempurna, gurunya, bayaran gajinya rendah iaitu RM600 lebih, RM630 kalau tidak salah sebulan.

**TUAN SPEAKER :** Y. B. saya bagi dua minit lagi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :** Jadi erti semua ini perlu dipertingkatkan dari segi kualitinya supaya dia menjadi satu saluran yang bermutu daripada peringkat rendah, menengah, Kolej hingga Universiti. Bahkan kita berharap beberapa Pengajian Tinggi tempat kita ini seperti seumpamanya UNISEL sampai kepada telinga kitalah ada banyak masalah dari segi pelajarnya yang dari segi nilai akhlaknya dikatakan amat rendah, dari segi pengajarannya juga tidak begitu sempurna, peruntukan juga tidak cukup. Kita dengar juga ada pinjaman RM100 juta tetapi yang digunakan kepada UNISEL itu lima belas juga sahaja ke mana lapan puluh lima juta lagi. Dan begitu juga umpamanya kalau kita lihat di KUIS juga, kita melihat masalah kepimpinan dari segi KUIS itu sendiri tidak bermutu dan kurang dihormati oleh masyarakat oleh kerana ialah dari segi taraf akademik yang ada pada kepimpinan itu

sendiri termasuk ertinya rektor dan juga kedua-dua timbalan rektor itu sendiri dipersoalkan. Begitu juga dari segi kelulusan-kelulusan akademik yang lain. Sebab itu saya ingat potensi kita hendak menjadikan Selangor sebagai hub pendidikan atau keilmuan perlu diberi perhatian ke semua aspek dari peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat yang tertinggi yang kita dapat menarik masyarakat bukan sahaja di Selangor kalau di Sekolah Menengah umpamanya masyarakat ingin datang ke sini kerana mutunya perlu diingat, maaf Selangor sebenarnya memimpin dari segi keilmuan Universiti Malaya yang pertama di Selangor, Pengajian Tinggi Islam secara moden adalah di Selangor iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah. Jadi ini sudah berkembang ujudnya UIA, KUIS dan sebagainya sebab itu kita perlu mempromosikan bidang keilmuan ini baik dari segi agama dan juga dari segi Universiti-Universiti yang lain supaya benar-benar Selangor ini menjadi hub ilmu dan kami mahu menjadikan Bangi sebagai Bandar Ilmu. Sekian, terima kasih.,

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara

**Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM :** Terima Kasih Tuan Speaker saya ingin menyokong dan menyambung Usul menjunjung kasih dari Bangi. Terlebih dahulu mengucapkan terima kasih. Saya ingin menujukan *point* saya khususnya pada manifesto yang berkaitan dengan berkebajikan. Di sini juga disebut berkenaan gaji minimum seribu lima ratus dan berharap akan dilaksanakan kerana manifesto ini juga berkaitan dengan berkebajikan, berjiwa rakyat di mana segala tertumpu pada manusia dan kemanusiaan bukan kepada keuntungan. Ingin juga saya sebagai seorang sosialis memang minat kerana ini berkaitan dengan rakyat dan juga saya akan jelaskan lagi apa masalah yang dihadapi dan juga dengan sifat berkebajikan ini juga kita mempertikaikan acuan yang ada, acuan yang menindas dan mencari satu acuan yang lebih sesuai untuk masyarakat kita dan kita diberi peluang untuk melakukannya. Juga saya mohon agar rakyat negeri mempunyai ketegasan politik “*political will*” untuk mengubah keadaan mengimbangkan antara mengejar keuntungan dengan kebajikan rakyat kerana rakyat adalah pekerja kerana mereka yang bekerja adalah menampung keluarga-keluarga masing-masing. Maka itu juga kami menganggapkan bahawa golongan pekerja adalah tulang belakang kepada ekonomi negara.

Tuan Speaker, rakyat sudah lama menderita, ditindas di tempat kerja, diburu kawasan setinggan peneroka bandar, jurang antara kaya dan miskin makin melebar. Pengalaman saya dalam tiga puluh tahun ini berkaitan dengan peneroka bandar, kilang, perladangan, petani tidak memberangsangkan ya. Pengalaman saya yang lepas memang saya berharap kerajaan negeri sekarang dapat memikirkan cara-cara untuk membantu golongan yang susah, yang miskin dan juga saya merasakan bahawa ketegasan politik sahaja akan dapat mengubah keadaan kerana tekanan di peringkat atas lebih kuat kerana kita menganggapkan bahawa golongan pekerja ini adalah tulang belakang ekonomi negara kita dan harus kita pertikaikan penindasan yang kerap berlaku, yang berlaku di tempat kerja di mana pekerja mendapat gaji yang rendah, dibuang dengan sesuka hati. Di Mahkamah juga ada “*Industrial Relation Act*” dan juga *Companies Act*. Bila satu lemah melompat ke *Companiest Act* dan mengorbankan hak golongan pekerja. Dan akibat dari hubungan golongan antara majikan kapitalis dengan pekerja maka timbulah penindasan di mana satu menjadi kaya raya dan yang satu miskin dari segi pemikiran, dari segi mental, dan juga dari segi material. Dan sini juga kita dapat golongan pekerja sentiasa bermasalah di tempat kerja khususnya dari segi kesihatan, dari segi tempat kerja keselamatan dan juga dari segi masalah perumahan di mana apabila mereka tidak mampu mereka mencari tempat yang lain dan mereka

menegakkan rumah peneroka bandar dan mereka juga diburu dan pengalaman saya dari segi aspek ini adalah apabila golongan ini bermasalah kita dapat lihat kesekongkolan pihak atasan di antara orang politik, majikan kapitalis, mengerakkan Polis, mengerak Pejabat-Pejabat Tanah untuk menggertak golongan miskin. Dan maka itu juga mereka bermasalah dan kerap kali mereka ditahan termasuklah saya juga ISA dah banyak kali ditahan kerana kita merasakan ini adalah rakyat kita, kita punya asset kerana anak-anak mereka juga akan menjadi bakal pemimpin negara kita maka jangan kita biarkan mereka begitu memandang remeh temeh pada mereka. Kerana saya dan kami merasakan bahawa mereka adalah amat penting merekalah yang membangunkan negara. Dan maka itu juga kami lihat bahawa apabila sepatutnya Kerajaan Negeri mengambil kira masalah pekerja dan sering pada masa-masa yang lepas di mana kita dapat lihat bahawa kerajaan negeri memihak kepada yang kaya hingga golongan pekerja terpaksa membuat atau menubuhkan satu kesatuan dan apabila kesatuan ditubuhkan mereka dipandang serong oleh kerajaan negeri dan juga majikan. Dan ada juga hubungan di antara kesatuan majikan, persatuan pekerja dengan kerajaan, *tripartite* tetapi kita dapat lihat Kerajaan Negeri dengan kesatuan majikan bersekongkol menggertak UNION. Kerap kali juga UNION juga termasuk hingga tiga-tiga lawan golongan pekerja. Ini adalah satu masalah yang besar dan akibat dari penindasan ini, tekanan ini banyak perkara berlaku, apa yang kita panggil "*alienation*". Tekanan jiwa hingga mereka melakukan sesuatu dari segi fanatik, ada yang membunuh diri, ada pecah belah di dalam keluarga hingga kita fikir dia mempunyai masalah keluarga tetapi masalah tertekan di tempat kerja dan mereka tidak tahu cara untuk melepaskan geram mereka. Mereka melepaskan geram pada anak, suami, isteri dan kawan-kawan di sekitar. Maka itu juga kita dapat dua aspek, satu aspek sosial dan satu lagi aspek di penindasan di tempat kerja. Maka saya berharap, memohon kepada kerajaan negeri untuk memikirkan kedua-dua ini kerana kita inginkan berkebajikan, kita ambil kira semuanya agar mereka juga dapat membantu membangunkan negara dan keluarga mereka juga terbela. Dan satu lagi juga saya memohon kepada kerajaan negeri agar apa jua pembangunan yang ingin dilakukan ambillah kira pandangan rakyat agar kita bangunkan sesuatu, mereka juga bersama dan pilihan raya ini memberitahu kepada kita bahawa kuasa rakyat adalah luar biasa maka kerana itu kita mesti mengukuhkan lagi kuasa rakyat ini agar mereka dapat membantu menyertai dalam pembangunan negara. Dengan itu juga saya memanglah mengucapkan terima kasih dan berharap kerajaan negeri akan sentiasa mengambil kira dan selagi kerajaan negeri berkebajikan, berjiwa rakyat, kami akan bersama dan kalau tidak kami akan mempertikaikan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Paya jaras

**Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR :** Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker terima kasih kerana memberi kesempatan kepada Paya Jaras untuk membahaskan titah ucapan Tuanku. Bagi saya Y.B. ADUN Bukit Antarabangsa mengatakan bahawa kita boleh membahas kalau boleh sampai sebulan dan itu amat membanggakan kita beri peluang, beri laluan sepenuhnya kepada semua untuk memberi pandangan dan cadangan dan juga apa juga kepada bukan di dalam dewan ini supaya perbahasan yang kita buat kali ini akan menimbulkan suasana yang baik dan juga memberi manfaat maka dengan itulah saya merasa gembira kerana Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan berkenan untuk merasmikan Majlis Perasmian Mesyuarat Pembukaan Penggal Pertama itu DUN yang kedua belas ini. Ini menunjukkan Baginda Sultan amat prihatin dan tentulah mengambil berat bukan sahaja hal ehwal pembangunan, politik, ekonomi, *sosial* dan juga di samping itu Baginda adalah ketua agama dan istiadat Orang Melayu dan tentulah kita

amat memahami segala titah Baginda itu supaya kita manfaat dan juga kita memerhatikan apakah yang sebenarnya. Maka dengan itulah kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan selama lima puluh tahun. Kalau di negeri Selangor kita telah terbukti atau telah membuktikan bahawa dari segi ekonominya dalam masa sepuluh tahun kita lihat daripada 1987 hingga tahun 2007 bahawa boleh katakan pelaburan asing dalam negara dan luar negara dilihat telah mencapai satu tahap yang paling tinggi dan ini telah terjadi pada tahun 2007 maka tentulah pada 8 Mac 2008. Cuma Barisan Nasional kurang berasib baik kali ini maka kerajaan negeri Selangor telah diperintah oleh Pakatan Rakyat maka tentulah perancangan demi perancangan yang perlu dibuat oleh kerajaan yang baru dan melihat dan memantau, menilai segala prestasi yang telah dibuat selama ini lima puluh tahun oleh kerajaan Barisan Nasional. Tentulah terdapat seperti perbahasan yang kita lakukan tadi di mana ada kelebihan yang tidak diperkatakan tetapi banyak kekurangannya telah dipersoalkan maka dengan itulah apa yang perlu dibuat oleh kerajaan Pakatan Rakyat sekarang adalah untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya tahun 2008 ini segala pertamanya manifesto yang telah direncanakan yang telah dibuat tak silap saya pada 16 Februari di Glenmarie bersama dengan beberapa orang maka dengan itulah manifesto itu yang dilihat ketika ini oleh rakyat-rakyat semua. Dan kami juga selaku YB Selangor selaku DUN pembangkang akan sekurangnya bersuara nyatakan, meluahkan perasaan apa yang dinyatakan oleh rakyat ketika ini .Itu satu, keduanya tentulah satu kejayaan demi kejayaan itu dibuktikan dengan perbuatan maka belum ada apa-apa yang telah dilaksanakan atau pun mungkin yang akan dilaksanakan oleh kerajaan Pakatan Rakyat pada 1 hb Jun mengurangkan atau mengecualikan dua puluh ribu meter kiub dengan izin daripada bayaran air yang akan di buat di negeri Selangor. Begitu juga dari segi keputusan yang dibuat selama ini saya lihat Tuan Speaker banyak sekali bercanggah di satu sama lain dan saya harapkanlah keputusan-keputusan yang dibuat ini mencerminkan untuk kerajaan negeri Selangor ini.

Maka dengan itulah saya ingin menyentuh sedikit perihal mengenai perkara bab agama yang telah saya yakin Kerajaan Pakatan Rakyat bersama Parti Islam Se-Malaysia yang telah menerangkan sama ada dalam media-media yang tertentu bahawa kita tahu dalam masa yang terdekat ini tentulah terutamanya menurunkan penceramah-penceramah yang akan ditauliahkan di dalam Masjid sebelum, contohnya sebelum sembahyang Jumaat kita akan adakan tazkirah kemudian kita turut adakan ceramah-ceramah untuk sama ada masjid atau surau dan sebagainya. Cuma itu satu pendekatan yang baik tidak ada masalah tetapi penyalahan sedikit sebanyak saya ingin nyatakan di sini baru-baru ini di kawasan saya telah terjadi di mana Parti Islam atau PAS kita nak bermesyuarat di dalam Surau di mana telah dihalau oleh penduduk selama ini parti UMNO atau Barisan Nasional tidak pernah membuat mesyuarat Agong atau apa-apa di dalam Masjid atau Surau dan alhamdulillah dengan bantuan penduduk kepada Pihak JAIS atau pegawai Masjid atau Surau peringkat tersebut telah menyatakan kepada ADUN Gombak Setia. Terima kasih kerana telah dapat menghalang dan membatalkan perkara ini. Cuma yang saya ingin tekankan selama ini supaya perkara-perkara ini tidak berlaku kerana masyarakat semua atau masyarakat Umat Islam di kampung-kampung atau bandar-bandar. Cuma kita harapkan apa yang dititahkan oleh Tuanku masjid dan surau adalah tempat kita beribadat dan mengembangkan ilmu agama kita dan saya amat bersetuju perkara ini kerana kita jangan mempolitikkan. Selain daripada itu juga saya lihat apa yang terjadi adalah banyak komplot-komplot yang tertentu dengan izin dan juga perkara-perkara tertentu disalurkan sama ada di papan tanda di masjid dan surau atau di surau ataupun di masjid itu sendiri yang ini akan merumitkan keadaan dan saya harapkanlah selaku kerajaan yang memerintah amat prihatin dan keadaan tidak kucar kacir. Dan

lebih menganehkan lagi oleh kerana Baginda Sultan adalah Ketua Agama kita. Lazimnya selepas di dalam masa khutbah yang kedua, ada baca doa maka ada kala ketika ini tidak lagi, kita atau pun pembaca khutbah katib yang membaca khutbah itu membaca doa kesejahteraan kepada Tuanku dan keluarga. Maka dengan itulah saya ingin menyarankan perkara-perkara begini kerana saya lihat lebih kurang dua bulan empat belas hari ini Kerajaan Pakatan Rakyat telah memerintah dan saya yakin dan saya harap supaya pemerintahan yang dibuat itu akan mencerminkan sekurang-kurangnya dapat dibandingkan dengan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah lima puluh tahun sudah. Maka itulah saya ingin, ADUN Paya Jaras mengucapkan ribuan terima kasih dan saya haraplah segala yang telah dijanjikan dapat di tunai dan dimanfaati oleh semua kaum dan juga semua masyarakat di negeri Selangor ini. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tuanku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kampung Tuanku juga ingin mohon sembah untuk mengambil bahagian dalam menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan Selangor semalam. Apa yang berlaku pada 8 Mac 2008 merupakan satu manifestasi bersama oleh para pengundi pelbagai kaum, agama dan kebudayaan yang menginginkan satu perubahan terhadap cara pentadbiran kerajaan negeri yang lalu di bawah BN.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pengundi di kawasan DUN Kampung Tunku kerana telah memberi mandat dan kepercayaan yang kuat kepada DAP dalam pilihan raya umum ke-12 yang lalu di mana bukan sahaja DAP menang di DUN Kampung Tunku tetapi DAP turut menggondol DUN Damansara Utama dan Parlimen Petaling Jaya Utara yang dalam tempoh sepuluh tahun yang lepas dipegang oleh calon Barisan Nasional (BN)

Sudah pasti dengan kemenangan besar yang dicapai oleh DAP dan parti-parti lain dalam Pakatan Rakyat (PR), suara rakyat Kampung Tunku akan dapat berkumandang dengan lebih kuat di Dewan Yang Mulia ini untuk tempoh lima tahun yang akan datang berbanding dengan tahun-tahun yang lalu di mana jarang dapat Dewan Yang Mulia ini mendengar suara daripada Kampung Tunku semasa DUN ini dimenangi oleh BN.

Kawasan DUN Kampung Tunku mempunyai kira-kira sepuluh peratus pengundi berketurunan India iaitu lebih kurang 3000 orang pengundi India. Dengan berbekalkan semangat "*Makkal Sakhti*", mereka telah memberi sokongan penuh kepada DAP, PAS dan KeADILan untuk menolak politik perkauman UMNO yang bersifat hegemoni ini.

Dengan lafaz "*Makkal Sakhti*" yang sama, saya juga menyeru Kerajaan Pusat untuk melepaskan ADUN DAP untuk kawasan Kota Alam Shah yang sekarang ini masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pada pilihan raya umum ke-12 yang baru-baru berlangsung, YB Kota Alam Shah telah menang dengan majoriti sebanyak 7,184 undi biarpun beliau masih ditahan di Kamunting di bawah ISA dan tidak dapat berkempen dan bertemu pengundi. Ini merupakan satu mandat dan endorsmen yang amat besar daripada rakyat.

Tuan Speaker, apa yang berlaku pada 8 Mac 2008 merupakan satu manifestasi bersama oleh para pengundi daripada pelbagai kaum, agama dan kebudayaan yang menginginkan satu perubahan terhadap cara pentadbiran kerajaan negeri yang lalu di bawah BN.

Manifestasi ini merupakan sesuatu yang amat bermakna untuk kemajuan politik tanah air, khususnya di negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa para pengundi sudah bersedia untuk menukar kerajaan, jikalau kerajaan itu sudah tidak dapat mengangkat martabat rakyat dan mendengar naluri hati rakyat jelata.

Ini juga sekali gus memecahkan mitos atau anggapan selama ini bahawa hanya BN sahaja yang dapat mentadbir negara dan negeri ini dengan baik. Keputusan pilihan raya pada 8 Mac 2008 pula membuktikan yang sebaliknya, bahawa tiada apa-apa di dunia ini yang mustahil bagi kita.

Tuan Speaker, Kampung Tunku berasa amat kecewa dengan sikap beberapa pemimpin UMNO di negeri Selangor yang cuba membangkitkan isu-isu perkauman untuk kepentingan politik mereka.

Contohnya dalam isu penternakan babi di Tumbuk, cadangan telah dikemukakan oleh kerajaan negeri yang lalu untuk memusatkan penternakan babi di Selangor untuk menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar yang berbangkit daripada cara penternakan yang lama.

Apabila kerajaan baru mengambil alih dan menetap untuk meluluskan projek ini atas merit bahawa projek ini mendatangkan manfaat kepada pelbagai pihak, pemimpin-pemimpin UMNO pula mencuri kesempatan untuk menjadikan isu ini sebagai satu isu politik. Apa yang lebih mengecewakan lagi ialah isu ini telah diapi-apikan untuk dijadikan satu isu perkauman.

Kalau kita melihat semasa isu yang sama berlaku di Paya Mengkuang, Melaka, alasan yang digunakan ialah bahawa ladang-ladang penternakan babi ini mencemari alam sekitar, maka sepatutnya kerajaan negeri Selangor mempunyai alasan yang lebih kukuh untuk melaksanakan projek ini agar alam sekitar kita tidak terus dicemari.

Mengapakah pula pemimpin-pemimpin UMNO yang sebelum ini sanggup membelanjakan wang berpuluh-puluh ribu ringgit, malahan beratus-ratus ribu ringgit untuk membuat tinjauan di luar negara untuk projek ini dan sanggup meluluskan projek ini, sekarang tiba-tiba pula berpaling tадah mengubah pendirian mereka?

Biarpun isu ini telah diperbesarkan oleh UMNO, tetapi ianya nyata tidak ada “pasaran”. Sesetengah pemimpin UMNO masih ingat Selangor sekarang masih merupakan zaman Selangor di bawah Dato’ Harun. Mereka tidak sedar bahawa zaman sudah berubah dan minda pengundi sudah pasti akan berganjak ke hadapan mengikut arus perubahan era.

Tuan Speaker, selepas isu penternakan babi ini, tiba-tiba rakyat Selangor terkejut dengan satu skandal yang dilaporkan dalam suratkhabar Bahasa Inggeris The Sun bertarikh 26 April 2008 yang bertajuk “**RM10 million gone in three days**”.

Laporan akhbar itu berbunyi seperti berikut:

***“Datin Seri Zaharah Kechik, the wife of the former Selangor Menteri Besar, had on March 11 convened an extraordinary general meeting of the committee to dissolve BALKIS and close its bank accounts. The following day, the accounts were closed, with the money transferred to another account and then to BAKTI – the federal Organisation of Wives of Ministers which BALKIS is affiliated to”.***

Saya berasa ganjil dan aneh apabila skandal yang melibatkan pemindahan dana sebanyak RM9.9 juta kepunyaan BALKIS yang dipindahkan kepada Bakti (persatuan yang sama di peringkat persekutuan) dibongkarkan.

Pemusykilan pertama ialah, mengapakah Pengurus BALKIS, Datin Seri Zaharah Kechik sendiri tidak memperjelaskan perkara ini terlebih dahulu apabila perkara ini dilaporkan sebagai berita muka pertama oleh akhbar harian Bahasa Inggeris, The Sun?

Yang kedua, bagaimana pembubaran BALKIS sah di sisi undang-undang apabila Mesyuarat Agung Tergempar yang diadakan pada 11 Mac seharusnya membincangkan pemindahan kuasa dan aset BALKIS kepada barisan EXCO yang baru dan bukan pembubarannya?

Jika pun ianya sah dari segi undang-undang, mengapakah ROS pula mengatakan bahawa pembubaran BALKIS tidak boleh diteruskan dan ROS memerlukan 30 hari untuk mendapat lebih banyak maklumat? Kalau ianya betul-betul mengikut undang-undang, maka sepatutnya pembubarannya dapat diluluskan tanpa sebarang halangan daripada ROS.

Ketiga, ianya merupakan satu kes penyalahgunaan kuasa apabila EXCO BALKIS melanggar peraturan dengan memindahkan dana sebanyak RM9.9 juta kepada Bakti apabila mengikut perlumbagaan BALKIS, dana ini sepatutnya disalurkan kepada Kerajaan atau tabung yang didirikan oleh Kerajaan dengan kelulusan daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), lebih-lebih lagi sebahagian dana ini iaitu wang sejumlah RM850,000 merupakan wang yang di derma kerajaan negeri Selangor seperti yang dilaporkan dalam laporan akhbar yang sama, iaitu sebanyak RM268,862 daripada Kumpulan Darul Ehsan, RM590,379.50 daripada PKNS.

Tuan Speaker, Kampung Tunku berasa terkilan dengan pelbagai cara sabotaj yang dikenakan terhadap kerajaan negeri Selangor yang baru.

Satu lagi cara sabotaj ialah keengganan Kementerian Penerangan untuk memberi ruangan kepada kerajaan negeri Selangor menerangkan dasar-dasarnya melalui Radio Selangor FM.

Biarpun Radio Selangor FM terletak di bawah Jabatan Penerangan dan menjalankan penyiarannya dari Tingkat 4 Bangunan SUK kerajaan negeri Selangor, Shah Alam, tetapi Radio Selangor FM masih tidak dapat lari daripada objektif-objektifnya yang mana objektifnya yang pertama adalah untuk “menerangkan secara mendalam dan dengan liputan seluas-luasnya dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dan sepenuhnya dasar dan rancangan tersebut.”

Kampung Tunku bersetuju dengan kenyataan Menteri Penerangan bahawa isu ini bukan sejam atau dua jam masa siaran. Biarpun begitu, masalahnya ialah, jikalau Radio Selangor FM masih ingin menjalankan siarannya atas nama "Selangor", maka seharusnya radio ini memberi ruangan kepada kerajaan negeri Selangor untuk menjelaskan dasar-dasarnya melalui siaran radio.

Ulasan Menteri Penerangan bahawa Y.A.B Menteri Besar Selangor sebagai kemaruk kuasa adalah tidak wajar.

Sebagai sebuah kerajaan pilihan rakyat yang bermartabat, kerajaan negeri Selangor mempunyai haknya untuk memperjelaskan dasar-dasarnya kepada rakyat jelata melainkan Kementerian Penerangan enggan mengiktiraf kerajaan negeri Selangor pimpinan Pakatan Rakyat sebagai kerajaan negeri Selangor yang sah. Jika ini adalah pendirian Kementerian Penerangan, maka adalah lebih baik nama Radio Selangor FM ditukar ke "Bukan Radio Selangor FM".

Di sini saya menyeru Kementerian Penerangan, dan kerajaan pusat serta pemimpin-pemimpin BN yang lain agar tidak bermain politik lagi, dan sebaliknya menumpukan perhatian terhadap bagaimana kita dapat bersama-sama berkhidmat kepada rakyat.

Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin menyentuh tentang tadbir urus baik pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pilihan raya kerajaan tempatan.

Kampung Tunku berpendapat bahawa adalah amat penting untuk kerajaan negeri untuk mengumpul segala idea dan pandangan demi memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan di Selangor selepas lebih 40 tahun pilihan raya ini dimansuhkan oleh kerajaan Perikatan pada tahun 1965.

Salah satu sebab mengapa kerajaan negeri sebelum ini tumbang ialah tadbir urus PBT yang lemah. Jika sebelum ini, kita melihat bahawa setiap ADUN parti pemerintah akan menganggotai PBT di tempat masing-masing, dan ini menyebabkan mereka terlalu bermaharajalela di dalam PBT sehingga dapat mempengaruhi keputusan PBT, khususnya dalam pemberian lesen, permit, tender dan sebagainya.

Salah satu contoh yang paling baik ialah bekas ADUN Pelabuhan Klang yang terpaksa mengosongkan kerusinya dalam Majlis Perbandaran Klang (MPK) apabila beliau didapati menyalahgunakan kuasa dengan melanggar pelbagai peraturan MPK.

Kampung Tunku berasa syukur apabila kerajaan negeri yang baru bertekad untuk mempertingkatkan prestasi PBT dengan membuka jawatan ahli-ahli majlis kepada orang ramai dan Badan-badan Bukan Kerajaan. Sementara itu, ADUN juga tidak akan dilantik menjadi ahli-ahli majlis PBT.

Sungguhpun begitu, Kampung Tunku berpendapat bahawa kita masih perlu menumpukan segala usaha untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan dalam masa tersingkat yang mungkin.

Tuan Speaker, seperti yang diterangkan oleh DYMM Tuanku Sultan Selangor dalam titah ucapan baginda semalam, PBT merupakan perantara kerajaan negeri dengan rakyat dalam melaksanakan pelbagai program yang dirangka.

Oleh itu, Kampung Tunku memandang serius terhadap beberapa agensi kerajaan pusat yang selalunya gagal dalam menjalankan tugasnya dalam pembersihan sampah-sarap, longkang, sistem pembetungan dan lampu jalan.

Perkhidmatan-perkhidmatan ini yang sebelum ini diletakkan di bawah PBT telah diswastakan semasa zaman pemerintahan BN. Pembersihan sampah-sarap diswastakan kepada Alam Flora, sistem pembetungan diswastakan kepada Indah Water Konsortium (IWK) dan Tenaga Nasional pula yang bertanggungjawab terhadap sebahagian besar lampu jalan di Malaysia.

Kegagalan syarikat-syarikat swasta yang terletak di bawah Perbendaharaan Kerajaan Pusat akan menjelaskan kualiti hidup rakyat setempat dan saya berharap kerajaan negeri dan PBT masing-masing boleh menilai kembali perjanjian-perjanjian di antara PBT dengan syarikat-syarikat ini, khususnya apabila syarikat-syarikat ini selalunya gagal menjalankan tugasnya dengan berkesan dan PBT itu tidak mempunyai apa-apa bayaran tunggakan dengan mereka.

Tuan Speaker, kerajaan negeri yang lalu pernah begitu beria-ia untuk menghapuskan semua kawasan setinggan di negeri Selangor. Biarpun begitu, ianya tidak boleh dikatakan berjaya memandangkan terdapat banyak penyelewengan yang berlaku apabila pihak-pihak tertentu cuba mengaut keuntungan dengan mengambil rumah kos rendah yang sepatutnya diberi kepada mereka yang memerlukan dan menjual kepada orang luar atau saudara-mara mereka dengan harga yang lebih tinggi.

Ini mengakibatkan mereka yang sepatutnya mendapat rumah ini tidak diberi sebarang rumah dan terpaksa menduduki rumah sewa. Sementara itu, terdapat masalah pula dengan mereka yang menduduki rumah kos rendah.

Terdapat juga lif yang rosak bertahun-tahun dan tidak di selenggara dengan baik, terdapat juga yang tidak ada CF, tingkapnya tidak dilengkapi dengan bingkai besi, kekurangan tempat letak kereta, kekurangan tempat beriadah untuk kanak-kanak. Hakikatnya, kejadian vandalisme di rumah pangaspuri kos rendah juga merupakan antara yang paling teruk.

Kualiti kehidupan yang selesa merupakan langkah pertama ke arah pembasmian kemiskinan, khususnya kemiskinan bandar seperti yang dinyatakan dalam Titah Ucapan Baginda.

Kampung Tunku ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri meninjau agar pembinaan rumah kos rendah ini di selaras dan dijalankan oleh agensi kerajaan negeri seperti PKNS seperti apa yang berlaku di negara lain seperti *Housing Development Board* (HDB) di Singapura.

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku, tolong gulung ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya, ya. Muka surat terakhir ya.

**TUAN SPEAKER :** Ya baik.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Walaupun Kampung Tunku mengetahui *financial constraint* yang dihadapi oleh PKNS untuk membangunkan perumahan kos rendah di

Selangor, tetapi Kampung Tunku berpendapat pembangunan rumah kos rendah tidak berapa mungkin dijayakan oleh syarikat pemaju swasta yang berlandaskan prinsip *profit-driven*, lebih-lebih lagi harga jualan rumah kos rendah ini memang jauh di bawah harga pasaran.

Apa yang Kampung Tunku berharap ialah supaya sekurang-kurangnya agensi kerajaan atau anak-anak syarikat kerajaan memikul tanggungjawab dalam pembinaan, pembahagian dan penyelenggaraan rumah kos rendah agar kepentingan golongan termiskin terjaga.

Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga harus melihat bagaimana kita dapat mengurangkan beban ekonomi penghuni-penghuni di kota raya. Pelaksanaan sistem *feeder bus* di beberapa bandar yang dilaksanakan oleh PBT-PBT tertentu yang menyediakan laluan di tempat-tempat yang terpinggir merupakan sesuatu yang dapat mengurangkan kebergantungan golongan rakyat termiskin terhadap kereta dan petroleum, sekali gus mengurangkan beban ekonomi mereka.

Biarpun begitu, pemantauan harus dilakukan dari semasa ke semasa agar perkhidmatan bas ini betul-betul dapat memanfaatkan golongan rakyat termiskin. Untuk itu, Kampung Tunku ingin bercadang supaya projek sebegini dijalankan melalui satu projek perintis yang dihadkan di sesebuah kawasan terlebih dahulu. Sekiranya projek perintis ini berjaya, maka kerajaan boleh mengkaji supaya pelaksanaannya diperluaskan ke tempat lain.

Tuan Speaker, Kampung Tunku juga ingin menyentuh tentang tempat beribadat di Selangor, termasuk masjid, surau, tokong, kuil, gereja dan sebagainya. Institusi keagamaan merupakan satu institusi kerohanian yang amat penting untuk pembangunan sesebuah negeri.

Dalam perjuangan kita mencapai cita-cita negeri maju, kita perlu sentiasa memastikan bahawa tahap kerohanian dan kesihatan mental rakyat jelata berada di tahap yang mantap. Untuk mencapai cita-cita ini, tempat beribadat pula menjadi satu aspek yang penting.

Kampung Tunku ingin menyarankan supaya semua tempat beribadat untuk mana-mana institusi keagamaan di negeri Selangor diberi insentif sama ada pengurangan cukai pintu, cukai tanah ataupun premium tanah.

Dan sebagai salah satu kesimpulan saya berpendapat bahawa kerajaan negeri perlulah berusaha untuk membersihkan segala kelemahan dalam pentadbiran yang lalu dan setakat ini kami boleh melihat bahawa pembaharuan-pembaharuan yang diluluskan yang dilaksanakan amat memberangsangkan. Saya berharap dalam tempoh lima tahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun yang akan datang, negeri Selangor akan terus dapat mantap mencapai pembangunan, bermanfaat kepada rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER : Kajang**

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM :** Tuan Speaker, tolong tengok kiri kanan sikit, saya dah turun naik lapan kali. Tolong beri keadilan sikit.

**TUAN SPEAKER** : Ya, ada, saya akan beri keadilan. Jangan risau, saya tengok ni. Ya, silakan Kajang.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Kajang mengucap ribuan terima kasih dan juga menjunjung terima kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menyeluruh dan menunjukkan keprihatinan kepada rakyat warga seluruh Selangor dan dari segi isi kandungan berkaitan dengan status, status Selangor Negeri Maju ini, yang memang telah disebut juga oleh Sungai Panjang mengenai statusnya yang mengatakan bahawa Ijok telah dan juga Menteri Besar telah menyatakan bahawa status negeri maju ini di Selangor adalah hasil daripada kerja kerajaan Barisan Nasional di Selangor dulu. Kita faham bahawa kalau sesuatu negeri seperti Selangor ini yang memang kaya dengan sumber-sumber di tempat yang strategik yang memang disegani oleh pemaju-pemaju dan juga pelabur-pelabur. Dalam keadaan ini yang kaya raya sesuatu negeri kalau dia tak dapat, tak dapat mencapai satu kemajuan yang cukup, maka ia amat, ia amatlah boleh kata orang yang menguruskan selama ini memanglah kolot, minta izin ya agak bahasa kasar sedikit. Memang tidak dapat menguruskan ya, negeri dengan cekap dan amanah . Dan keadaan ini dikata ada indikator-indikator yang disebut oleh Sungai Besar tadi, indikator-indikator yang digunakan untuk menilai status negeri Selangor sebagai satu negeri maju. Dan keadaan ini kita nampak telah dinyatakan oleh Menteri Besar bahawa terdapat banyak masalah dan risiko yang berlaku kerana ada penglibatan perbadanan-perbadanan dan juga syarikat yang menanggung risiko yang tinggi dan menanggung kerugian kalau pun yang boleh ditakrifkan kerugian itu dari segi komersial tapi ternyata pulangan sebanyak 3% ini memang jauh sangat dengan pulangan yang sepatutnya. Dalam penglibatan pihak kerajaan dalam perniagaan seperti ini ia amat merugikan. Maka kita nampak sekiranya pada masa yang lampau, pada masa yang lampau sekiranya ditadbir dengan baik dan amanah yang memang kita nampak kekurangan sangat maka sekiranya ia ditadbirkan dengan baik, pencapaian pada negeri Selangor ini tidak setakat pada masa sekarang bukan yang ditakrifkan maju pada 2005 begitu sahaja. Kita akan maju dan akan lebih ke hadapan. Dan pendapatan kita juga akan lebih apa yang dinyatakan. Jadi kemajuan ini tidak dapat kita ghairah-ghairahkan dan tidak boleh kita bagi puji-pujian kepada Barisan Nasional yang selama ini mentadbir. Dan Kerajaan baru ini telah berjiwa dan tekad bahawa yang akan memastikan ketulusan dan juga amanah dalam pentadbiran dalam negeri Selangor supaya segala kekayaan dan pencapaian ini dikembalikan kepada rakyat. Berdasarkan ini, kita nampak walaupun Barisan Nasional telah mentadbir begitu lama, walaupun dikatakan negeri maju, kita nampak di merata tempat di seluruh negeri Selangor selain yang dinyatakan oleh Kota Damansara dan juga Sekinchan dan lain-lain. Dan di Kajang sahaja kita nampak pekerja-pekerja kaum India di ladang sempena kami pergi melawat ke tempat-tempat di situ. Begitu keadaan, di situ keadaan amat menyedihkan. Tiada kediaman yang cukup baik, bukan cukup baik sahaja, terlalu teruk keadaan sebenarnya. Pendapatan bulanan, kita dapat penoreh getah di situ hanya ada RM47 sebulan. Keadaan ini kenapa boleh wujud dalam satu negeri yang digelarkan sebagai negeri maju. Ia satu sindiran yang besar kepada kita.

Selain daripada itu kita nampak seperti yang disebut oleh Antarabangsa tadi Bukit Antarabangsa, iaitu terdapat kediaman-kediaman dan rumah-rumah digelarkan sebagai setinggan iaitu bawah-bawah pentadbiran yang lepas. Bawah dasar setinggan sifar, pemusnahan telah berlaku dengan begitu berleluasa dan kejam ke atas kampung-kampung, yang merupakan kampung perintis seperti di Kampung Berembang, Kampung Rimba dan juga di tempat saya sendiri iaitu Sungai Chua, Kampung Baru Sungai Chua. Pada tujuh (7) tahun yang lepas, telah berlaku pembinaan lebuh raya SILK Lingkaran

Luar di Kajang. 50 pintu rumah di Kampung Sungai Chua telah di roboh dan waktu itu di janji oleh Kerajaan Negeri pampasan akan diberi dengan wajar dengan pemberian sekeping tanah untuk lokasi mereka. Akan tetapi sehingga ke hari ini, sehingga hari ini, belum ada sesiapa diberi tanah . Mereka ini sedang menuntut dan minta daripada saya sendiri untuk kerajaan baru untuk memberikan sekeping tanah untuk kediaman mereka. Jadi pemusnahan yang begitu kejam tidak berperikemanusiaan ini dalam sesuatu negeri yang digelarkan sebagai negeri maju. Biar satu sindiran yang amat-amat memalukan. Dan kita nampak juga dalam ketika yang sama, ketika yang sama yang miskin dipinggirkan. Kita nampak bahawa EXCO-EXCO kerajaan Barisan Nasional yang lepas telah membina banglo-banglo yang begitu besar dan mewah untuk kemewahan tempat untuk singgah EXCO-EXCO, telah menelan belanja berjuta-juta. Satu kontras, satu bertentangan ataupun satu sindiran yang begitu tajam kepada negeri yang kita katakan negeri berhati rakyat dan kita hendak maju bersama-sama dengan rakyat. Dengan ini, kita dapat kerajaan yang baru telah menyusun semula dan dalam titah ucapan Tuanku telah menyatakan bahawa kediaman yang selesa, kediaman untuk setiap satu orang iaitu kediaman untuk semua disebutkan. Dan kediaman untuk semua ini bukan setakat ada bersatu atap bumbung di situ kita mesti mengadakan satu keadaan yang cukup selesa dengan kelengkapan yang pelengkapannya asas yang mencukupi. Yang kita nampak khasnya di ladang-ladang dan di kampung-kampung, kampung baru masih kekurangan.

Selain itu Tuan Speaker, kita nampak juga keadaan yang berlaku lepas dan juga kita nampak tadi Kampung Tunku telah menyatakan BALKIS telah menyalurkan wang sumbangan dari Kerajaan Selangor khasnya daripada syarikat-syarikat dan perbadanan Selangor yang disalurkan untuk kegunaan untuk membangunkan masyarakat di Selangor khasnya kepada orang yang kurang bernasib baik akan tetapi kita nampak sehingga sekarang BALKIS telah menyalurkan wang-wang ini kepada BAKTI iaitu pusat bukan di Selangor. Saya anggap satu penderhakaan. Penderhakaan terhadap negeri Selangor, maka kita boleh anggap ini juga penderhakaan terhadap Baginda juga. Satu yang memang, satu kelakuan yang memang dianggap biadab dan memang tidak layak mereka ini duduk dalam kerusi

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kajang, Beri laluan.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Saya akan teruskan. Saya sudah separuh jalan...

**TUAN SPEAKER** : Kajang tidak bagi.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN** : Dalam keadaan ini, kita nampak sesuatu sumber atau kekayaan yang kepunyaan rakyat ini di salur keluar daripada negeri. Keluar daripada negeri dan tidak menguntungkan warga rakyat negeri Selangor. Kelakuan ini memang kita tidak boleh terima langsung. Dan dengan ini saya memang hendak, Kajang hendak mencadangkan bahawa satu jawatankuasa khas, pilihan khas untuk meneliti kes sebegini supaya kekayaan ataupun segala khazanah yang ada di Selangor ini di salur kembali kepada negeri kita. Selain daripada itu, Tuan Speaker, kita nampak juga terdapat pembaziran-pembaziran yang berlaku dengan tanpa mengambil kira tanggungjawab pada wakil-wakil rakyat pada penggal lepas. Iaitu pada dalam tahun 2008 peruntukan sebanyak RM500,000.00 untuk peruntukan bagi kawasan, telah digunakan, hampir semua digunakan. Bagi Kajang sendiri hanya telah tinggal enam RM

600.00 sahaja. Ini bermaksud dalam tempoh masa yang singkat, dalam dua bulan ini (Januari dan Februari) peruntukan untuk rakyat telah digunakan dan kita nampak dalam akaun, pembaziran telah berlaku dan terdapat juga dalam penyata wang-wang ini digunakan untuk pilihan raya. Dan saya memang meminta, Kajang meminta Dewan mengadakan satu penelitian yang memang teliti terhadap penggunaan peruntukan-peruntukan yang tidak menguntungkan rakyat ini. Dan selain daripada itu, kita nampak pembaziran sebegini telah berlaku biar serentak di seluruh negeri pada setiap wakil rakyat yang dimandatkan. Kenapa ini berlaku? Adakah satu arahan telah diberi untuk penggunaan sebegini? Kalau adanya arahan seperti terdapat arahan-arahan pada tempat-tempat yang lain. Arahan sebegini kalau ada kita dapatkan siapa yang beri arahan dan kita cuba membawakan pengarah ini ke depan mahkamah.

Dan selanjutnya berkaitan dengan titah Tuanku, berkaitan dengan masyarakat yang prihatin, dan juga yang disebut oleh Kampung Tuanku tadi berkaitan dengan keagamaan. Kuil-kuil dan tokong dan surau-surau dan masjid memang kita perlukan dengan banyaknya, tetapi terdapat juga kuil-kuil yang dan juga tempat tokong-tokong kita dapati dalam kerajaan yang lepas mereka hanya merobohkan tanpa sebarang pemberitahuan ataupun keprihatinan terhadap masyarakat setempat. Misalnya di Kampung Rimba, Rimba Jaya dan juga beberapa tempat lagi di sekitar Selangor. Keadaan ini berlaku menunjukkan bahawa penguat kuasa kita, bagi pihak penguat kuasa PBT dan juga arahan dari atasnya, tidak memberi pertimbangan yang dari segi perikemanusiaan terhadap kesemuanya ini. Tindakan sebegini merupakan tindakan yang agak tidak sopan atau tidak menghormati agama yang merupakan suatu sifat yang terbawa dalam kerajaan yang lepas iaitu bawah parti Barisan Nasional dan keadaan ini kita nampak kerajaan yang baru telah mengarahkan kesemuanya tindakan ini diberhentikan. Ini satu gerak kerja yang memang wajar yang kita anggap memang sesuai supaya masyarakat-masyarakat kita yang pelbagai agama tidak salah faham. Dan kita menghormati semua agama yang ada pada negara kita. Sekiranya, tindakan dulu terus berlaku maka ia akan menimbulkan banyak salah faham dan berselisihan. Dan selain daripada itu peruntukan-peruntukan yang wajar juga harus diperuntukkan untuk pembangunan dari segi kerohanian, dari segi pembinaan bagi tempat-tempat tokong, surau dan juga kuil.

**TUAN SPEAKER :** Panjang lagi, Kajang?

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN :** Sekian sahaja ucapan daripada Kajang dan kita Kajang mengucapkan ribuan terima kasih menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Sekian sahaja, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah pun pukul empat tiga puluh (4.30) petang, maka Dewan menangguhkan sehingga ke hari esok 23. Mei , 2008 bermula jam sembilan tiga puluh (9.30) pagi. Dewan Ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang**